

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 27**

**Rabu**

**16 Disember 2015**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kewangan 2015

(Halaman 29)

Rang Undang-undang

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015

(Halaman 46)

Rang Undang-undang Perbadanan Insurans

Deposit Malaysia

(Halaman 73)

Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015

(Halaman 80)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Rabu, 16 Disember 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi kesemua Ahli Yang Berhormat. Hari ini tanggal 16 Disember 2015, kita mulakan dengan perbahasan berkaitan dengan rang undang-undang. Saya berharap semua Ahli Yang Berhormat berada dalam Dewan dan cuba berbahas dengan baik dan berkualiti kerana Yang Berhormat bertanggungjawab meluluskan semua undang-undang negara. Saya minta kalau boleh, ikuti setiap perjalanan rang undang-undang yang kita sama-sama dipertanggungjawabkan. Tanpa buang masa, saya panggil Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain, pertanyaan pertama.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, setakat mana dakwaan penyelewengan ajaran sesat boleh bertukar menjadi ancaman militan yang berupaya menggugat keselamatan negara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri menerusi Polis Diraja Malaysia tidak mempunyai kuasa untuk menentukan sesuatu ajaran itu sesat ataupun tidak. Hal ini berikutan pihak berkuasa yang menentukan sesuatu ajaran itu sesat atau tidak, ia terletak di bawah bidang kuasa jabatan-jabatan agama Islam negeri masing-masing dan juga Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Manakala Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula hanya memantau dan menilai dari sudut tahap ancaman kumpulan-kumpulan ajaran sesat tersebut sama ada mereka berpotensi untuk mengancam keselamatan dan ketenteraman awam ataupun tidak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Megat dan Dewan yang mulia ini, kumpulan-kumpulan ajaran sesat kebiasaannya bermula dengan penekanan terhadap aktiviti-aktiviti pengisian amalan agama dan kerohanian. Walau bagaimanapun, setelah mereka meraih sokongan, pengaruh dan ketaksuban mereka mula mendoktrinkan konsep dan semangat jihad serta syahid yang terpesong. Sebagai contoh, menyerang dan memusnahkan tempat-tempat ibadat agama lain, mengakui mereka 'tentera' Allah dan mengkafirkan serta menghalalkan darah sesama Islam untuk dibunuh.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini PDRM dengan kerjasama pihak berkuasa agama sedang memantau 56 daripada 95 kumpulan ajaran sesat yang boleh mendatangkan ancaman keselamatan dan menggugat ketenteraman awam. Tindakan-tindakan yang bersesuaian dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan pihak berkuasa tempatan telah pun mengambil perhatian daripada semasa ke semasa untuk menangani kegiatan kumpulan ajaran sesat sebelum ia menjadi semakin parah.

Selain itu, sekiranya terdapat bukti-bukti bahawa mereka terlibat di dalam mana-mana aktiviti berbentuk militan atau pengganas seperti mula mengangkat senjata, tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat akan diambil di bawah undang-undang sedia ada seperti SOSMA ataupun Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan juga POTA atau Akta Pencegahan Keganasan 2015 dan Kanun Keseksaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan pertama, Datuk Megat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, saya hendak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan Polis Diraja Malaysia dan khasnya Kementerian Dalam Negeri kerana telah pun berjaya membuat tangkapan yang agak banyak berkenaan rakyat Malaysia yang didapati terlibat dalam kumpulan ataupun ajaran ataupun dalam pertubuhan IS.

Namun demikian, saya memahami apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi cuma yang ingin saya bangkitkan ialah soal walaupun ajaran sesat ini dipantau mungkin oleh jabatan agama dan sebagainya. Akan tetapi apa yang kita khawatir adalah dalam suasana hari ini Yang Berhormat Tan Sri, dalam keadaan kumpulan militan ini dilihat kononnya membawa satu semangat jihad yang kuat, kita khawatir mungkin ada pasukan-pasukan ataupun pertubuhan-pertubuhan yang bernaung di bawah nama-nama pertubuhan agama. Contohnya, yang mungkin akan terjadi seperti mana yang kita ingat satu tragedi dulu Al-Ma'unah yang dilihat bergerak sebagai sebuah pertubuhan tetapi akhirnya melakukan rampasan senjata dan membuat pembunuhan dan sebagainya.

Jadi, soalan tambahan saya ialah adakah pihak kementerian memantau pertubuhan-pertubuhan yang bergerak seperti ini kerana kita tak hendak nanti walaupun ia di bawah Jabatan Agama tetapi *prevention is better than cure*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk memantau supaya mereka tidak melibatkan perkara dengan tindakan-tindakan yang akhirnya boleh membawa ketidakstabilan politik dan keamanan dalam negara ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri dengan tindakan ataupun pergerakan-pergerakan pertubuhan ala militan seperti ini dalam pemantauan pihak Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang dalam jawapan saya pada awal tadi kita melalui PDRM akan sentiasa memantau semua kegiatan pelampau agama dan juga persatuan. Oleh yang demikian dari semasa ke semasa sekiranya ada laporan diterima oleh pihak polis,

maka tindakan sama ada melibatkan Jabatan Agama Islam di negeri masing-masing untuk mengesan dan sekiranya mereka akan menjurus kepada mengancam keselamatan negara, maka kita boleh mengambil tindakan di bawah POTA atau SOSMA.

Baru-baru ini kita telah mengadakan penerangan di beberapa buah zon di seluruh negara untuk menerangkan POTA ke seluruh anggota jawatankuasa penguatkuasaan seperti polis, imigresen dan sebagainya untuk mengekang sekiranya ada kemungkinan berlaku pelampau-pelampau agama yang akan mengancam keselamatan negara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, semua orang tak nak sesat dan sesat ini satu perkara yang tidak baik dan semua orang tidak suka kalau dikatakan dia sesat. Jadi saya melihat sesat diputuskan oleh Jabatan Agama, yang mengambil tindakan ialah Polis Diraja Malaysia dalam membanteras atau menangkap dan sebagainya. Jadi dalam 50 lebih kumpulan ajaran yang telah disebutkan tadi, maka saya ingin tahu berapa daripada sekian banyak itu ia berpotensi menjadi ancaman ketenteraan atau militan yang telah berlaku dalam negara kita.

Kedua, adakah sesat ini hanya berlaku di kalangan umat Islam sahaja dan tidak berlaku di kalangan penganut agama lain. Jadi saya pun sering dengar dalam agama lain pun ada disebut juga ada sesat. Jadi saya hendak tahu jugalah adakah dalam negara kita ini telah dikesan kumpulan-kumpulan ajaran agama yang bukan Islam disebut sebagai ajaran sesat. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat senator. Jadi saya jawab soalan kedua dahulu. Yang melibatkan agama, kita tidak boleh melibatkan agama lain tetapi ada disebut Hindraf yang membenarkan Hindu sebagai persatuan pelampau daripada segi kaum dan juga kejadian-kejadian yang dahulu. Walaupun mereka menyebut Hindraf atau *Hindu Action Task Force*, jadi ini melibatkan agama Hindu, tetapi daripada konsep agama kita tidak pasti. Akan tetapi mereka berdiri atas konsep perkauman dan juga provokasi dan menyentuh tentang hal kejadian dahulu.

Kedua, tadi Yang Berhormat Senator ada menyentuh hal sesat, tetapi kalau kita tengok kes-kes yang melampau dahulu seperti pelampau agama terutama umat Islam seperti tentera sabilillah, golongan rohaniah, koperasi angkatan revolusi Islam Malaysia, kumpulan Mohd Nasir Ismail, kumpulan revolusi Islam Ibrahim Libya dan sebagainya. Jadi ini menunjukkan mereka ini pernah mengucar-ngacirkan keselamatan dan ketenteraman kita di negara ini terutama yang terakhir yang berlaku pada tahun 2000 yang mana kumpulan Al-Ma'unah merompak senjata di *post* tentera di jalan raya Timur-Barat, Kem Batalion 304 di Gerik. Jadi kumpulan ini telah membunuh dua orang pasukan keselamatan. Jadi perkara ini yang kita tidak mahu. Jadi kita akan sentiasa memantau terutama melalui PDRM dan juga Jabatan Agama Islam negeri masing-masing untuk mengekang, sekiranya mereka menjurus kepada keselamatan, kita akan cuba membanteras perkara ini. Terima kasih.

**2. Datuk Koh Chin Han [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, bidang-bidang keusahawanan yang gagal dibangunkan dan apakah inisiatif yang telah diambil dan akan diambil untuk mengatasinya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah mengenal pasti beberapa perkara yang menyumbang kepada cabaran dan halangan dalam bidang keusahawanan, antaranya seperti berikut:

- (i) kebanyakan usahawan baru kekurangan modal untuk memulakan perniagaan;
- (ii) mereka juga sukar untuk mendapatkan pembiayaan kerana tidak mempunyai rekod dan pengalaman perniagaan yang cukup bagi meyakinkan institusi kewangan;
- (iii) gaji stabil yang ditawarkan oleh bidang kerjaya tetap berbanding dengan pendapatan daripada perniagaan yang tidak tetap dan lebih berisiko mendorong ramai yang menjauhi bidang keusahawanan. Ini ditambah dengan tarikan kepada kerjaya profesion seperti doktor, jurutera, dan peguam menyebabkan golongan lepasan siswazah memilih untuk mencari kerjaya secara makan gaji;
- (iv) masalah sikap yang tidak sabar dengan cabaran dalam bidang perniagaan dan tuntutan komitmen yang tinggi untuk menjayakan sesuatu perniagaan sebelum berjaya atau mencapai peringkat perniagaan yang stabil mengakibatkan ramai menjauhi serta meninggalkan bidang keusahawanan separuh jalan; dan
- (v) kekurangan ilmu keusahawanan seperti pemasaran, penghasilan produk yang memenuhi kehendak pasaran, pengurusan kewangan serta pengurusan organisasi di kalangan warga muda menyebabkan mereka fobia atau tidak berminat untuk menceburi bidang perniagaan.

Agensi di bawah MITI seperti *Malaysia Industry Development Fund* (MITF) dan SME Bank yang membantu meningkatkan tahap daya saing usahawan melalui penawaran bantuan pinjaman mudah kepada usahawan tempatan untuk Menteri mengembangkan perniagaan mereka daripada segi pemberian aset seperti premis perniagaan, mesin, peralatan dan juga modal kerja untuk menghadapi kekangan dalam proses penyaluran bantuan seperti dokumen yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak dikemaskinikan, rekod kredit syarikat atau pengarah serta pemegang saham syarikat kurang memuaskan seperti saman atau tindakan undang-undang terhadap syarikat atau pengarah, pemegang saham syarikat, syarikat pemohon berhadapan dengan isu CCRIS seperti pemohon mempunyai rekod pembayaran yang tidak memuaskan dengan institusi kewangan yang lain dan unjuran aliran tunai yang tidak mencukupi untuk membayar ansuran pinjaman yang dipohon.

Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang utama, institusi-institusi kewangan telah memainkan peranan yang proaktif dalam membantu dan memberi peluang kepada PKS yang berdaya maju tetapi mempunyai tanda-tanda awal masalah kewangan menerusi program pemulihan yang sedia ada. Pada tahun 2014, institusi kewangan telah membantu 873 PKS menerusi pencatuan dan penyusunan semula pembiayaan perniagaan yang melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM0.9 bilion.

**■1020**

Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2003 lebih berperanan sebagai pelengkap kepada usaha pemulihan yang dilakukan oleh institusi-institusi kewangan bagi membantu PKS yang menghadapi masalah pembayaran balik pembiayaan perniagaan, terutamanya yang melibatkan lebih daripada sebuah institusi kewangan. Semenjak ditubuhkan, SPPK telah menerima sebanyak 1,347 permohonan dengan pembiayaan terkumpul berjumlah RM1.9 bilion. Kadar kelulusan SPPK adalah tinggi iaitu 83% berdasarkan jumlah permohonan yang layak dipertimbangkan di bawah skim tersebut. Sebanyak 942 permohonan telah diluluskan untuk penjadualan atau penyusunan semula melibatkan baki pembiayaan berjumlah RM1.1 bilion.

Kira-kira 50% daripada PKS yang dibantu di bawah skim ini telah berjaya memulihkan semula kedudukan kewangan serta prestasi perniagaan mereka. Namun begitu, sebahagian daripada permohonan yang diterima tidak dapat diluluskan kerana didapati tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan skim. Seperti perniagaan tidak lagi beroperasi dan tindakan undang-undang ke atas syarikat atau pemilik telah mencapai tahap penggulungan atau kebangkrapan.

Di bawah Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (NTSC) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya, mempertingkatkan akses kepada pembiayaan dan pemasaran, penstrukturan kewangan serta pewujudan pangkalan data PKS yang komprehensif bagi memantau kemajuan PKS dalam semua sektor ekonomi. NTSC juga menggalakkan kerjasama dengan sektor swasta bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program pembangunan PKS secara menyeluruh. Memandangkan banyak kementerian dan agensi yang terlibat, pada tahun 2012 SMECorp. Malaysia selaku sekretariat kepada NSTC telah melaksanakan inisiatif untuk merasionalisasikan program-program pembangunan yang dilaksanakan.

Melalui proses ini, pelaksanaan 179 program telah dirasionalisasikan kepada 144 program. Ia berjaya mengurangkan pertindihan peranan agensi, mengoptimumkan sumber dan seterusnya meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program. Sebagai agensi penyelaras pusat bagi keseluruhan program pembangunan PKS, SMECorp. Malaysia juga dipertanggungjawabkan untuk menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan kemajuan dan pencapaian program-program pembangunan PKS.

Bagi tujuan ini, SMECorp. Malaysia telah menerbitkan Pelan Tindakan Bersepadu PKS pada setiap tahun bagi memberikan gambaran keseluruhan mengenai keberkesanan semua program pembangunan PKS yang dilaksanakan. SMEIPA berperanan selaku pemangkin dalam mengukuhkan jaringan di kalangan kementerian dan agensi bagi meningkatkan kecekapan, mengeratkan kerjasama, mengurangkan pertindihan dan mengoptimumkan peruntukan dana. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menjawab dan merespons dengan jawapan yang saya agak menjawab kepada isu yang saya telah bangkitkan dalam soalan nombor dua. Jadi, saya tiada apa-apa soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**3. Datuk Hamzah bin Mohd Kasim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, berapa ramai bilangan pengusaha-pengusaha kapal *cruise* asing yang dibenarkan menjalankan aktiviti mereka di perairan negara.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati dan sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan bersama-sama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa menggalakkan syarat-syarat kapal *cruise* asing untuk menjalankan aktiviti *cruise* di perairan Malaysia. Tertakluk kapal-kapal tersebut mematuhi syarat-syarat teknikal dan keselamatan yang ditetapkan oleh Jabatan Laut Malaysia.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan melalui inisiatif *Entry Point Project* di bawah *National Key Economic Area* (NKEA), dengan izin, pelancongan telah menyediakan kemudahan untuk persinggahan kapal-kapal *cruise* di destinasi-destinasi utama di Malaysia iaitu:

- (i) Pelabuhan Klang;
- (ii) Pulau Pinang;
- (iii) Langkawi;
- (iv) Melaka;
- (v) Kota Kinabalu,
- (vi) Kuching;
- (vii) Kuantan; dan
- (viii) Lumut.

Mulai tahun 2012 sehingga November 2015, sebanyak 33 buah syarikat pengusaha kapal *cruise* asing yang mempunyai kapal berkapasiti di antara 112 dan hingga 4,905 buah tempat duduk penumpang telah menjalankan aktiviti *cruise* di perairan Malaysia. Mengikut rekod, jumlah persinggahan *cruise* di Malaysia telah meningkat sebanyak 11.7% iaitu daripada 359 persinggahan yang dicatat pada tahun 2013 kepada 421 persinggahan pada tahun 2014. Dijangkakan angka ini akan terus meningkat bagi tahun 2015, di mana sehingga November 2015, sebanyak 420 persinggahan telah direkodkan dengan 313,793 orang pelancong *cruise* ke Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan ada pertanyaan?

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab begitu baik sekali. Soalan tambahan saya iaitu apakah bentuk pemantauan kepada warga negara Malaysia yang menggunakan perkhidmatan *cruise* ini sekiranya berlaku perkara-perkara yang melanggar daripada segi hukum Islam semasa atas pelayaran tersebut? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM), PDRM dan Jabatan Kastam membuat pemantauan berkala kepada aktiviti-aktiviti di *cruise-cruise* ini. Kebanyakan aktiviti di *cruise* ini biasanya

aktiviti sukan, *ice skating*, permainan kanak-kanak, karaoke, *swimming pool* dan kalau yang melanggar pun cuma kasino. Akan tetapi kasino ini kalau ia berlabuh ke jeti-jeti ataupun pangkalan di Malaysia, memang kerajaan telah mengarahkan untuk ditutup. Akan tetapi kalau ia beroperasi di lautan antarabangsa, kerajaan tidak mempunyai hak untuk menguatkuasakan undang-undang di Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat. Soalan tambahan kedua, Datuk Seri Haji Abd. Halim.

■1030

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit, apakah usaha-usaha terbaru kerajaan untuk mempertingkatkan industri *cruise* ini? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai industri *cruise* yang semakin meningkat di negara kita, kerajaan juga telah membuat pendekatan baru seperti di Melaka, *Melaka Gateway*. Kerajaan Negeri Melaka dengan sokongan Kerajaan Pusat telah membuat kerjasama dengan syarikat swasta dan juga kerajaan di negeri China untuk membangunkan *Melaka Gateway* iaitu dia akan bangunkan *Malacca International Cruise Centre* yang mungkin menjadi *cruise centre* yang terbesar di negara kita yang boleh menampung dua buah kapal mega.

Kapal mega ini makna dia sebuah kapal yang mempunyai berat 150,000 *gross ton*. Sekarang ini yang terbesar dalam dunia 225,000 *gross ton*. Jadi di Melaka ini sedang dibangunkan yang dipanggil *Malacca International Cruise Centre*. Ia akan dibina di satu penambakan tanah ataupun *land reclamation* untuk memastikan kedalaman boleh menampung *cruise* yang terbesar di peringkat dunia.

Kedua, kita juga sedang dalam proses membangunkan satu lagi di *Kota Kinabalu International Cruise Terminal*. Sekarang ini terminal kargo di Kota Kinabalu sedang dalam proses perpindahan ke Pelabuhan Sepanggar. Apabila selesai pindah ke Sepanggar, maka Pelabuhan Kota Kinabalu ini akan dibangunkan sebagai *Kota Kinabalu International Cruise Terminal*.

Ketiga, Kementerian Pengangkutan juga sedang untuk membangunkan di Pulau Pinang tetapi setakat ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang belum memberi kerjasama yang baik untuk memberikan *land title* kepada kementerian. Terima kasih.

4. **Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah cadangan tambahan untuk mewujudkan skim diskaun khas di pusat-pusat membeli-belah, pasar raya dan juga hotel-hotel penginapan untuk golongan veteran dan warga emas.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan kementerian yang bertanggungjawab terhadap rancangan dan pembentukan dasar serta strategi pelaksanaan dan pemantauan terhadap program-program pembangunan kepada lapan kumpulan sasar iaitu wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, orang papa,



mangsa bencana alam dan pertubuhan sukarela kebajikan. Fokus terhadap kumpulan sasar KPWKM adalah berkaitan hal-hal kebajikan yang mana sekiranya golongan ini tidak dibantu, mereka akan menjadi kumpulan rentan dalam negara kita. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dan *inclusive*, kesejahteraan dan kebajikan golongan yang memerlukan termasuk warga emas sentiasa mendapat pembelaan sewajarnya daripada kerajaan. Dalam hal ini, kerajaan menyediakan pelbagai keistimewaan dan kemudahan kepada warga emas di Malaysia.

Pada masa ini, telah ada pusat-pusat membeli belah, pasar raya dan juga hotel-hotel penginapan yang menawarkan diskaun khas kepada warga emas. Pemberian diskaun kepada warga emas merupakan inisiatif yang diambil oleh pihak swasta kerana ia memenuhi keperluan pasaran tertentu dan membawa manfaat bukan sahaja kepada warga emas tetapi juga kepada pengusaha. Kerajaan tidak campur tangan dalam perkara ini kerana ia kuasa pasaran. Namun, kerajaan menggalakkan pihak swasta menawarkan diskaun khas untuk golongan warga emas.

KPWKM berterima kasih dan menyambut baik cadangan yang dikemukakan dan akan melihat kesesuaian pelaksanaan cadangan tersebut dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin kesejahteraan rakyat secara keseluruhan termasuk golongan warga emas khususnya dalam menghadapi situasi ekonomi yang sentiasa berubah dan memberi kesan kepada kos sara hidup, kerajaan telah menyediakan Kad Diskaun 1Malaysia. Program Kad Diskaun 1Malaysia ini dicetuskan bagi mengimbangi desakan pasaran dan kelangsungan hidup golongan yang memerlukan termasuk OKU, pesara dan pelajar agar mereka dapat memanfaatkan kuasa beli secara optimum.

Kerjasama pintar yang diketuai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan ini melibatkan perkongsian rakan dagang iaitu syarikat-syarikat swasta yang memberikan potongan harga dan diskaun bagi barangan dan perkhidmatan kepada pemegang-pemegang Kad Skuad Pengguna, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia, *1Malaysia Privilege Card*, kad bekas tentera, kad OKU dan kad pesara kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua, dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan baik dan tepat. Hati saya rasa lega, puas bahawa ada Menteri yang membantu memperkasakan keluarga kita, veteran dan seterusnya. Inilah ke arah kita melahirkan sebuah masyarakat harmoni iaitu yang tua dihormati, yang muda dikasihi. Bayangkan, tahu menghargakan jasa-jasa orang lama, orang tua, veteran-veteran yang banyak berjasa seperti veteran askar, tentera, veteran guru semua ini dan lain-lain orang yang tidak berada.

Saya minta tadi supaya ini berterusan dan supaya kita memberi sokong penuh dan ditambahkan lagilah kalau mana tadi yang tidak kadang-kadang kita tengok, kadang segan kita di negeri-negeri lain itu. Kadang-kadang kita tengah berhenti kereta ada datang jumpa kita dengan bawa anaknya minta sokongan. Akan tetapi akhir-akhir ini saya ingat sudah kurang, sudah tidak ada sudah tidak macam negeri lain. Inilah perkara-perkara yang saya rasa nampakkan kita membela nasib orang yang sudah

berjuang untuk kita tadi. Itulah saya rasa supaya saya doakan supaya benda ini *sucesslah* melalui program ini. Sekian, terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad. Saya hendak beri maklumat yang lebih lanjut lagi kepada Yang Berhormat.

Sebenarnya kerajaan telah menyediakan lebih kurang 19 jenis keistimewaan dan kemudahan kepada warga emas di Malaysia termasuk pengecualian caj pendaftaran pesakit luar dan pengurangan caj pesakit kelas tiga, pelepasan cukai pendapatan, kemudahan pengangkutan awam, kemudahan membuat dan memperbaharui pasport kepada golongan warga emas yang telah pun dikurangkan daripada RM150 bagi tempoh lima tahun kepada RM100 dan peraturan-peraturan kerja iaitu untuk pekerja-pekerja separuh mahir, potongan cukai kepada majikan yang mana mereka mengambil warga emas sebagai pekerja seperti dinyatakan dalam RMKe-10 dan juga umur persaraan telah pun dilanjutkan daripada 58 tahun kepada 60 tahun mulai tahun 2012.

Di samping itu, *National Blue Ocean Strategy 7*, kita ada satu program iaitu 1Malaysia Family Care dan juga skim persaraan swasta, pelarasan pencen pesara kerajaan, inisiatif melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), bantuan orang tua, pusat jagaan warga emas Rumah Seri Kenangan, Rumah Ihsan, wang saku penghuni warga emas di Institusi JKM, pusat aktiviti warga emas, perkhidmatan bantu di rumah dan juga satu *task force* warga emas telah pun ditubuhkan baru-baru ini untuk kita mengkaji dan juga tengok balik apakah itu perkhidmatan yang kita boleh tingkatkan lagi supaya manfaat dan kebajikan warga emas ini dapat dibela. Sekian, terima kasih.

#### ■1040

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, suara saya serak. Bukan suara Ella, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya sokong penuh atas soalan yang dibuat oleh rakan saya, Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim sebentar tadi berhubung dengan memperkasakan warga emas dan menyejahterakan masyarakat yang menyoal pun warga emas. Saya belum lagi warga emas. Warga berlian, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya kena ada ayat warga berlian. Itu umur yang berapa itu. Itu lagi hendak kena jaga, Tuan Yang di-Pertua.

Kita tadi telah mendengar cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa itu pun tidak boleh menjamin kesejahteraan warga emas masa-masa hadapan. Soalan tambahan saya, adakah program pendidikan dan program kesedaran dengan korporat bagi memperkasakan golongan warga emas dalam menyejahterakan untuk kepentingan masyarakat kita. Jadi, sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Seperti apa yang tadi saya telah pun sebut, satu *taskforce* telah pun ditubuhkan supaya untuk kita bekerjasama dengan semua pihak masyarakat. *Taskforce* ini akan ditubuhkan untuk kita mengenal pasti isu dan cabaran penuangan yang merangkumi aspek kesihatan, ekonomi, pekerjaan, sosial, pembelajaran sepanjang hayat, *accessibility* dan penyelidikan serta menetapkan keutamaan bidang yang akan

ditangani bagi memastikan pelaksanaan inisiatif yang lebih fokus dan menjurus kepada isu yang diketengahkan.

Kedua, kita membincangkan perkembangan dan keberkesanan langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan mengenal pasti masalah kelemahan, kekangan yang dihadapi melalui *engagement* dengan agensi-agensinya pelaksana dan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili kepentingan warga emas bagi memperkemas aspek pemantauan, pelaksanaan program dan juga membincang, menyelaraskan dan mencadangkan inisiatif baru, penambah baik dan strategi proaktif yang boleh dilaksanakan oleh kementerian, agensi kerajaan dan penglibatan aktif masyarakat termasuk juga korporat bagi mengoptimumkan potensi warga emas dalam masyarakat ke arah menyokong peningkatan kesejahteraan warga emas.

Biasanya kami ada satu persepsi. Bila kita sentuh masalah warga emas, kami selalunya akan mengadakan kempen kesedaran hanya untuk tumpu kepada warga emas. Akan tetapi sebenarnya pada masa ini, apa yang kita perlu lebih fokus kita juga perlu membangunkan kesedaran antara golongan-golongan pemuda dan juga mereka yang belum masuk ke usia warga emas.

Di samping itu, saya rasa memandangkan pada tahun 2035 BUAH negara kita akan menjadi sebuah negara tua, oleh itu kita mesti menyediakan skim-skim dan juga kita adakan rancangan-rancangan supaya kita menyediakan warganegara kita untuk mereka buat rancangan supaya mereka boleh mendapat satu kehidupan yang selesa bila masa mereka menjadi warga emas. Sekian, terima kasih.

**5. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Menteri Pendidikan menyatakan, bilangan pelajar yang tidak lulus SPM kerana gagal dalam subjek Sejarah dan Bahasa Malaysia mengikut tahun dan negeri serta adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan peperiksaan ulangan untuk Sejarah sebagaimana peperiksaan ulangan untuk Bahasa Melayu.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah yang bertanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, data bilangan calon yang gagal dalam mata pelajaran Sejarah dan Bahasa Melayu atau kedua-duanya di seluruh negara. Pada tahun 2014 adalah seramai 68,120 orang. Untuk makluman Yang Berhormat, mulai tahun 2014 Kementerian Pendidikan Malaysia telah menawarkan Peperiksaan SPM Ulangan kertas Sejarah dalam bulan Julai. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Soalan tambahan saya, ada beberapa. Saya harap boleh jawab. Pertama, apakah kerajaan mengkaji keberkesanan perwajibkan subjek Sejarah ini telah mencapai matlamat yang digariskan semenjak ia dilaksanakan pada tahun 2013?

Kedua, jika dilihat pada sijil SPM, dipaparkan subjek lulus. Subjek gagal tidak dipaparkan. Saya ingin mencadangkan sekiranya kerajaan boleh mengkaji adakah lebih mesra pelajar sekiranya subjek yang diambil, walaupun gagal turut dinyatakan sebagai suatu pengiktirafan bahawa subjek tersebut pernah dipelajari. Tidak dinafikan terus di dalam sijil dan tidak dinyatakan langsung bahawa subjek itu

telah diambil. Adakah kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan subjek Agama dan Sivik sebagai subjek wajib lulus memandangkan saya kira masalah sosial yang semakin berterusan tanpa ada penyelesaian. Itu sahaja. Sekian. Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Pertamanya, kalau kita melihat kepada kesan apabila kita mewajibkan subjek Sejarah untuk lulus supaya mendapat Sijil Pelajaran Malaysia setelah kita mewajibkannya, bilangan kelulusan keseluruhan dalam subjek Sejarah telah bertambah.

Saya bagi contoh. Kita bagi *figure*. Jumlah mereka yang gagal dalam subjek Sejarah dalam tahun 2014 sebanyak 13.2%. Pada tahun 2013, sebanyak 12.7%. Ini sejak kita mewajibkan subjek sejarah itu wajib lulus. Sebelum itu, pada tahun 2012, jumlah yang gagal sebanyak 19%. Maka jelas apabila kita mewajibkan subjek Sejarah untuk lulus, maka lebih ramai yang memfokuskan kepada subjek Sejarah.

Dengan itu kita melibat bahawa kewajipan itu membantu kepada pelajar-pelajar kita untuk lebih fokus kepada pembelajaran dalam subjek Sejarah yang akan membawa kesan terhadap pengenalan kepada subjek Sejarah tanah air kita dan juga semangat patriotisme di kalangan murid-murid kita. Cadangan supaya subjek yang diambil tetapi gagal turut disertakan dalam sijil itu, saya boleh bawa balik untuk berbincang dalam kementerian.

Tentang subjek Agama dan Sivik untuk dijadikan subjek lulus, untuk makluman Dewan yang mulia ini sebelum ini pun kementerian bercadang untuk mewajibkan supaya bahasa Inggeris itu lulus tetapi kita melihat kepada sumber ataupun angka-angka sebelum ini. Sekiranya kita mewajibkan subjek Bahasa Inggeris, maka lebih ramai lagi yang tidak akan boleh memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia. Akan tetapi kalau sekiranya kita memasukkan kepada subjek lain seperti Sivik dan Moral, contohnya kalau ada cadangan pula hendak masukkan Sains dan Matematik sebagai subjek teras untuk lulus, kalau begitu tidak habislah kepada senarai subjek yang perlu wajib lulus. Maka setakat itu, subjek Bahasa Melayu dan subjek Sejarah yang akan diwajibkan lulus untuk SPM. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua.

■1050

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membawa satu perkara yang saya rasa relevan kepada semua Yang Berhormat Senator pada hari ini sebelum saya bertanya kepada soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *MalaysiaKini* telah mengeluarkan satu kenyataan berbunyi berikut, "*What a single Barisan Nasional Senator was present at attend briefing on the National Security Council Bill that was held in Parliament yesterday. National Human Right Society (HAKAM) President, Ambiga Sreenevasan said, the absent of all the 55 Barisan Nasional Senators was assigned that they were afraid to face the rakyat.*" Ini satu pembohongan yang nyata Tuan Yang di-Pertua. Semalam, nombor satu kita tidak dapat jemputan langsung. Kalau dapat jemputan kita tetap pergi. Kita akan bersama. Akan tetapi tidak ada jemputan, nombor satu.

Nombor dua, kita ada taklimat daripada MKN semalam. Jadi ini satu pembohongan, fitnah yang nyata Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta kalau boleh semua Yang Berhormat Senator pada hari ini kita membuat satu kenyataan berhubung dengan kenyataan yang dibuat oleh *MalaysiaKini* hari ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Soalan saya, semangat sudah naik sikit, soalan lain pula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kalau ada respons saya akan buat kenyataan kemudian nanti.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kita melihat fakta sejarah ini telah diputar belitkan oleh pihak pembangkang, khusus, saya hendak sebut nama Yang Berhormat Mohamad Sabu semasa menjadi Ahli Parlimen telah pun memutar belitkan sejarah bahawa komunis ini pejuang kemerdekaan dan ini masih dibawa oleh pelajar-pelajar kita khususnya pelajar-pelajar di peringkat tinggi. Jadi apa tindakan kementerian dalam memulihkan isu putar belit yang dibuat oleh pihak pembangkang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tambahan itu tidak ada kaitan dengan soalan asal, tetapi saya boleh menjawab untuk Kementerian Pendidikan Malaysia, isu yang dibawa oleh Mohamad Sabu itu isu politik di luar daripada mata pelajaran Sejarah Malaysia. Maka di bawah jagaan kurikulum Sejarah di kementerian, kita masih mengikut fakta-fakta sejarah yang tertera di dalam buku-buku teks kita. Kita tidak mengubah kerana adanya cadangan ataupun pandangan di luar politik di sana. Maka di bawah jagaan kita, murid-murid, pelajar-pelajar kita masih mengikut kurikulum *standard* yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**6. Abdul Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, berapa banyak jumlah kereta Proton yang dijual di dalam dan luar negara semenjak 5 tahun lepas dan berapa ramai pengedar kereta Proton dalam negara yang masih beroperasi dan yang dibatalkan dan jika dibatalkan, mengapa.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 2011 sehingga Oktober 2015, jualan terkumpul model-model kereta Proton sebanyak 649,131 unit iaitu 623,994 unit di pasaran domestik. Manakala 25,137 unit dieksport. Pada masa ini Proton mempunyai 400 buah bilik pameran dan pusat servis yang mana 20% daripadanya cawangan milik Proton. Walau bagaimanapun disebabkan faktor kemampunan perniagaan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini terdapat 22 buah syarikat yang telah menyerah semula perjanjian wakil jualan dan tidak lagi menjadi pengedar Proton. Sementara itu, tiga buah syarikat lagi dibatalkan operasi atas sebab-sebab tidak memenuhi kriteria penilaian yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama Proton. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Yang Berhormat Tan Sri juga tinggalkan soalan tambahan yang berbunyi, apa kedudukan cadangan Proton untuk bekerjasama dengan Honda atau Volkswagen bagi memajukan Proton terutama daripada segi kejuruteraan seperti *design* dan membuat *chasis*, *gearbox* dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, saya tiada maklumat tentang kerjasama antara Proton dengan industri lain. Jadi saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan lain, silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Azizah Binti Haji Harun:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kereta Proton merupakan kereta kebanggaan negara kita dan saya rasa pastinya Proton sentiasa berusaha meningkatkan mutu dan kualiti keretanya. Selain daripada peningkatan mutu dan kualiti kereta Proton, adakah kementerian juga memantau kualiti dan mutu perkhidmatan yang disediakan di pusat-pusat servis Proton. Ini kerana di internet dan media sosial, terdapat cerita yang mengatakan kualiti servis dan mutu tidaklah setimpal dengan jenama Proton itu sendiri. Mereka merungut mutu perkhidmatan di pusat servis ini amat rendah sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah memberi, melaksanakan pelbagai langkah untuk membantu Proton termasuk memberi pelepasan cukai import, cukai eksais dan dana IMD. Selain itu kerajaan juga menawarkan kemudahan skim pinjaman mudah kepada vendor Proton. Jadi Proton telah dibantu oleh kerajaan. Proton telah memenuhi pelbagai kementerian dan agensi kerajaan bagi bantuan dan sokongan untuk pembangunan projek kereta Nasional dan rantaian bekalan dan ini sedang dibincangkan. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Koh Chin Han** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apa inisiatif Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dalam mencetuskan kerjasama antara negara-negara terlibat dan langkah proaktif bagi memastikan isu penculikan tidak berleluasa di perairan Malaysia.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Reezal Merican]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas pertanyaan yang dikemukakan. Saya mohon keizinan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat kerana ia berkisar pada perkara yang sama iaitu tentang kepengerusian ASEAN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Untuk maklumat Dewan, kegiatan lanun yang sering dikaitkan dengan isu penculikan di Malaysia antara jenayah rentas sempadan yang dibincang di peringkat ASEAN. Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai jenayah rentas sempadan ataupun ASEAN *Senior Officials Meeting on Transnational Crime* (SOMTC) dan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai jenayah rentas sempadan ataupun, dengan izin, *ASEAN Ministerial of Meeting on Transnational Crime* (AMMTC) merupakan platform utama bagi ASEAN untuk memerangi ancaman rentas sempadan yang mampu mengancam kestabilan dan keselamatan rantau.

Menyedari ancaman kegiatan lanun laut sering dikaitkan dengan isu penculikan di perairan, AMMTC Ke-10 yang diadakan di Kuala Lumpur pada 28 September hingga 1 Oktober 2015 telah

bersetuju untuk mengembangkan skop perbincangan kegiatan lanun laut untuk membincang isu-isu keselamatan maritim bukan tradisional termasuk isu penculikan di perairan. Namun begitu pada lazimnya isu penculikan di perairan dibincang dan diselesaikan juga melalui hubungan kerjasama secara dua hala ataupun *bilateral* antara negara-negara terlibat.

#### ■1100

Bagi menangani isu penculikan di perairan Pantai Timur Sabah, Kerajaan Malaysia dan Philippines mempunyai kerjasama dua hala yang baik dan sentiasa bekerjasama terutamanya dalam aspek perkongsian maklumat-maklumat *intelligence* dan sebagainya.

Berkaitan usaha menjamin keselamatan rakyat dalam negara ini, perkara ini adalah di bawah pemerhatian Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) dan juga Kementerian Dalam Negeri. Namun begitu, Malaysia menekankan keperluan untuk kita mencari penyelesaian ke atas punca utama ataupun dengan izin, *root causes* untuk menangani isu ini. Malaysia akan terus membawa isu ini untuk dibincangkan di platform-platform multilateral seperti ASEAN dan juga forum-forum rantau yang lain pada masa-masa akan datang demi mengukuhkan lagi kerjasama bagi memerangi isu penculikan di perairan daripada berleluasa.

Berkaitan dengan isu atau berkaitan dengan soal kepengerusian Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN. Saya ingin maklumkan bahawa semasa kita mengambil alih kepengerusian ASEAN dari Myanmar awal tahun lalu, kita telah menggariskan dua peranan utama dan lapan isu sebagai satu keutamaan dan tunjang kepada kepengerusian ASEAN. Dua peranan utama ini adalah:

- (i) Malaysia telah memimpin ASEAN dalam usaha menubuhkan komuniti ASEAN secara rasmi pada 31 Disember 2015; dan,
- (ii) Malaysia telah berjaya mengemudi ASEAN untuk memuktamadkan *ASEAN Vision 2025* yang merupakan dokumen kesinambungan komuniti ASEAN bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang. Ini telah dimeterai dalam SEBUAH majlis yang cukup bersejarah melalui majlis menandatangani dua deklaras iaitu, dengan izin, *2015 Kuala Lumpur Declaration on the Establishment of the ASEAN Community* dan *Kuala Lumpur Declaration on ASEAN 2025: Forging Ahead Together*.

Untuk maklumat Dewan, Malaysia turut menganjurkan pelbagai program dalam tempoh satu tahun ini di samping seperti Sidang Kemuncak Pemimpin Muda ASEAN, Persidangan Perusahaan Kecil dan Sederhana ASEAN, Sidang Kemuncak Keusahawanan 1ASEAN, *My ASEAN Internship*, Anugerah Warga ASEAN dan Latih Amal Bantuan Bencana Forum Rantau ASEAN yang kesemuanya melibatkan penyertaan komuniti daripada segenap lapisan masyarakat.

Malaysia yang menjadi Pengerusi ASEAN juga telah memuktamadkan beberapa buah pelan tindakan dan mengusulkan kenyataan-kenyataan dalam pelbagai bidang dan menerima pakai deklarasi berhubung isu berkepentingan di bawah tiga tonggak utama komuniti ASEAN iaitu politik, keselamatan,

ekonomi dan sosiobudaya. Kesemua usaha ini secara prinsipnya telah menekankan komitmen ASEAN untuk terus bekerjasama bagi mengekalkan keamanan, kestabilan dan keharmonian di rantau ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga maklumat Dewan yang mulia ini, ketika Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 baru-baru ini, ia telah berjaya menghasilkan 60 buah dokumen yang merangkumi isu-isu daripada ketiga-tiga tonggak tersebut, yang saya nyatakan sebentar tadi. Dokumen-dokumen ini merupakan kesimpulan kepada seluruh mesyuarat dan program-program serta inisiatif yang diambil oleh Malaysia.

Sebagai Pengerusi ASEAN, suka saya maklumkan bahawa Malaysia dipandang tinggi oleh negara-negara di rantau ini terutamanya ketokohan dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mengemudikan rantau ini untuk menempuh satu era yang baru dalam sejarah perjalanan ASEAN dan juga mendapat sanjungan tinggi daripada rakan-rakan pemimpin ASEAN dan juga rakan-rakan dialog ASEAN serta komuniti antarabangsa yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Megat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Ouardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mempengerusikan ASEAN dan yang keduanya juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru, yang saya turut hadir dalam satu forum sempena dengan ASEAN *Summit* yang telah mempengerusikan dengan cukup baik. Cuma tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan penerimaan negara-negara ASEAN pada Malaysia sebagai pemimpin ASEAN.

Cuma ingin saya mohon penjelasan bagaimana pula penerimaan negara-negara kuasa besar dunia pada Malaysia sempena dengan Malaysia mengepalai dan mengetuai ASEAN. Jadi, dalam sepanjang ASEAN *Summit* yang diadakan baru-baru ini, apakah pandangan mereka khususnya kuasa-kuasa besar ini kepada kepimpinan negara? Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tekan, tekan. Ya.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Saya hendak maklumkan satu perkara yang kita capai, boleh dianggap sebagai *momentous achievement* ialah bila mana kita dapat melakukan pengisytiharan ASEAN *Community* kerana ini dilakukan dalam tempoh hanya sekadar sepuluh tahun bila mana ia dimulakan di Bali. Bukan itu sahaja, ASEAN telah mengetengahkan apa yang disebut sebagai ASEAN *Centrality*. Maknanya dalam banyak-banyak perkara yang berlaku di seluruh dunia, ASEAN akan dijadikan sebagai tempat rujukan.

Oleh sebab itulah ketika Sidang Kemuncak ASEAN dan Sidang Kemuncak Asia Timur, bukan hanya pemimpin ASEAN sahaja yang hadir, malahan pemimpin-pemimpin dunia yang lain juga hadir seperti Presiden Obama, *Prime Minister Dmitry Medvedev*, *Premier Li Keqiang* dari China, Shinzo Abe, Narendra Modi, daripada John Key dari New Zealand, Malcolm Turnbull dari Australia boleh dikatakan negara-negara yang mempunyai kepentingan yang cukup besar di dunia datang kerana melihat, bukan



itu sahaja, malahan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ban Ki-moon juga turut hadir kerana melihat peranan ASEAN yang semakin hari semakin signifikan.

Ini disebabkan kerana pada hari ini ASEAN menjadi salah satu kuasa dunia yang besar. ASEAN dikatakan merupakan kuasa dunia ketujuh rantau yang terbesar di dunia dengan angka 2.7 trilion GDP. Kita anggarkan pada tahun 2020 ia akan meningkat ke USD5 trilion dan pada 15 tahun akan datang, dijangkakan bahawa ASEAN akan menjadi blok dunia atau blok ekonomi yang ketiga terbesar di dunia.

Ini menjadikan bahawa peranan ASEAN dilihat sebagai dinamik. Maka sebab itulah apa yang telah dilakukan oleh Malaysia sehingga membawa kepada perisytiharan *ASEAN Community* dan juga *ASEAN Vision 2025* manifestasi penghormatan dan juga kejayaan yang sebenarnya merupakan perkara yang amat-amat boleh dibanggakan sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han, soalan tambahan.

**Tuan Koh Chin Han:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berbalik kepada isu penculikan yang berleluasa di perairan negara kita walaupun banyak perjanjian yang telah dimeterai. Namun, saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah caranya untuk memastikan pengawalan sempadan perairan kita dijalankan secara bersama setiap hari dengan negara ASEAN yang berkaitan? Mungkin atau tidak kita boleh melaksanakan satu perjanjian yang mengikat ataupun *binding agreement* antara negara ASEAN? Terima kasih.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Terima kasih. Saya memang memahami kerana isu yang merujuk kepada mendiang *Bernard Then* ini adalah isu yang amat menyentuh dan juga menyayat hati kita semua. Apatah lagi ia dilakukan dalam keadaan yang begitu zalim. Sebab itulah bukan sahaja ia dirasai mereka yang berada berdekatan di kawasan Sabah juga yang berada di Semenanjung kerana itu tanah air kita yang berdaulat. Saya hendak maklumkan tentang soal aspek keselamatan, ia dilakukan di bawah ESSCOM dan juga di bawah KDN. Cuma Kementerian Luar Negeri memainkan peranan untuk menyediakan rangka kerja kerjasama bagi memastikan dalam masa-masa yang akan datang, perkara-perkara tertentu dapat dilakukan secara lebih *cohesive* bagi memastikan kita dapat mengekang.

Semalam saya sudah menjawab ketika di penggulungan, banyak perkara yang kita ambil. Antaranya daripada segi soal perkara yang membabitkan aspek-aspek *legalistic*, perkara-perkara yang membabitkan aspek-aspek *the exchange of intelligence information*. Saya hendak maklumkan bahawa apa yang kita dapat pada waktu saat ketika ini, kerjasama yang cukup baik daripada kerajaan Philippines dan saya hendak maklumkan bahawa semalam saya sudah maklumkan bahawa telah ditemui sekejur tubuh yang disyaki milik kepada mendiang. Ini saya hendak maklumkan bahawa Mahkamah Majistret Sandakan pada 8 Disember 2015 telah mengeluarkan waran tangkap ke atas suspek pembunuhan yang melakukan perkara ini.

#### ■1110

Hasil kerjasama yang begitu cepat, pihak Philippines telah pun menahan. Cuma nama dan mereka yang ditahan itu biarlah pihak polis yang akan buat pengumuman.

Bukan itu sahaja, saya juga dimaklumkan bahawa Kedutaan Besar Malaysia di Manila telah memohon pihak polis Philippines untuk melakukan pengenalpastian dan *DNA matching* pada kadar yang segera bagi memungkinkan ahli keluarga terutamanya ahli keluarga mendiang ini dapat mengetahui jasad yang ditemui tersebut dan telah diberi jaminan oleh Kerajaan Philippines, mereka mengatakan bahawa mereka akan bekerja 24 jam walaupun pada 25 Disember yang jatuh pada hari Krismas, mereka tetap lakukan kerana atas dasar persefahaman dan kerjasama yang erat yang kita ada di antara dua buah negara. Terima kasih.

**8. Datuk Lihan Jok** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, kejayaan Parlimen Belia setakat ini dan rancangan masa depan program kepimpinan ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia telah mencapai matlamat bagi melahirkan pemimpin di kalangan belia yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak tiga persidangan Parlimen Belia Malaysia telah diadakan dengan jumlah sebanyak 28 usul telah dibahaskan dan diluluskan semasa persidangan tersebut. Antaranya usul berkaitan mengawal selia pengedaran dan penjualan dan penghasilan rokok elektronik, menambah baik sistem pengurusan kewangan dan dana politik, rundingan *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA), dengan izin, dan penubuhan Dewan Belia ASEAN atau *ASEAN Youth Assembly*. Kesemua 28 usul ini telah pun dibentangkan pada Mesyuarat Jemaah Menteri dan beberapa langkah susulan telah dan sedang dijalankan bagi membincangkan pelaksanaan usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya beberapa peningkatan dapat dilihat terutama daripada aspek kualiti perbahasan oleh kesemua Ahli Parlimen Belia Malaysia serta usul yang dibawa pada setiap persidangan.

Terdapat juga beberapa Ahli Parlimen Belia Malaysia yang turut menerima undangan dari pelbagai pihak sama ada dari dalam mahupun luar negara untuk berkongsi pandangan dan idea mengenai isu-isu semasa sekali gus menunjukkan kesedaran di kalangan orang ramai terhadap objektif Parlimen Belia Malaysia untuk menghasilkan kepimpinan di kalangan orang ramai terhadap generasi Y semakin meningkat.

Program ini juga memberikan impak kepada peningkatan kualiti belia khususnya dalam memahami sistem pentadbiran negara serta bagaimana sesuatu dasar dan polisi disediakan. Bagi perancangan masa hadapan, Program Parlimen Belia Malaysia akan diteruskan dengan pendaftaran pemilih akan dibuka pada tahun 2016 bagi pemilihan Ahli-ahli Parlimen Belia Malaysia untuk sesi 2017 hingga 2018 dengan beberapa penambahbaikan akan dilakukan untuk meningkatkan lagi kualiti Ahli-ahli Parlimen Belia Malaysia yang bakal dipilih nanti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Yang Berhormat Datuk Lihan Jok.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Saya ada kemukakan satu soalan yang pada hemat saya penting. Tujuan penubuhan Parlimen Belia Malaysia (PBM) adalah untuk melatih anak-anak muda kita sebagai pemimpin pada masa akan datang.

Soalan saya ialah adakah golongan belia ini dilatih didorong untuk menikmati menjurus ke demokrasi yang sebenarnya supaya politik Malaysia pada masa akan datang terjamin, mekar tumbuh dalam keadaan demokrasi yang sepatutnya. Terima kasih.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat komposisi kaum belia di negara ini antara umur 15 tahun hingga 40 tahun hampir 50% daripada populasi Malaysia. Maka, ini menunjukkan hala tuju negara ataupun masa depan negara ini akan ditentukan oleh generasi muda. Maka, ia menjadi tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan dan kerajaan hari ini bukan sahaja melahirkan golongan generasi muda yang berkualiti, modal insan yang berkualiti tetapi masih mendorong mereka di jalan yang betul supaya suara mereka didengar di peringkat pucuk pimpinan.

Sekiranya kita gagal mengaturkan satu rancangan tersusun seperti Parlimen Belia Malaysia, mungkin belia-belia ini akan terlibat dengan demonstrasi-demonstrasi lain supaya suara mereka terdengar. Ini jelas berlaku pada masa-masa sebelum ini. Maka, dengan adanya Parlimen Belia Malaysia kita ada rancangan tersusun supaya suara golongan belia disampaikan di pucuk pimpinan. Hari ini kita lihat kita hampir berjaya merealisasikan visi dan misi di mana suara golongan belia disampaikan di pucuk pimpinan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi saya peluang untuk soalan tambahan. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana adanya Parlimen Belia Malaysia tetapi dalam masa yang sama di peringkat daerah kita ada Majlis Perundingan Belia Daerah, di peringkat negeri kita ada Majlis Perundingan Belia Negeri dan di peringkat Kebangsaan kita ada Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN). Di sini pun pemimpin-pemimpin belia menyuarakan isu, dibahaskan dan sebagainya. Jadi, adakah perkara ini dikatakan sebagai *redundant* atau pun bertindih antara Parlimen Belia dan juga Majlis Perundingan Belia Negara? Soalan saya yang pertama.

Soalan saya yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah adakah persatuan-persatuan belia yang ada di negara kita akan terus dibantu dengan Bantuan Pengupayaan Belia khususnya di peringkat cawangan, di peringkat kawasan dan juga di peringkat negeri?

Soalan saya yang ketiga ialah bolehkah Kementerian Belia dan Sukan melihat bahawa kalau di peringkat kampung cawangan JKK, mereka diberi elaun bulanan dan adakah persatuan belia yang diwakili oleh orang-orang belia ini juga diberi elaun seperti mana JKK kampung atau pun Rukun Tetangga atau pun di KPKT sekarang kita ada JPP.

Berilah penghormatan kepada persatuan-persatuan belia yang ada di cawangan-cawangan, di kampung-kampung ini agar mereka nampak *standard* mereka tinggi seperti juga JKKK dan juga JPP. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang pertama mengenai Majlis Perundangan Negeri di peringkat negeri. Dengan adanya Majlis Perundangan Negeri sama ada apabila kita tubuhkan Parlimen Belia Malaysia sama ada Majlis Perundangan Negeri akan menjadi *redundant* atau tidak?

Jawapannya sama sekali tidak kerana kita lihat keseluruhan Ahli Parlimen Belia Malaysia adalah seramai 133 orang sahaja tetapi keseluruhan golongan belia merupakan hampir 50% daripada populasi Malaysia, hampir 15 juta orang golongan belia. Maka, golongan belia perlukan ruang-ruang lain untuk menyuarakan pandangan dan pendirian mereka. Maka, dengan adanya pelbagai aspek di pusat kita ada Parlimen Belia Malaysia, di peringkat negeri kita ada Majlis Perundangan Negeri, maka kita ada pelbagai ruang untuk mereka sampaikan aspirasi mereka kepada pucuk pimpinan. Soalan yang kedua mengenai peruntukan di pusat, mereka boleh memohon peruntukan untuk aktiviti, kos pembiayaan pejabat dan aktiviti-aktiviti program, pelaksanaan program di Kementerian Belia dan Sukan.

Di peringkat negeri dan daerah mereka boleh memohon dari Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri. Ketiga, mengenai elaun seperti JKPP. Kementerian Belia dan Sukan dan saya tiada masalah memberi peruntukan tetapi terpulang kepada Kerajaan Pusat untuk menentukan. Terima kasih.

**9. Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan** minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah pakar bedah vaskular yang terdapat di hospital kerajaan, memandangkan ramai pesakit diabetes yang perlu menjalani pembedahan *vascular* tidak mampu mendapat rawatan ini di hospital swasta.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Soalan ini berkenaan dengan pakar bedah *vascular*.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat seramai sembilan orang pakar bedah *vascular* yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dan seramai tiga orang lagi yang sedang mengikuti program subkepakaran dalam bidang tersebut di KKM. Bagi hospital yang tidak mempunyai pakar bedah *vascular*, mereka akan dirawat oleh pakar bedah umum yang berpengalaman di hospital tersebut.

Selain itu, bagi pesakit diabetes yang memerlukan pembedahan *vascular* untuk prosedur hemodialisis, pembedahan untuk prosedur berkenaan boleh juga dilakukan oleh pakar bedah plastik.

#### ■1120

Bagi kes-kes pembedahan *vascular* yang kompleks dan memerlukan rujukan pula, pesakit akan dirujuk kepada hospital KKM di zon berkenaan yang berdekatan yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Pelbagai langkah untuk meningkatkan lagi bilangan pakar telah dilaksanakan menerusi pelbagai strategi. Misalnya pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak, pemberian insentif bagi menggalakkan pakar KKM terus kekal berkhidmat dengan kerajaan, pengambilan doktor

pakar swasta berkhidmat secara *seasonal*, menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air dan pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak.

Selain daripada meningkatkan peluang latihan dalam negara, kerajaan juga menyediakan peluang untuk pegawai perubatan mengikuti latihan di luar negara. Manakala bagi latihan subkepakaran, bilangan biasiswa yang disediakan untuk keseluruhan bidang sub kepakaran juga telah pun meningkat daripada 35 anugerah biasiswa pada tahun 2002 kepada 150 semenjak tahun 2011.

**Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kos rawatan *vascular surgery* ini agak tinggi. Untuk satu pembedahan biasa seorang pesakit harus mengeluarkan wang sebanyak RM5,000. Jadi adakah rancangan ataupun adakah apa-apa bantuan yang boleh diberikan kepada pesakit-pesakit yang tidak mampu? Itu soalan saya, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang menyediakan tabung khas dipanggil Tabung Bantuan Perubatan. Bagi kes-kes yang ada meritnya untuk dibantu, memang boleh rujuk kepada tabung ini. Memang tiap-tiap hospital kerajaan ada pegawai kebajikan yang boleh menilai kes tersebut dan jika didapati memang patut dibantu memang akan dirujuk kepada tabung ini dan akan diberi bantuan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut rekod pada tahun 1986, penghidap diabetes *prevalence* 6.3% tetapi ia sudah meningkat ke-20.8% pada tahun 2011, dengan izin *one in five Malaysians* adalah *diabetic*, merupakan tertinggi di *Asian region*. Diabetes bukan sahaja memberi kesan kepada kaki tetapi ia juga memberi kesan kepada jantung, otak dan pinggang. Soalan tambahan saya ialah apakah perancangan kementerian dalam membangunkan dengan izin... *non-surgical treatment* macam *balloons and stents for diabetic legs*.

Soalan kedua, apa langkah yang diambil oleh kementerian dalam menguruskan kenaikan yang berterusan bagi penyakit diabetes di kalangan rakyat Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Prof. Ini kawan baik saya dari Sarawak. Saya jawab soalan kedua dulu tentang usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan penyakit diabetes di kalangan rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, caranya ialah kita mencegah daripada mengubat. Mencegah maknanya dalam hal diabetes ini kita nak pastikan kita buat saringan di peringkat awal lagi, *primary care* di mana kita melatih sukarelawan-sukarelawan di peringkat bawahan sehingga ke atas pergi ke kampung-kampung. Kita dah mulakan pada tahun 2013, mengadakan program yang kita panggil KOSPEN. KOSPEN ialah Komuniti Sihat Perkasa Negara.

Melalui program ini *target* kita melatih 50,000 orang sukarelawan sehingga tahun depan, tahun 2016. Sekarang ini dah ada 30,000 yang kita latih dan mereka ini terlatih untuk membuat saringan, *check blood pressure, check blood glucose, check blood cholesterol, check BMI*. Kalau didapati memang ada *possibility*, mereka akan dirujuk kepada klinik yang terdekat dan akan dibuat *follow-up*. Dengan cara ini, kita dapat mengesan awal penyakit diabetes ataupun lain-lain penyakit yang tidak berjangkit. Setakat ini dah ramai kita buat saringan dan bagi tiap-tiap kumpulan *locality*, kita bagi peralatan kepada mereka. Beri

BP set, bagi *glucose set*, *cholesterol set* supaya mereka boleh membuat saringan dalam komuniti masing-masing.

Setakat ini kita dah kerjasama dengan KEMAS, dengan Rukun Tetangga, belia dan pelbagai pihak yang juga NGO yang ingin bersama-sama dengan kita. Maknanya pada tahun hadapan, *target* kita yang saya sebut tadi akan mencapai 50,000 orang sukarelawan dan ini dapat kita buat saringan seramai mungkin rakyat Malaysia yang mana kita kesan awal. Kalau dah kena penyakit memang susahlah. Kos amat-amat tinggi. Kos nak rawat seorang pesakit diabetes saya sebut sebelum ini ialah setahun RM2,600 seorang. Kita ada 2.6 *million* pesakit diabetes kali dengan RM2,600 setahun, banyak itulah kos untuk merawat kencing manis.

Jadi untuk dah kena penyakit seperti Yang Berhormat tanya tadi, dah kena penyakit memang pelbagai masalah timbul. Masalah *complication* banyak daripada kepala sampai kaki akan berlaku *complication*, matanya, jantung, paru-paru, buah pinggang, urat sarat termasuk juga *vascular* tadi yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, soalan pertama. Jadi memang perlu, *stenting* yang ditanya tadi *stenting* ini bukan hanya dibuat di dalam jantung tetapi dalam *vascular* dalam *vessel* pun dibuat *stenting* juga. Ini dijalankan oleh pakar-pakar *vascular*. Termasuk juga kardiologi pun saya difahamkan di Pulau Pinang, mereka juga buat *stenting* untuk penyakit kencing manis di kaki, bukan di jantung tetapi di kaki. Jadi kemudahan untuk rawatan memang ada cukup dan cuma pakar-pakar kita masih lagi kurang dan kita berusaha untuk menambah mereka, Tuan Yang di-Pertua.

**10. Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji Dasar Dadah Negara (DDN) bagi menangani penyalahgunaan dadah masa kini yang semakin meningkat dan memandangkan dasar berkenaan tidak mampu menangani ancaman dadah kerana kemunculan pelbagai jenis dadah serta nyatakan langkah kerajaan bagi membendung rangkaian pengedaran dadah termasuk rangkaian pengedaran dadah antarabangsa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Dadah Negara sedang dalam proses akhir semakan di peringkat Agensi Anti Dadah Kebangsaan atau nama singkatnya AADK dan seterusnya akan dibentangkan di peringkat Kementerian Dalam Negeri. Pelbagai input dan pandangan semua pihak yang berkepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan AADK telah diperoleh melalui sisi *engagement* yang dijalankan.

Dasar ini juga dirangka dengan mengambil kira bukti-bukti saintifik dan juga *international best practices* serta polisi-polisi dadah yang diamalkan di beberapa buah negara maju seperti Switzerland, Australia, United Kingdom, *Germany* dan juga Kanada. Bagaimanapun ia perlu disesuaikan mengikut norma masyarakat dan undang-undang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi berkaitan mengambil pelbagai langkah dalam membendung rangkaian pengedaran dadah termasuk rangkaian pengedaran dadah antarabangsa ke arah pengurangan pembuatan haram dadah dan pengedaran dadah serta jenayah berkaitan dadah dan juga pengurangan permintaan dadah. Polis Diraja Malaysia menjalankan usaha penguatkuasaan dengan kerjasama agensi-agensi lain iaitu Kastam Diraja Malaysia,

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan juga Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia.

Menyedari bahawa masalah penyeludupan dadah merupakan jenayah transnasional, PDRM juga mengadakan jalinan kerjasama antarabangsa melalui pertukaran dan juga perkongsian maklumat risikan, operasi bersama, bantuan perundangan dan latihan, memantapkan penguatkuasaan dan pemantauan di lapangan terbang antarabangsa, sempadan darat dan juga sempadan perairan negara. Mengesan dan membongkar makmal haram memproses dadah serta mengawal penjualan dan mengurangkan *precursor* bagi tujuan memproses dadah.

■1130

Kerajaan sedar kemunculan dadah jenis baru seperti *New Psychoactive Substances* atau NPS dan sedang bekerjasama dengan negara-negara ASEAN yang lain serta agensi antarabangsa seperti United Nations Office on Drugs and Crime dan juga Commission on Narcotic Drugs bagi membendung masalah ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Baru-baru ini Malaysia telah menganjurkan *ASEAN Ministerial Meeting on Drug Matters* di mana satu pendirian bersama telah ditetapkan bagi menangani masalah dadah di rantau ASEAN dan memastikan tindakan yang bersepadu. Daripada segi pengurangan permintaan, AADK menganjurkan pelbagai program dalam usaha membendung gejala dadah melalui program rawatan dan pemulihan, pencegahan, pengesanan dan juga pengawasan, gelombang kesukarelaan serta pelan media kempen antidadah. Terima kasih.

**Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab tadi. Soalan saya ialah jenis dadah ini semakin bertambah terutamanya dadah sintetik dan sebagainya. Apakah statistik sekarang ini menunjukkan penagihan dan pengedaran dadah di negara kita ini semakin berkurangan atau semakin bertambah?

Apatah lagi dengan kemasukan pengedar-pengedar antarabangsa ke dalam negara kita ini. Seperti mana yang kita tahu sering ditangkap atau ditahan di pintu-pintu masuk negara, kita lihat semakin banyak dadah-dadah ini dibawa masuk atau transit melalui pintu masuk negara kita. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya saya tidak ada statistik di sini tetapi walaupun demikian saya akan mengambil maklum perkara yang ditanyakan Yang Berhormat Senator dan saya akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap tentang penyalahgunaan dadah kita masuk dadah sintetik. Saya hendak kaitkan dengan masalah menghisap *vape* pada hari ini. Seperti yang kita ketahui *vape* ini cukup popular terutamanya di kalangan anak-anak muda kita dan kita lihat ia cukup berleluasa dan ada suara-suara amat membimbangkan. Di Johor pun Sultan Johor telah mengharamkan, Singapura telah mengharamkan,

fatwa juga mengatakan diharamkan. Persoalan saya Yang Berhormat Menteri, kita ini di Malaysia ada tak undang-undang yang boleh kita gunakan bagi tujuan penguatkuasaan terhadap gejala ini? Itu pertama. Kedua, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengharamkan menghisap *vape* di negara kita pada hari ini? Sekian terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tentang *vape* sama ada kita akan mengharamkan atau tidak mengharamkan, setakat ini kita belum membuat keputusan. KDN belum membuat keputusan sama ada *vape* ini akan diharamkan atau tidak. Akan tetapi daripada pengesanan pihak polis, memang *vape* ini telah terdapat cecairnya mengandungi ganja. Jadi apabila sudah mengandungi ganja, sudah pasti itu sebagai satu jenis dadah yang boleh dihisap dan sebagainya. Jadi itu adalah daripada segi undang-undang memang salah daripada segi AADK.

Kedua, tadi soalan Yang Berhormat Senator adalah menyentuh mengenai- minta maaf saya tidak tercatat di sini. Apakah dia Yang Berhormat Senator?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat boleh ulang lagi Yang Berhormat Senator? Soalan yang kedua itu.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Soalan yang kedua saya tanya bagi pihak kerajaan, apakah kita bercadang untuk mengharamkan?

**Tuan Masir Anak Kujat:** Sebenarnya tadi saya sudah menjawab soalan tersebut. Jadi mungkin kita akan bincang. KDN setakat ini belum membuat keputusan untuk mengharamkan *vape*. Terima kasih.

**11. Dato' Chai Kim Sen** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah posisi dan tindakan kementerian mengenai pelaburan dan pengumpulan modal kewangan yang berlaku atas talian dan kesannya terhadap ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Pelan Induk Pasaran Modal Kedua, *Capital Market Master Plan 2* telah menggariskan strategi-strategi utama untuk memastikan perkembangan pesat sektor pasaran modal Malaysia di samping mewujudkan sebuah rangka kerja pengawal seliaan pasaran modal lebih kukuh dan teguh.

Strategi yang digariskan di dalam CMP2 ini juga adalah selaras dengan cadangan-cadangan yang telah diputuskan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan juga Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi meletakkan negara sebagai pesaing utama ekonomi di persada antarabangsa dan memastikan negara di dalam landasan yang betul bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Susulan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun lalu, Kementerian Kewangan melalui Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan sebuah rangka kerja pengawal seliaan bangunan baru bagi penajaan dana masyarakat berasaskan ekuiti ataupun *Equity Crowdfunding (ECF)* melalui Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 yang berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang lalu.



Pindaan SMA ini juga telah memperkenalkan rangka kerja pasaran diiktiraf iaitu *recognize market operator* yang baru bagi memudah cara perwujudan platform dagangan alternatif yang bersifat inovatif dan berlaku atas talian seperti platform ECF atau *Equity Crowdfunding*. Di bawah rangka kerja ini, syarikat swasta boleh mengumpul dana dengan cara menawarkan saham kepada orang awam sekiranya ia dilakukan melalui platform ECF yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di mana platform ECF yang SC diberi pengecualian daripada peruntukan Akta Syarikat 1965 yang menghalang syarikat-syarikat swasta daripada menawarkan saham kepada orang awam.

Pengenalan ECF adalah sejajar dengan objektif dan menggalakkan keterangkuman pasaran modal dan memperluaskan kaedah bagi penjana modal untuk usahawan kecil, sederhana, syarikat yang baru dan juga syarikat baru di Malaysia. Setakat ini SC telah mendaftar enam pengendali platform ECF pada bualan Jun 2015 dan kesemua platform di atas talian disasarkan akan beroperasi pada penggal pertama 2016.

**Dato' Chai Kim Sen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan akan membuka lebih banyak lesen pengendali pengumpulan modal keuntungan secara atas talian dan melonggarkan pemilikan ekuiti dan pemegang saham syarikat tempatan yang menjalankan pengumpulan modal kewangan atas talian ini kepada warga asing. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Dasar kerajaan hari ini ialah untuk memastikan bahawa mana-mana pihak ataupun syarikat yang memenuhi syarat-syarat untuk mengendalikan ECF ini, kita akan beri kelulusan. Ini kerana ECF ini ia mengehendaki secara *direct* kawal selia daripada SC dan semua operator kenalah berdaftar dengan SC dan kena mematuhi syarat-syarat dan arahan dan setiap operasi ini akan dipantau secara telus oleh pihak SC.

Jadi mana-mana syarikat yang ingin memohon lesen selain daripada enam yang telah diluluskan, saya percaya bahawa SC akan mempertimbangkan berdasarkan kepada merit dan juga kehendak pasaran pada ketika ini.

**12. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sedarkah kementerian penularan beberapa penyakit berbahaya yang asalnya tidak wujud di negara ini berpunca dari kemasukan terlalu ramai warga asing yang diragui status kesihatan mereka; dan
- (b) bagaimana saringan kesihatan dilakukan ke atas warga asing dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Ini berkenaan dengan warga asing status kesihatan mereka. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan

sememangnya prihatin dan sedar bahawa kemasukan terlalu ramai warga asing yang diragui status kesihatan mereka boleh meningkatkan risiko kemasukan dan penularan penyakit berjangkit di Malaysia.

■1140

Justeru, kerajaan telah menetapkan polisi supaya warga asing yang hendak bekerja di Malaysia dikehendaki menjalani saringan kesihatan iaitu pemeriksaan perubatan di negara asal sebelum datang Malaysia, dalam tempoh sebulan ketibaan di Malaysia dan dalam tahun pertama dan kedua berada di Malaysia. Di Malaysia, saringan kesihatan dilakukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan pengendali sistem pengetahuan dan pengawasan pemeriksaan perubatan warga asing mengikut format pemeriksaan perubatan standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pemeriksaan yang dijalankan meliputi pemeriksaan fizikal, ujian makmal untuk sampel darah dan air kencing serta pemeriksaan *X-ray* dada. Pekerja asing yang gagal melepasi pemeriksaan perubatan termasuk enam penyakit berjangkit utama yang disaring seperti hepatitis 'B', HIV, tuberkulosis, malaria, *leprosy* dan sifilis. Penyakit tidak berjangkit, penyalahgunaan dadah atau hamil akan diisytiharkan sebagai tidak sesuai untuk bekerja dan pihak Jabatan Imigresen tidak akan mengeluarkan pas lawatan pekerja sementara untuk pekerja tersebut.

KKM berpandangan bahawa penambahbaikan yang perlu dilaksanakan ialah selain daripada pemeriksaan kesihatan ke atas pekerja asing wajar dibuat pada setiap tahun selagi mereka masih bekerja di Malaysia. Penambahbaikan ini adalah perlu kerana pekerja asing yang bekerja di negara ini tidak dijamin status kesihatannya jika tidak menjalani pemeriksaan perubatan setiap tahun. Saringan kesihatan setiap tahun juga penting bagi memastikan hanya pekerja asing yang sihat dan produktif sahaja yang diterima bekerja di Malaysia dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi serta tidak membebankan majikan dan negara, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kebelakangan ini bermacam-macam kes kronik, Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan kementerian berhubung dengan perkara-perkara ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini kita ada pekerja asing yang *legal* dan pekerja asing yang tidak *legal*, PATI ini. Apa yang bermasalah ialah mereka yang PATI kerana mereka masuk tanpa pemeriksaan kesihatan sama ada di luar negeri ataupun sampai di sini pun tidak ada juga. Jadi, masalahnya yang PATI ini dan mereka kena datang ke hospital kerajaan, bila dibuat pemeriksaan memang kita akan merujuk ke Jabatan Imigresen. Ini memang standard *practice* kita, bila mereka datang ke hospital kita akan rujuk.

Penyakit kronik yang disebut tadi ialah mereka yang macam saya sebutlah, macam tibi dan sebagainya yang memang telah bertambah, termasuk juga *leprosy*. Saya pernah sebut perkara ini juga, tentang *leprosy*. Kita sudah tidak ada *leprosy* sudah berpuluh-puluh tahun sudah tidak ada, tiba-tiba sekarang ini sudah ada. Baru-baru ini pun yang datang Rohingya di Kedah, tempat tahanan mereka di Kedah, memang kita kesan ada kes *leprosy* juga. Akan tetapi kita pastikan mereka yang ada penyakit-

penyakit ini kita akan hantar balik kalau mereka datang ke pusat kita, ke hospital ataupun klinik kita, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**[Soalan No. 13 - YB. Tuan Chia Song Cheng tidak hadir]**

**14. Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, jumlah persatuan sukan yang tidak aktif dan gagal menjalankan aktiviti serta diarahkan bubar sepanjang tahun ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalannya *very specific*, maka jawapan ringkas sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, statistik pembatalan badan sukan mengikut peringkat pada tahun 2015 sehingga bulan Oktober 2015 berjumlah 84 buah badan sukan. Di mana tujuh di peringkat kelab, 62 di peringkat daerah dan 13 di peringkat negeri, dan dua di peringkat kebangsaan. Sekian, terima kasih.

**15. Datuk Yahaya bin Mat Ghani** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah dan kadar pengangguran mengikut negeri pada masa ini di mana kajian mengatakan seramai 200,000 orang siswazah masih belum mendapat pekerjaan. Jadi apa langkah kementerian bagi menangani pengangguran di kalangan belia dan siswazah yang semakin meruncing terutamanya apabila ekonomi semakin suram.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator wakil daripada Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga separuh tahun pertama 2015, jumlah penganggur di Malaysia adalah seramai 435,100 orang, dengan kadar pengangguran sebanyak 31%.

Berdasarkan laporan ini, negeri-negeri yang mencatatkan jumlah penganggur yang tertinggi negeri Sabah seramai 77,100 orang, diikuti negeri Selangor seramai 71,200 orang, negeri Johor seramai 50,200 orang, negeri Sarawak seramai 43,700 orang dan negeri Perak seramai 32,800 orang. Daripada segi kadar pula, negeri-negeri yang mencatatkan kadar pengangguran melebihi purata kebangsaan 3.1% adalah di negeri Terengganu sebanyak 4.6% kadar pengangguran, diikuti negeri Sabah sebanyak 4.5%, negeri Kelantan sebanyak 3.8% dan negeri Sarawak 3.6%, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 3.3%, negeri Johor dan Negeri Sembilan sebanyak 3.2%.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan siswazah iaitu pemegang diploma, ijazah pertama dan ke atas yang masih belum mendapat pekerjaan pada tahun 2014 adalah seramai 107,200 orang dan bukan seperti dakwaan lebih kurang 200,000 orang siswazah. Sebenarnya, mungkin laporan ini menganggarkan bahawa kita ada

pengangguran lebih kurang 400,000 dan kadar belia ataupun lebih kurang separuh daripada ini mungkin dianggarkan 200,000.

Sebenarnya, 107,200 orang siswazah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan amat prihatin terhadap isu pengangguran, khususnya di kalangan belia dan siswazah. Dalam hal ini, kerajaan menerusi pelbagai kementerian dan agensi telah melaksanakan inisiatif berikut:

- (i) Program Skim Latihan Bersama 1Malaysia (SL1M) dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama *JobsMalaysia*, Kementerian Sumber Manusia. Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *softskills*, dengan izin, dan *on the job training*, dengan izin, di syarikat-syarikat swasta dan GLC;
- (ii) Program Latihan Usahawan di bawah Majlis Amanah Syarikat (MARA), Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Program latihan usahawan memberi peluang kepada graduan yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang usahawan, melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran usahawan;
- (iii) *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS), dengan izin, dilaksanakan oleh Talent Corporation. Program ini bertujuan untuk memperkasakan kebolehpekerjaan graduan melalui latihan kemahiran dan pengalaman menerusi latihan dan pendedahan industri.

#### ■1150

Manakala Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan pelbagai usaha dalam usaha meningkatkan tahap kebolehkerjaan, antaranya ialah:

- (i) memperluaskan akses untuk mendapat latihan dalam bidang kemahiran melalui penubuhan Institut Latihan Kemahiran Awam;
- (ii) menyediakan kemudahan pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk lepasan sekolah dan pekerja bagi mengikuti latihan kemahiran di institusi-institusi latihan kemahiran awam dan swasta;
- (iii) meningkatkan kebolehpasaran pelatih sekali gus memberi peluang untuk memperoleh dua persijilan atau *dual certification*, dengan izin, menerusi Program *Industrial Skills Enhancement* (INSEP); dan
- (iv) memperkukuhkan dan memperkasakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui program-program dan kerjasama seperti program strategi untuk belia 1Malaysia dan belia berwawasan bagi mengurangkan jurang *mismatch*, dengan izin, kemahiran dengan keperluan industri.

Malah, bagi mempermudah akses kepada peluang pekerjaan, kementerian juga melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (i) portal perkhidmatan pekerjaan;

- (ii) program penempatan pekerjaan;
- (iii) karnival kerjaya atau *job fair*;
- (iv) penubuhan pusat maklumat kerjaya, *one stop centre* dan pusat maklumat kerjaya (CIC); dan
- (v) maklumat pekerjaan disebar dalam web kementerian dan juga JobsMalaysia.

Terima kasih.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri kerana menjawab begitu *detail* sekali. Apakah penyebab utama pengangguran berlaku di kalangan siswazah-siswazah ini? Kemungkinan mereka ini suka memilih. Juga, apakah perancangan untuk kerajaan turun ke bawah untuk mencari jalan penyelesaian terhadap pengangguran ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kadar pengangguran kita tidak begitu tinggi, 3.1 peratus iaitu kurang lebih 400,000 orang rakyat negara kita berbanding dengan 30 juta yang 14 juta *workforce* ataupun tenaga kerja di negara kita ini.

Namun demikian, banyak sebab yang membawa kepada berlakunya kepada pengangguran walaupun kita dianggap sebagai sebuah negara guna tenaga penuh. Ini kerana di peringkat antarabangsa ataupun ILO, bagi negara yang empat peratus kadar penganggurannya dianggap negara ada masalah pengangguran. Bagi negara kita dianggap sebagai negara guna tenaga penuh.

Beberapa faktor yang menyebabkan pengangguran ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ia beberapa sebab menyebabkan kita anggap bahawa faktor yang membuatkan pengangguran. Antaranya ialah mereka yang sahaja tidak hendak bekerja, mereka yang sebenarnya telah ada kerja tapi telah mencari kerja baru untuk meningkatkan tahap karier mereka dan beberapa sebab yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya tidak ada *detailnya* di sini, saya boleh kemukakan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat untuk memberikan penjelasan kenapa berlaku pengangguran di negara kita.

Namun demikian, kalau kita lihat, negara kita cukup selesa. Mungkin sebahagian rakyat ataupun anak-anak muda kita berasakan bahawa mereka cukup selesa berada di rumah walaupun kerja cukup banyak di negara kita. Buktinya ialah kerana kalau kita boleh membenarkan 2 juta orang pekerja asing berada di negara kita bekerja secara *legal*, maknanya tidak ada sebab mengapa harus berlaku pengangguran. Akan tetapi, sebab-sebab yang saya sebutkan tadi antaranya termasuklah kita anggapkan mereka yang sedang mencari pekerjaan yang baru juga didaftarkan sebagai pengangguran, mungkin sementara. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka setakat itu dululah sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan pada pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.54 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan 2015 yang dicadangkan adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah pencukaian yang diumumkan dalam Bajet 2016 di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 59 fasal yang dibahagikan kepada tujuh bab seperti berikut.

Dalam bab permulaan, terdapat dua fasal seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2015.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Bab II pula yang terdiri daripada dua bahagian dan 30 fasal iaitu fasal 3 hingga fasal 32 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan menyediakan peruntukan kecualian dan peralihan seperti berikut.

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Subperenggan 4(a)(i) dan (ii), perenggan 10(a), (b) dan (c) berkenaan dengan perenggan 39(1)(o) dan (p) Akta Cukai Pendapatan 1967, seksyen 17, perenggan 25(a) dan (e), perenggan 28(a) dan seksyen 29 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 5, 6, 7, 8, 9, dan 11, perenggan 12(a), (b), (c) dan (d) berkenaan dengan perenggan 46(1)(n) Akta Cukai Pendapatan 1967, fasal 13, 14, 16, 18, 22, dan 24, perenggan 25(b), (c) dan (d), perenggan 26(a), fasal 27 dan perenggan 28(c) berkuat kuasa bagi tahun-tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 4(a)(iii), perenggan 4(b), fasal 15, 19, 20, 21 dan 23 dan perenggan 26(b), (c) dan (d), dan Bahagian II mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Perenggan 28 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016, 2017 dan 2018.

Perenggan 10(c) berkenaan dengan perenggan 39(1)(q) Akta Cukai Pendapatan 1967 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

Perenggan 12(d) berkenaan dengan perenggan 41(6)(o) Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2020.

Fasal 16 berkenaan dengan perenggan baru 83(1B) Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuat kuasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan tahun-tahun berikutnya.

Fasal 18 berkenaan dengan perenggan baru 107C(7A) Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 2 seperti berikut:

- (a) memasukkan takrif cukai input dan cukai output ke dalam subseksyen 2(1) yang berkaitan dengan pelaksanaan GST; dan
- (b) memasukkan takrif sukuk ke dalam subseksyen 2(1) dan meminda subseksyen 2(8) untuk mengemas kini kaedah yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk memantau penerbitan instrumen sekuriti yang kini boleh dibuat jika diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserahkan simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda perenggan 6(1)(i) untuk memperuntukkan kadar cukai ke atas mana-mana pendapatan yang diagihkan oleh suatu amanah pelaburan harta tanah (REIT) kepada pemegang unit yang merupakan pelabur individu, pelabur institusi dan lain-lain pelabur bukan syarikat pemastautin di Jadual 1 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tempoh mulai tahun taksiran 2016 sehingga tahun taksiran 2019.

#### ■1200

Selain itu, fasal ini turut memperuntukkan kadar yang terpakai untuk syarikat bukan pemastautin yang melabur dalam REIT berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 24 dalam perenggan 24(1)(b) dan perenggan 24(1)(c) serta memasukkan subseksyen 24(1A) yang baru. Pindaan-pindaan ini bertujuan menjelaskan bahawa apa-apa pendapatan perniagaan berasaskan perkhidmatan yang diterima secara pendahuluan dalam tempoh semasa akan dikenakan cukai dalam tempoh semasa tersebut. Walaupun pendapatan itu melibatkan perkhidmatan pada masa akan datang.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 25(1) bagi menetapkan bahawa apa-apa pendapatan kasar daripada penggajian yang diterima dalam mana-mana tahun taksiran dicukai dalam tahun ia diterima.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 33(5) bagi memperuntukkan bahawa tuntutan faedah hendaklah dimaklumkan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam tempoh 12 bulan selepas tamatnya tahun taksiran faedah tersebut kena dibayar.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 34(7A) susulan kemasukan subseksyen baru 24(1A) bagi memperuntukkan bahawa jika apa-apa jumlah yang telah diterima dan di cukai menurut

seksyen 24(1A) dibayar balik dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran, amaun itu hendaklah dipotong daripada pendapatan kasar bagi seseorang yang berkaitan itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 39 seperti berikut:

- (i) memasukkan perenggan baru, 39(1)(o) bagi memperuntukkan bahawa apa-apa amaun cukai input berkenaan dengan GST yang telah dibayar atau kena dibayar oleh seseorang yang sepatutnya didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 adalah tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 kerana orang tersebut berhak di bawah akta itu untuk menuntut pulang balik daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Peruntukan ini meliputi orang yang telah berdaftar atau orang yang sepatutnya berdaftar tetapi gagal berbuat demikian;
- (ii) memasukkan perenggan baru 39(1)(p) bagi memperuntukkan bahawa apa-apa amaun cukai output GST yang telah dibayar atau kena dibayar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang ditanggung oleh seseorang yang berdaftar atau sepatutnya berdaftar di bawah akta itu adalah tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- (iii) memasukkan perenggan baru 39(1)(q) bagi memperuntukkan bahawa untuk perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia oleh seorang penghibur awam sekiranya cukai pegangan atas bayaran fi perkhidmatan penghibur awam tersebut tidak diremitkan seperti yang tertakluk di bawah seksyen 109A bayaran fi tersebut tidak dibenarkan potongan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 45A dengan menaikkan amaun pelepasan daripada RM3,000 kepada RM4,000 bagi isteri yang mempunyai suami tidak berpendapatan.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 46 seperti berikut:

- (i) meminda perenggan (1)(f) bagi menaikkan amaun pelepasan maksimum daripada RM5,000 kepada RM7,000 ke atas fi yang dibelanjakan bagi apa-apa kursus pengajian dalam Malaysia sehingga ke peringkat tinggi tertakluk kepada syarat sedia ada;
- (ii) memasukkan perenggan baru (1)(n) bagi membenarkan pelepasan cukai maksimum sebanyak RM250 yang dibuat oleh pembayar cukai individu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); dan
- (iii) memasukkan perenggan baru (1)(o) bagi membenarkan pembayar cukai individu menuntut perlepasan maksimum sebanyak RM1,500 bagi setiap ibu atau bapa. Antara syarat-syaratnya ibu dan bapa itu menetap di Malaysia, berumur 60 tahun ke atas dan masing-masing tidak berpendapatan melebihi RM2,000 sebulan.



Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 47 1(a) dan subseksyen 47(3) bagi menaikkan amaun pelepasan isteri atau amaun pelepasan alumni untuk bekas isteri daripada RM3,000 kepada RM4,000.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 48 seperti berikut:

- (i) meminda perenggan (2)(a) bagi menaikkan amaun pelepasan ke atas kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang belum berkahwin daripada RM1,000 kepada RM2,000; dan
- (ii) meminda subperenggan (3)(a)(i) dan subperenggan (3)(a)(ii) bagi menaikkan amaun pelepasan ke atas anak berumur melebihi 18 tahun yang belum berkahwin dan melanjutkan pelajaran di peringkat *tertiary* daripada RM6,000 kepada RM8,000. Bagi anak kurang upaya, pelepasan ini adalah dalam bentuk pelepasan tambahan iaitu menjadikan jumlah keseluruhan daripada RM12,000 kepada RM14,000.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda subseksyen 60I(1) supaya peruntukan tersebut hanya terpakai bagi sebuah syarikat yang menubuhkan pengantara bertujuan khas bagi pengeluaran sukuk sahaja. Selain itu fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 60I(4) berikutan kemasukan tarif “sukuk” dalam subseksyen 2 dan juga untuk meminda takrif Pengantara Bertujuan Khas (SPV).

Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 83(1B) bagi memperuntukkan pengemukaan borang e-senarai dan maklumat pekerja oleh majikan syarikat sahaja melalui medium elektronik.

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 91(6) bagi memberi kuasa kepada LHDN untuk membuat pentaksiran dan pentaksiran yang dikurangkan pada bila-bila masa berhubung dengan pelarasan yang dibuat ke atas cukai input yang dibayar atau yang akan dibayar di bawah Akta Cukai dan Perkhidmatan 2014. Pentaksiran ini dibuat bagi tempoh asas bagi tahun taksiran yang berhubung dengan pelarasan itu atau bagi tempoh asas yang mana LHDN mengetahui mengenai pelarasan itu.

Fasal 18 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 107C(7A) bagi memperuntukkan bahawa mengemukakan anggaran atau anggaran cukai tersemak yang kena dibayar oleh syarikat melalui medium elektronik sahaja.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 112 seperti berikut:

- (i) meminda subseksyen 112(1) yang mana kegagalan untuk mengemukakan suatu borang nyata cukai pendapatan menurut subseksyen 77(1) atau 77A(1) bagi mana-mana satu tahun taksiran hendaklah menjadi suatu kesalahan;
- (ii) memasukkan subseksyen baru 112(1A) bagi memperuntukkan bahawa kegagalan untuk mengemukakan borang nyata cukai pendapatan di bawah subseksyen 77(1) atau 77A(1) bagi dua tahun taksiran atau lebih suatu

kesalahan jenayah di bawah peruntukan baharu. Apabila disabitkan oleh mahkamah, denda boleh dikenakan tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama enam bulan atau kedua-duanya. Penalti khas sebanyak tiga kali ganda amaun cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pembayar cukai seperti yang ditentukan oleh LHDN; dan

- (iii) meminda subseksyen 112(2) dan subseksyen 112(3) yang berbangkit daripada kemasukan subseksyen baru 112(1A).

Fasal 20 bertujuan untuk memasukkan subseksyen-subseksyen baru 120(1)(h) untuk memperuntukkan bahawa kegagalan untuk mengemukakan butiran yang betul sebagaimana yang dikehendaki oleh LHDN di bawah perenggan 77(4)(b) atau 77A(3)(b) menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen itu jika disabitkan oleh mahkamah.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda subseksyen 125(1) dengan memasukkan perkataan 112(1A) bagi memperuntukkan bahawa penalti khas yang dikenakan di bawah subseksyen 77(1) atau 77A(1) merupakan denda yang dikenakan semasa sabitan.

Fasal 22 bertujuan untuk menggantikan subseksyen 152A(1) bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang atau golongan orang yang diwajibkan mengemukakan apa-apa borang yang ditetapkan di bawah akta secara medium elektronik atau penghantaran elektronik.

Fasal 23 bertujuan untuk meminda subseksyen-subseksyen 154(1)(c) bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi menjalankan atau membantu sebarang perjanjian multilateral antarabangsa dalam konteks kerjasama percukaian.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda Jadual 1 seperti berikut. Meminda Bahagian I Jadual 1 bagi memperuntukkan kadar cukai baharu untuk pembayar cukai individu pemastautin pada kadar seperti berikut. Kadar 25% bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai melebihi RM400,000 hingga RM600,000. Kadar 26% bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai melebihi RM600,000 hingga RM1 juta dan kadar 28% bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai melebihi RM1 juta.

#### ■1210

Meminda perenggan 1A Jadual 1 untuk memperuntukkan suatu kadar cukai 28% yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi pembayar cukai individu yang bukan pemastautin.

Meminda Bahagian IX Jadual 1 untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai ke atas apa-apa pendapatan yang diagihkan oleh suatu unit writ kepada pemegang unit yang bukan merupakan syarikat pemastautin ditetapkan pada kadar 24% bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 25 bertujuan untuk meminda Jadual 3 seperti berikut. Memasukkan perenggan baru 2E ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan loji atau bangunan yang layak yang dilakukan oleh seseorang yang tidak termasuk apa-apa amaun cukai input atau cukai *output* GST yang telah dibayar atau kena dibayar oleh seseorang yang sepatutnya berdaftar di bawah Akta Cukai Barang

dan Perkhidmatan 2014. Peruntukan ini meliputi orang yang telah berdaftar atau orang yang sepatutnya berdaftar tetapi gagal berbuat demikian.

Memasukkan perenggan baru 16B ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa elaun bangunan industri di bawah perenggan 12 dan 16 jadual itu hendaklah dibenarkan kepada seseorang yang memiliki bangunan di bawah perenggan 37A, 37B, 37C, 37E, 37F, 37G, 37H, 42A dan 42B. Jadual 3 dan menggunakannya bagi tujuan perniagaan sebagai bangunan industri.

Meminda perenggan 19A(3) Jadual 3 untuk menjelaskan bahawa jumlah perbelanjaan loji yang layak daripada nilai aset kecil hanya terpakai bagi syarikat pemastautin dan diperbadankan di Malaysia yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta.

Untuk memasukkan perenggan baharu 61B ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa bagi keadaan penggantian sebahagian daripada sesuatu aset, elaun modal boleh dikira secara berasingan untuk sebahagian aset yang digantikan tersebut. Layanan pengasingan elaun modal ini terpakai bagi pelupusan sebahagian aset sedia ada dan perolehan sebahagian aset yang baru.

Memasukkan perenggan baru 67D ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa untuk bekalan GST bercampur, GST "*mixed supply*". Apa-apa pelarasan terhadap perbelanjaan yang layak bagi sesuatu aset disebabkan oleh apa-apa pelarasan yang dikehendaki dilakukan ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada penghujung tempoh pelarasan iaitu selepas lima atau 10 tahun sebagaimana yang dibenarkan di bawah akta itu. Namun begitu, bagi kes pelupusan sesuatu aset, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran pelupusan itu dilakukan.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda Jadual 6 seperti berikut. Memasukkan perenggan baru 25D ke dalam Jadual 6 untuk memperuntukkan pengecualian cukai ke atas gratuity yang diterima berikutan persaraan daripada sesuatu penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau penamatan sesuatu kontrak penggajian selain yang diperuntukkan di bawah perenggan 25, 25A, 25B atau 30A jadual itu. Pengecualian cukai ini adalah sebanyak RM1,000 bagi setiap genap masa tahun perkhidmatan.

Meminda subperenggan 33A(b) dan 35(b) dan perenggan 33B Jadual 6 untuk menggantikan perkataan "*Islamic securities*" dengan perkataan "*sukuk*" selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Ini terpakai ke atas sukuk yang diluluskan atau dibenarkan atau diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 27 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 3A ke dalam Jadual 7 berikutan dengan pemotongan subseksyen 25(4). Pindaan ini memperjelaskan kaedah pembahagian kredit cukai bilateral bagi pendapatan yang diterima dalam sesuatu tempoh asas yang bertindih.

Fasal 28 bertujuan untuk meminda Jadual 7A seperti berikut. Memasukkan perenggan baru 1D ke dalam Jadual 7A bagi memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang layak bagi tujuan elaun pelaburan semula adalah tidak termasuk apa-apa amaun cukai input atau cukai output GST yang telah dibayar atau kena dibayar oleh seseorang yang sepatutnya berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan

2014. Peruntukan ini meliputi orang yang telah berdaftar atau orang yang sepatutnya berdaftar tetapi gagal berbuat demikian.

Untuk bekalan GST bercampur, GST *“mixed supply”*, apa-apa pelarasan terhadap perbelanjaan yang layak bagi sesuatu aset yang disebabkan oleh apa-apa pelarasan yang dikehendaki dilakukan ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada penghujung tempoh pelarasan iaitu selepas lima atau 10 tahun sebagaimana yang dibenarkan di bawah akta itu. Namun begitu, bagi kes pelupusan sesuatu aset, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran pelupusan itu dilakukan.

Memasukkan perenggan baru 2B ke dalam Jadual 7A untuk memperuntukkan tempoh lanjutan khas sehingga tahun taksiran 2018 bagi elaun pelaburan semula untuk syarikat yang telah membuat tuntutan elaun pelaburan semula ke tahap maksimum sebelum itu iaitu bagi tempoh 15 tahun taksiran berturut-turut. Lanjutan ini diberikan dengan syarat bahawa tuntutan itu tamat sama pada mana-mana tahun sebelum tahun taksiran 2015, tahun 2016 atau tahun 2017.

Meminda perenggan 9 Jadual 7A untuk memasukkan takrifan bagi tujuan elaun pelaburan semula untuk istilah *“automating”*, *“ceased to be used”*, *“diversifying”*, *“expanding”*, *“machinery”*, *“modernizing”* dan *“plant”*. Pada masa yang sama meminda takrif *“disposed of”* dan *“simple”*.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda Jadual 7B untuk memasukkan perenggan baru 1A ke dalam Jadual 7B bagi memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang layak bagi tujuan elaun pelaburan sektor perkhidmatan berhubung layanan cukai input dan cukai output GST. Layanan ini selaras dengan layanan fasal 28.

Fasal 30 hingga fasal 32 mengandungi peruntukkan pengecualian dan peralihan mengenai baki kredit cukai bagi seksyen 108 dan amaun lebih baki kredit seksyen 108. Peruntukkan ini membolehkan LHDN mengenakan cukai ke atas syarikat yang terkurang amaun seksyen 108.

Bab III – Pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab III, yang terdiri daripada enam fasal iaitu fasal 33 hingga fasal 38 adalah bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 seperti berikut.

Fasal 33 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 34, perenggan 35(a), fasal 36 dan fasal 37 dan perenggan 38(a) dan 38(c) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Perenggan 35(b) dan 38(b) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 34 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) bagi memasukkan tarif cukai input dan cukai output berhubung GST berikutan pindaan kepada subseksyen 18(1) Jadual Pertama dan kemasukan perenggan 1A dan 13A ke dalam Jadual Pertama dan perenggan 2B dan 45A ke dalam Jadual Kedua, berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda seksyen 18 seperti berikut. Memasukkan perenggan-perenggan baru 18(1)(p) dan 18(1)(q) berhubung layanan cukai input dan cukai output GST. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 berhubung layanan bagi GST.

Memasukkan subseksyen baharu 18(1)(a) untuk menjelaskan orang yang boleh dikenakan cukai dikehendaki untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh LHDN untuk mewajarkan tuntutan orang itu bagi potongan dalam menghasilkan pendapatan larasannya. Notis dikeluarkan oleh LHDN mengikut subseksyen 34 dan potongan yang dituntut oleh orang itu tidak boleh dibenarkan jika orang yang boleh dikenakan cukai gagal untuk mengemukakan maklumat yang dikehendaki dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau tempoh lain yang dibenarkan.

Fasal 36 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 39(6) yang memperuntukkan kuasa untuk LHDN membuat pengiraan pendapatan larasan orang yang boleh dikenakan cukai berkenaan, apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan GST yang telah diselaraskan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Fasal 37 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama seperti berikut. Memasukkan perenggan baharu 1A yang memperuntukkan bahawa perbelanjaan cari gali yang layak adalah tidak termasuk amaun cukai input atau cukai output GST tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Memasukkan perenggan baharu 13A berhubung pelarasan ke atas perbelanjaan cari gali yang layak bagi pembekalan GST bercampur atau *GST mixed supply*. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 38 bertujuan untuk meminda Jadual 2 seperti berikut, memasukkan perenggan baharu 2B berhubung layanan GST berkenaan perbelanjaan yang layak bagi tujuan elaun modal. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Memasukkan perenggan baharu 40A berhubung pengasingan/pengiraan elaun modal bagi penggantian sebahagian aset. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

#### ■1220

Perenggan baru 45A berhubung pelarasan ke atas perbelanjaan enam model yang layak bagi pembekalan GST bercampur iaitu *GST mixed supply*. Layanan ini selaras dengan pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab keempat yang terdiri daripada lima fasal, iaitu fasal 39 hingga 43 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut.

Fasal 39 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 40 dan 42 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 41 dan 43 berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 40 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) untuk memasukkan tarif cukai input dan cukai *output* yang berbangkit daripada pindaan kepada Perenggan 6 dan 7, Jadual 2, berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

Fasal 41 bertujuan untuk meminda seksyen 29 dengan memasukkan subseksyen baru 29(5) yang menjelaskan bahawa LHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti tambahan di bawah seksyen

itu dikenakan dengan apa-apa cukai tambahan yang dia kena bayar bagi suatu tahun taksiran dalam hal Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) tidak dikemukakan oleh pembayar cukai.

Fasal 42 bertujuan untuk meminda Jadual 2 seperti berikut:

- (i) memasukkan sub-subperenggan baru 6(1)(e) untuk menjelaskan bahawa cukai *input* GST boleh menjadi sebahagian kos sampingan kepada pemulihan atau pelupusan suatu aset bagi tujuan pengiraan CKHT jika amaun tersebut tidak layak dituntut daripada JKDM;
- (ii) memasukkan subperenggan baru 7(d) dan (e) yang menjelaskan layanan cukai *input* dan cukai *output* GST yang tidak diambil kira bagi tujuan pengiraan CKHT. Cukai *input* GST tidak diambil kira jika pelupus sepatutnya layak menuntut kredit cukai *input* daripada JKDM. Cukai *output* GST pula tidak diambil kira jika pelupus sepatutnya berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Fasal 43 bertujuan untuk meminda Perenggan 2, Jadual 4 bagi menjelaskan bahawa seseorang yang melupuskan sebahagian aset yang boleh dikenakan cukai boleh menuntut pengecualian sebanyak RM10,000 yang ditentukan mengikut formula yang ditentukan mengikut formula yang diperuntukkan di bawah perenggan itu atau 10% daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai daripada pelupusan itu mengikut mana yang lebih tinggi.

Bab V yang terdiri daripada tiga fasal, iaitu fasal 44, hingga 46 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 seperti berikut.

Fasal 44 bertujuan menyatakan tarikh kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 45 dan 46 berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Fasal 45 dan 46 bertujuan untuk meminda seksyen 22 dan 22A untuk meluaskan pemakaian peruntukan bagi pertukaran maklumat kepada perkiraan bantuan pentadbiran bersama atau *neutral administrative assistance arrangement*, dengan izin.

Bab VI yang terdiri daripada 10 fasal iaitu fasal 47 hingga 56 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 seperti berikut.

Fasal 47 bertujuan menyatakan tarikh permulaan kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut iaitu pada 1 Januari 2016.

Fasal 48 bertujuan untuk meminda subseksyen 13(4) bagi meluaskan masa pembekalan perkhidmatan diimport bagi memberi kemudahan kepada peniaga untuk mengakaun GST ke atas pembekalan perkhidmatan diimport berdasarkan amalan perniagaan masing-masing. Melalui pindaan ini, peniaga boleh mengakaunkan GST sama ada berdasarkan tarif pembayaran dibuat atau tarikh invois.

Fasal 49 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru subseksyen 41(8),(9),(10) dan (11) bagi membolehkan penalti dikenakan ke atas peniaga yang lewat menghantar borang cukai pendapatan dan seterusnya memastikan peniaga membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan.

Penalti yang dicadangkan adalah berdasarkan peratusan yang ditetapkan mengikut tempoh kelewatan seperti berikut:

- (i) penalti sebanyak 5% daripada amaun cukai kena dibayar bagi tempoh 30 hari pertama;
- (ii) penalti tambahan sebanyak 10% daripada amaun cukai kena bayar bagi tempoh 30 hari yang kedua;
- (iii) penalti tambahan sebanyak 10% daripada amaun cukai kena bayar bagi tempoh 30 hari yang ketiga dengan penalti maksimum sebanyak 25%.

Selain itu, peruntukan baru ini juga menetapkan proses pendakwaan boleh dimulakan selepas tempoh 90 hari selepas tarikh mula penalti dikenakan. Namun begitu, proses pendakwaan tidak akan diambil jika peniaga telah membayar amaun cukai GST yang tertunggak dan penalti yang dikenakan.

Fasal 50 bertujuan untuk meminda subseksyen 43(1) dan 43(8) untuk memberi kuasa kepada JKDM untuk menilai dan mendapatkan semula amaun penalti yang dikenakan di bawah subseksyen baru 41(8).

Fasal 51 bertujuan untuk menambah peruntukan subseksyen 51(1)(a) bagi membolehkan pengenaan penalti di bawah subseksyen 41(8) dihentikan apabila JKDM membenarkan pembayaran cukai termasuk penalti secara ansuran mengikut tarikh kelulusan yang diberi. Melalui peruntukan yang baru ini, ia dapat mengelak peniaga daripada menanggung beban tambahan setelah bersetuju untuk membayar cukai yang tertunggak.

Fasal 52 bertujuan untuk meminda subperenggan 69(5)(c)(ii) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan "*venture*" kepada "*venture operator*". Pindaan ini dibuat bagi membolehkan pengendali usaha menuntut cukai input ke atas pembekalan percukaian yang diperolehi.

Fasal 53 bertujuan untuk meminda subseksyen 71 bagi menyelaraskan layanan GST ke atas semua transaksi yang dibuat di bawah skim penggudangan. Melalui skim ini, secara asasnya GST akan digantung ke atas barang import yang didepositkan ke dalam gudang, pembekalan barang yang dibuat di antara gudang dan pembekalan barang yang dibuat di dalam gudang kecuali barang terakhir yang dipindahkan sebelum peringkat duti.

Fasal 54 bertujuan untuk meminda subseksyen 86(2) untuk memperuntukkan bahawa apa-apa pelupusan hendaklah disokong oleh perakuan yang dinyatakan di bawah subseksyen 152, dan bukan subseksyen 112(1).

Fasal 55 bertujuan untuk meminda perenggan 94(b) bagi menghalang orang yang tidak diberi kuasa daripada mengutip sebarang cukai dan penalti.

Fasal 56 bertujuan untuk meminda subseksyen 122 untuk membolehkan mahkamah memerintahkan mana-mana orang yang didapati bersalah untuk membayar penalti yang dikenakan di bawah subseksyen baru 41(8).

Bab VII yang terdiri daripada tiga fasal iaitu fasal 57 hingga 59 adalah bertujuan untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 seperti berikut.

Fasal 57 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 58 dan 59 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Fasal 58 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) untuk memasukkan tarif cukai input dan cukai output yang berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 29P dan 29Q berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Fasal 59 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru seperti berikut:

- (i) memasukkan seksyen baru 29P yang memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang layak bagi tujuan elaun cukai pelaburan adalah tidak termasuk amaun cukai input atau cukai output GST tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.
- (ii) memasukkan seksyen baru 29Q berhubung pelarasan ke atas perbelanjaan modal yang layak bagi tujuan elaun cukai pelaburan bagi pembekalan GST bercampur atau *GST mixed supply*. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967; akta Cukai keuntungan Harta Tanah 1976; Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990; Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya membuka ruang untuk Yang Berhormat sekalian berbahas, semalam saya telah memaklumkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa mesyuarat kita kali ini hanya tinggal kurang lebih empat hari lebih lagi. Kita akan tamat pada 22 Disember. Kita ada enam rang undang-undang yang akan dibentangkan iaitu:

- (i) Rang Undang-undang Kewangan 2015;
- (ii) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015;
- (iii) Rang Undang-undang Perbadanan Insurans deposit Malaysia (Pindaan) 2015;
- (iv) Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015;
- (v) Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015;
- (vi) Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

#### ■1230

Jadi saya mohonlah kerjasama Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian supaya menghantarkan nama kalau berminat untuk turut serta membahaskan rang undang-undang yang telah saya senaraikan tadi. Saya percaya setakat ini mungkin Yang Berhormat telah tahu mana rang undang-undang yang mana Yang Berhormat berminat untuk mengambil bahagian. Jadi, hantar nama dengan



awal supaya senang untuk kita mengatur masa. Sebab kalau Yang Berhormat hantar nama *last moment* atau saat-saat terakhir, susah kita untuk mengatur masa dan Yang Berhormat mungkin tidak mempunyai masa yang cukup untuk berbahas.

Tanpa membuang masa, kita cuma ada seorang yang hendak membahaskan rang undang-undang ini kecuali Yang Berhormat menghantar nama kepada saya sekarang, iaitu saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

### 12.31 tgh.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membincangkan Rang Undang-undang Kewangan 2015. Saya ingin memulakannya dengan menyentuh soal bahasa yang digunakan dalam rang undang-undang ini. Saya lihat di antara enam pindaan yang hendak dibuat, ada yang dibuat dalam bahasa Inggeris dan ada yang dibuat dalam bahasa Malaysia. Ini adalah kerana saya percaya teks asal undang-undang tersebut dua bahasa tersebut. Jadi tidak ada keseragamannya.

Saya harap kalau boleh diseragamkan penggunaan bahasa yang merupakan teks utama bagi semua undang-undang yang diluluskan. Mungkin yang menggunakan bahasa Inggeris itu adalah yang lebih lama telah diluluskan dan yang menggunakan Bahasa Malaysia itu baru diluluskan. Akan tetapi saya rasa lebih baik misalnya ditegaskan daripada bahasa itu bahasa mana yang merupakan teks utama. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Daripada Bab II sampai VII, kita mempunyai enam undang-undang yang hendak dipinda. Saya percaya ada sebab-sebab yang tertentu bagi membuat pindaan tersebut. Saya mesti mengakui bahawa saya susah untuk memahami undang-undang ini tetapi saya dapat memahami bahawa tujuan pindaan adalah terutama untuk misalnya memperkemaskan tiap-tiap undang itu supaya mudah ataupun supaya disesuaikan dengan apa yang ada.

Keduanya menyesuaikan rang undang-undang dan pindaan-pindaan itu dengan keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam Parlimen ini terutama yang bersabit dengan ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ada pindaan yang kecil dan ada pindaan yang besar. Antara pindaan yang kecil misalnya noktah, koma dan sebagainya. Akan tetapi ada juga antara yang kecil itu yang menimbulkan sedikit persoalan. Saya faham misalannya mengapa sukuk perlu digunakan. Akan tetapi saya agak kurang jelas tentang soal output dan input teks. Walaupun output dan input teks ini ditafsirkan, tetapi saya tidak melihat tafsiran itu di sini dan saya tidak tahu bagaimana istilah-istilah tersebut akan dapat menolong memperkemaskan lagi akta ini. Walaupun ada pandangan-pandangan yang walaupun ada yang kecil itu, saya akan menumpukan terutama kepada perkara-perkara yang besar. Perkara besar itu adalah berkaitan dengan khususnya perkara-perkara yang saya anggap sebagai melibatkan prinsip dan yang penting.

Dalam hal ini, saya tidak pula akan membincangkan keenam-enam akta, yang saya akan bincangkan adalah pertama pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, kedua pindaan pada Cukai Keuntungan Hartanah, ketiga pindaan kepada Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan.

Mengenai pindaan Akta Cukai Pendapatan, yang bermula daripada muka 6 ada dua perkara, tiga perkara yang saya hendak sentuh. Pertama ialah berkaitan dengan pindaan seksyen 112 fasal 19, 19(a), 19(b) dan terutama (1A) dinyatakan bahawa sesiapa yang membuat *default in furnishing a returns* akan dihukum, akan didenda.

Saya tidak tahulah sama ada sebelum misalnya dia dibawa ke pendakwaan sama ada seseorang itu akan dibagikan notis dulu kerana tidak dapat memberikan *returns* mereka. Itu satu.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan (1A)(a), "*A fine not less than one thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding ten months or both*". Jadi ini satu denda, satu hukuman. Akan tetapi tambahan pula pada itu ialah (b), "*A special penalty equal to treble the amount which the Director General may according to best of his judgment determine as the tax charged on the chargeable income*", dengan izin. Jadi kenapa kah seolah-olah ada dua denda, satu ialah denda kewangan ataupun tahanan dan satu lagi ialah *special penalty*. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan mengapa sampai dua jenis penalti yang dikenakan. Patutnya satu kesalahan, satu sahaja hukumannya.

Kemudian mengenai pindaan seksyen 120, 20(c)(h), hukuman juga dikenakan kepada mereka yang *fails to furnish correct particulars*. Yang pertama tadi ialah *failing to furnish*, yang ini dihantar misalnya dia punya *returns* tetapi tidak memberikan maklumat yang sebenarnya.

Di sini saya tidak nampak misalnya apa jenis hukumannya. Tidak ada hukuman yang dikenakan. Berapa misalnya hukuman dari segi duitnya dan berapa pula hukumannya dari segi tahanannya, jelnnya. Tak juga disebut misalnya, adakah satu jenis hukuman sahaja atau dua jenis seperti awal tadi. Adakah misalnya apa-apa *special penalty* yang dikenakan dalam hal ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada fasal 24 iaitu halaman 16. Di halaman ini kita mendapati misalannya satu jadual tentang *rate of income tax* yang dikenakan, perubahan-perubahan yang telah dibuat. Ada misalnya yang lebih senang, ada lebih berat. Yang hendak saya pertikai di sini ialah satu perkara saya anggap melibatkan satu prinsip yang penting.

Kita lihat Tuan Yang di-Pertua daripada misalannya pendapatan RM5,000 membawa kepada misalannya RM1 juta. Cukai yang dikenakan adalah di antara 1% hingga 28%.

#### ■1240

Ini saya lihat ada mempunyai elemen progresifnya iaitu makin tinggi pendapatan, makin besar cukainya tetapi yang menjadi masalah kepada saya ialah selepas daripada RM1 juta. Selepas daripada RM1 juta, kita lihat semuanya sama itu 28%. Saya ingin melihat misalnya sifat atau ciri progresif cukai itu dikenakan juga bagi pendapatan lebih daripada RM1 juta, mengapa misalannya tidak lebih tinggi kadarnya bagi mereka yang berpendapatan RM5 juta atau RM10 juta atau mungkin RM50 juta kerana dalam negara ini kita tahu ada golongan-golongan orang yang mendapat pendapatan yang tinggi tersebut.

Pindaan kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah berkaitan dengan Akta Cukai Keuntungan Harta. Saya pernah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Akta Cukai Keuntungan Harta ini satu sistem yang baik misalnya untuk mendapatkan pendapatan kepada negara dengan tidak memberatkan golongan yang tidak berharta terutama golongan yang tidak mempunyai pendapatan yang tinggi. Ini berbeza misalnya dengan GST. GST dikenakan kepada semua dan sama kadarnya dan kalau mengikut Jadual 4, fasal 43 di halaman 33, jadual kepada Akta Ibu dipinda kepada formula 'A' over 'B' times 'C', dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di mana 'A' dan 'B' dan 'C' itu disebut, apa maknanya atau 10% keuntungan yang boleh dikenakan cukai mengikut mana-mana lebih tinggi.

Jadi ertinya cukai untuk keuntungan harta ini tak lebih daripada 10%. Di sini juga saya ingin mengemukakan pandangan bahawa sepatutnya ada prinsip yang progresif tadi. Ada orang yang menjual tanah ataupun yang untung daripada tanah yang sangat luas, yang besar jumlah wang yang diperolehnya tetapi ada yang kecil. Bukankah lebih adil misalnya kalau dikenakan cukai yang lebih tinggi bagi mereka yang mempunyai tanah yang besar bidangnya tetapi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang bila kita cadangkan kenakan cukai yang lebih tinggi daripada yang ada terhadap golongan-golongan yang berpendapatan tinggi atau mempunyai harta banyak ini, mereka mengatakan "*Oh! Kalau ini berlaku, kita akan pindahkan modal kita ke negara lain ataupun kita pergi ke negara lain*". Ia mungkin berlaku tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung pada dua perkara.

Perkara pertama ialah sifat rasional peniaga-peniaga besar itu. Peniaga besar walau macam mana keadaan pun, kalau misalannya boleh mendatangkan pendapatan yang tinggi di sesuatu negara ataupun boleh mendapat keuntungan yang besar daripada tanah atau harta aset yang dimiliki, mereka akan terus melakukan usaha mereka di negara ini. Keduanya, kita adalah bergantung pada misalnya jumlah atau kadar yang di cukai. Kalau terlalu tinggi dan tidak munasabah, tentulah mereka akan lari daripada negara ini tetapi kalau misalannya munasabah, mereka akan bertindak mengikut *rationality* mereka yang tidak misalnya apa-apa perkiraan yang lain.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah pindaan yang berkaitan dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan. Ini adalah pindaan kepada Akta GST. Saya sebenarnya hendak mengemukakan hanya satu perkara berhubung dengan akta ini. Kita telah mendengar banyak kali dalam Dewan ini bantahan-bantahan atau pandangan-pandangan tentang betapa buruknya akibat GST terutama terhadap harga barang-barang. Lebih buruk lagi akibat ini kerana adanya perkara-perkara lain yang naik harganya. Sama ada tambang, tol ataupun mungkin elektrik nanti dan ini semua membebankan rakyat yang susah.

GST seperti yang jelas pada kita adalah *regressive tax* iaitu 6% untuk semua tak kira kaya atau miskin. Kami di sini menentang GST dengan tegas, tak menerimanya. Jadi bagi saya, tak payahlah saya bincangkan tentang akta ini atau pindaannya kerana saya mengharapkan bahawa akta ini tak memerlukan pindaan dan akhirnya akan dimansuhkan. Itu harapan saya tetapi sama ada ini boleh berlaku atau tidak, tak tahulah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya ingin merujuk kepada khidmat saya di sini. Hari ini hari penghabisan dan esok saya tidak ada lagi di sini. Saya ingin menyampaikan kepada Tuan Yang di-

Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, semua Ahli Dewan Negara dan semua yang ada kaitannya dengan pengurusan Dewan Negara ini, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan kalau ada salah silap, tolonglah maafkan.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak mengucapkan selamat bersara kepada Yang Berhormat juga hendak mohon maaf kerana selama ini selalu saya mengganggu perbahasan Yang Berhormat. Jadi, selamat bersara dan mudah-mudahan sentiasa sihat. Namun demikian, buat kali terakhirnya saya hendak menjelaskan GST itu adalah baik untuk negara dan rakyat walaupun Yang Berhormat sentiasa menolak. Terima kasih dan selamat bersara.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai penutup, saya kemukakan pantun lama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Pantun yang berbunyi,

*Jika ada sumur di ladang,  
Bolelah kita membasuh kaki,  
Kalau ada umur yang panjang,  
Bolelah kita bertemu lagi.*

Terima kasih [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Kita juga mendoakan yang terbaiklah untuk Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab, silakan Yang Berhormat Menteri.

**12.48 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih ke atas Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang telah membangkitkan beberapa isu atau beberapa pandangan daripada segi pindaan untuk Akta Kewangan 2015. Seperti Yang Berhormat Senator mengatakan, memang tepat daripada segi pindaan-pindaan ini adalah untuk mengemas kini, menyelaraskan dan juga tujuannya untuk memastikan apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan 2016 dapat dilaksanakan.

Terdapat beberapa cadangan iaitu sebagai contoh, cadangan daripada segi bahasa untuk Akta Percukaian agar diseragamkan. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Senator, bahasa yang sah untuk sesuatu akta adalah bergantung pada Akta Bahasa Kebangsaan 1972. Jika sesuatu akta itu diluluskan oleh Parlimen setelah Akta Bahasa Kebangsaan 1972, berkuat kuasa, bahasa kebangsaan akan menjadi tulisan atau boleh katakan bahasa yang sah.

Jika diluluskan sebelum itu, bahasa Inggeris akan menjadi tulisan yang sah. Ini adalah secara umum. Akan tetapi kita sentiasa melihat sama ada daripada segi pertukaran dan sebagainya. Mengenai isu yang dibangkitkan terutamanya daripada segi seksyen 112(1) atau boleh dikatakan pindaan fasal 19 di mana pembayar cukai dikenakan denda dan selepas itu *special penalty* lagi.

#### ■1250

Memang nombor satu, pembayar cukai tersebut akan diberi notis dahulu supaya kemukakan borang cukai pendapatan dalam tempoh yang ditetapkan. Jika tindakan mahkamah diambil dan pembayar cukai siap atau boleh, dia masih boleh memohon kes *dicompile* dibatalkan jika mereka membuat *submission* Borang Nyata mereka. Daripada segi kenapa terdapat penalti, ini adalah untuk membezakan kerana seorang yang tidak membuat bayaran atau membuat notis sebanyak dua tahun berturut-turut, ini menunjukkan bahawa dia mungkin *serious offender*, maka dia mempunyai *special penalty clause* lagi untuk menunjukkan keseriusannya, dan ini adalah untuk memastikan pembayar-pembayar cukai membuat *filing* mereka pada masa-masa yang ditentukan.

Selain itu, terdapat juga pertanyaan mengenai terutamanya pindaan fasal 20 yang di mana *incorrect details*. Apakah *incorrect details*, dan juga daripada segi apakah denda-dendanya. Daripada segi *incorrect details*, dia kebanyakannya adalah sebagai contoh, *business code*, *registration number*, syarikat *registration number* dan juga daripada segi alamat syarikat atau alamat perniagaan. Denda ini bukan didenda oleh LHDN, dia perlu disabitkan oleh mahkamah. Daripada segi denda yang dikenakan adalah sebanyak RM200, maksimum RM20,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya. Itu terkandung dalam Akta Ibu dialah. Daripada segi pindaan dia tidak tulis kerana kita tidak mengubah daripada segi denda-denda yang dikenakan itu.

Daripada segi cadangan terutamanya daripada segi fasal 24, terutamanya untuk cukai pendapatan persendirian seorang itu, kalau dia melebihi RM1 juta daripada *chargeable income* dengan izin, maka akan dikaji sama ada dinaikkan. Sebenarnya kita mengambil maklum cadangan Yang Berhormat. Kita sentiasa berhati-hati daripada segi polisi ini untuk memastikan daya saing kita masih kekal. Sebenarnya bilangan pembayar cukai dengan pendapatan melebihi RM1 juta sebenarnya tidak ramai Yang Berhormat Senator, ia hanya sebanyak 6,000 orang sahaja pada masa sekarang.

Selain itu, terdapat juga cadangan mengenai kadar CKHT agar dinaikkan menurut keluasan tanah. Pada masa sekarang, CKHT, kita hendak membendung isu spekulasi. Isu spekulasi yang kita ingin membendung, maka kita yang menetapkan pegangan tahunnya dan bukan daripada segi keluasan. Ini kerana yang kita lihat lebih penting adalah untuk menggalakkan seseorang itu apabila dia melabur, dia tidak *flip* dalam masa yang dekat dan menyebabkan daripada segi market ini terlalu panas dan menyebabkan harta tanah daripada segi harga naik melambung.

Salah satu caralah selain daripada membatalkan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS). Maka pada masa sekarang dia tujuannya untuk mengekang atau mengawal aktiviti spekulasi. Maka dalam pegangan dalam dua tahun, dia sebanyak 30%. Kalau dalam empat tahun, dia 20%. Selepas lima tahun, dia 10% atau 15%. Maka tujuannya adalah untuk mengawal spekulasi dan kita tidak mengikut

keluasan. Ini kerana kalau dia sudah memegang harta tanah atau tanah tersebut sebegitu lama, maka kita tidak melihat daripada segi *angle* itu pada masa sekarang.

Daripada segi pelaksanaan GST. Memang kita mengetahui semasa pelaksanaan GST ditambahkan dengan penurunan kadar mata wang ringgit, dia telah mempunyai impak inflasi. Akan tetapi kita harus memahami bahawa kalau GST tidak dilaksanakan, kadar defisit negara kita akan mencecah 4.8% dan ini akan memberi lebih banyak lagi daripada segi impak negatif sama ada daripada kadar mata wang ringgit mungkin menurun atau kadar bunga kita perlu dinaikkan. Ini tentu akan menyebabkan impak yang lebih tinggi kepada ekonomi. Nombor satu.

Nombor dua, daripada segi negara kita, pelaksanaan GST kita sebanyak 6%. Kalau dibandingkan dengan negara-negara ASEAN, dia adalah terendah. Nombor tiga, kita juga harus melihat bahawa negara kita daripada segi pelaksanaan GST mempunyai senarai barang atau perkhidmatan yang dikecualikan atau dikenakan kadar sifar senarai barang yang paling panjang di dunia sebenarnya.

Akhirnya, sebenarnya mengikut kajian, negara Singapura apabila mereka melaksanakan GST, 80% daripada GST *revenues* itu yang dikutip adalah datang daripada *top 40% of the household income*. Ini kerana walaupun kita melihat GST kadarnya 6%, tetapi kalau seseorang itu membeli barang yang lebih tinggi nilainya, jumlah amaun yang dibayar itu meningkat. Sebagai contoh, kalau kita beli satu *netbook* RM1,000, jumlah GST ialah RM60.

Akan tetapi kalau seseorang itu membeli satu *high end* punya *laptop* atau komputer sehinggalah mencecah RM10,000, maka GST yang dibayarnya walaupun 6% - RM600. Maka dengan kata-kata ini, saya mengucapkanlah terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan dan juga pandangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 59** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita ada kurang lebih satu minit. Sila.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA  
(PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Menteri. Yang Berhormat Menteri, nampaknya sambung baliklah belah petang. Waktu kita sekarang tepat waktu 1 petang, maka saya kena tangguhkan Dewan. Yang Berhormat Menteri akan sambung mengemukakan rang undang-undang ini sebelah petang nanti. Kita akan sambung balik jam 2.30 petang.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]***

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Kita sambung semula sesi kita pada sebelah petang ini, di manakah kita tadi? Saya rasa di peringkat Rang Undang-undang Kewangan. Sudah habis ya? Sudah habis, yang kedua Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Dalam tajuk ini saya mempersilakan angkatan tentera... *[Disampuk]* Angkatan tentera sudah habiskan?... *[Disampuk]* Ya, minta maaf, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, (Akta 452) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pengenalan dan perubahan dasar, perkembangan rang undang-undang baru, kepelbagaian struktur pelaburan dan perkembangan operasi KWSP, pihak pengurusan KWSP telah mengkaji semula peruntukan Akta KWSP 1991. Matlamat rang undang-undang ini adalah untuk mencapai empat objektif utama iaitu:

- (i) memperkenalkan pilihan simpanan persaraan KWSP patuh Syariah iaitu KWSP Islamik ataupun KWSP-I;
- (ii) mengemaskinikan peruntukan berkaitan pelaburan selaras dengan undang-undang yang baru berkaitan;
- (iii) menambah baik skim KWSP menerusi inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (a) tanggungan mencarum majikan dan pekerja berdasarkan perintah gaji minimum;
  - (b) pengkreditan dividen selepas ahli mencapai umur 75 tahun;
  - (c) pemindahan simpanan ahli kepada pendaftar wang yang tidak dituntut;
  - (d) caruman baru selepas umur 55 tahun hanya boleh dikeluarkan pada umur 60 tahun;
  - (e) pengeluaran dan tanggungan mencarum perkhidmatan awam; dan
  - (f) peluasan kelayakan pengeluaran simpanan dan pengurusan caruman pekerja warganegara asing; dan
- (iv) Pindaan-pindaan lain untuk penambahbaikan tadbir urus dan operasi KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 25 fasal yang meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*]. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut. Pertama, memperkenalkan pilihan simpanan persaraan KWSP patuh Syariah iaitu KWSP Islamik, fasal 3, 5, 7, 8, 10, 17, 18 dan 24 melibatkan pindaan dan peruntukan baru bagi mewujudkan pilihan simpanan patuh Syariah kepada ahli dan juga pindaan-pindaan lain yang berkaitan dengan KWSP Islamik.

Fasal 3, mengenai seksyen 23 adalah untuk memperuntukkan penubuhan dan fungsi Jawatankuasa Penasihat Syariah serta pelantikan ahli jawatankuasa bagi maksud menasihati lembaga dan panel pelaburan dalam memastikan bahawa pengurusan akaun ahli KWSP Islamik mematuhi prinsip Syariah. Selaras dengan pewujudan akaun ahli KWSP Islamik, fasal 5 meminda seksyen 27 bagi membolehkan dua kadar dividen diisytiharkan ke atas caruman wang ahli kumpulan wang.

Fasal 7, bertujuan memasukkan seksyen baru 43A bagi membolehkan ahli membuat pilihan supaya kesemua amaun yang ada pada kredit akaunnya diuruskan dan dilaburkan mengikut Syariah. Pemilihan itu hendaklah berkuat kuasa daripada tarikh yang ditentukan oleh Lembaga. Selepas pemilihan itu berkuat kuasa, Lembaga hendaklah mengasingkan akaun ahli kumpulan wang itu bagi maksud menguruskan dan melaburkan simpanan ahli itu mengikut Syariah.

Fasal 8, melalui pindaan seksyen 45 memperuntukkan bahawa jika majikan gagal membayar apa-apa caruman yang dikenakan dibayar dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, majikan itu hendaklah sebagai tambahan kepada caruman itu bertanggungjawab untuk membayar dividen ke atas caruman itu pada kadar dan mengikut apa-apa cara pengiraan yang ditentukan oleh lembaga.

Dengan mengambil kira terdapat dua dividen yang akan diisytiharkan masing-masing untuk akaun KWSP dan KWSP-I pengenaan dividen lewat bayar akan ditentukan oleh lembaga. Fasal 9, 10, 17 dan 18 pula meminda perkataan 'faedah' kepada 'caj lewat bayar' yang turut terpakai bagi semua akaun di bawah seksyen 46, 49, 65 dan 66.



Fasal 24, bertujuan untuk meminda seksyen 73 bagi memperuntukkan kuasa lembaga untuk membuat kaedah-kaedah ke atas apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemilihan oleh ahli kumpulan wang untuk akaun ahli itu diuruskan mengikut Syariah di bawah seksyen 43A.

Kedua, mengemaskinikan peruntukan berkaitan pelaburan selaras dengan undang-undang baru yang berkaitan.

Fasal 4, bertujuan untuk mengemas kini seksyen 26 bagi memperluaskan skop pelaburan KWSP untuk membolehkan lembaga melabur wang kepunyaan kumpulan wang.

- (i) dengan mendepositkan wang ke dalam bank dan bank pelaburan yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Bank Islam yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] ataupun institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618]; dan
- (ii) dalam saham yang ditawarkan menurut suatu tawaran awam permulaan yang telah diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671] atau saham yang disenaraikan dalam Bursa Saham yang telah diluluskan di bawah Akta 671;

Ketiga, inisiatif menambah baik skim KWSP. Fasal 6, 11, 13, 15, 14, 20, 21 dan 22 mengandungi inisiatif penambahbaikan skim KWSP yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

■1440

Selaras dengan Perintah Gaji Minimum di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, fasal 6 melalui pindaan seksyen 43 bertujuan menguatkuasakan caruman minimum KWSP bagi tiap-tiap pekerja dan majikan yang tidak boleh kurang daripada caruman bulanan berdasarkan amaun gaji minimum bagi bulan itu pada kadar yang masing-masingnya dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta KWSP 1991.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 50 untuk membenarkan dividen dikreditkan ke dalam akaun ahli selepas ahli mencapai umur 75 tahun dan bagi memastikan ahli menerima dividen sehingga pemindahan dibuat kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Fasal 13 akta meminda seksyen 51A untuk menaikkan had umur bagi memindahkan kesemua jumlah wang yang tidak dituntut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut daripada umur 80 tahun kepada umur 100 tahun atau apa-apa had umur sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga mengikut mana-mana yang lebih tinggi. Tempoh umur hingga 100 tahun dan mana-mana yang lebih tinggi seperti yang ditetapkan oleh Lembaga adalah memadai bagi ahli atau waris untuk membuat tuntutan ke atas simpanan ahli di KWSP.

Fasal 15 memasukkan peruntukan baru bagi pengeluaran caruman ahli-ahli yang masih bekerja selepas umur 55 tahun iaitu apa-apa caruman baru yang dikreditkan ke dalam akaun seseorang ahli selepas ahli itu mencapai umur 55 tahun hanya boleh dikeluarkan apabila ahli mencapai umur 60 tahun

atau apa-apa umur lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengikut mana-mana yang lebih tinggi. Cadangan adalah bagi memastikan ahli masih mempunyai simpanan apabila mencapai umur persaraan minimum 60 tahun.

Kelima, pengeluaran dan tanggungan mencarum perkhidmatan awam.

Seksyen 54C memperuntukkan berhubung pengeluaran oleh pekhidmat awam di bawah Skim Pekerja Berpencen atau Skim Pengeluaran Pesara Pilihan seperti berikut:

- (i) ahli yang memilih skim berpencen belum mencapai umur 50 tahun dan masih bekerja dengan Kerajaan Malaysia adalah dibenarkan untuk membuat pengeluaran kesemua jumlah wang; dan
- (ii) ahli yang memilih skim berpencen sebelum mencapai umur 55 tahun dan berpencen dibenarkan untuk membuat pengeluaran kesemua atau sebahagian jumlah wang.

Fasal 14 memasukkan pindaan untuk menghadkan pengeluaran oleh pekerja berpencen yang belum mencapai umur 55 tahun kepada sekali pengeluaran sahaja dan membolehkan seseorang yang telah membuat pengeluaran serta memilih keluar daripada perkhidmatan Kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan negeri atau pihak berkuasa berkanun dan tempatan untuk dianggap sebagai pekerja di bawah Akta 452 jika orang itu memilih untuk memasuki semula perkhidmatan.

Tujuan peruntukkan ini susulan daripada skim kebolehalihan (*portability*) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di mana pekhidmat awam dibenarkan untuk bertukar daripada sektor awam kepada sektor swasta dan kemudiannya menyertai sektor awam semula. Bagi mereka yang menyertai sektor awam semula, mereka tidak dibenarkan untuk membuat pengeluaran di bawah seksyen ini sekiranya pengeluaran di bawah seksyen ini telah dibuat sebelum ini. Pindaan bagi mengelakkan pengeluaran berulang kali dan membolehkan ahli yang tidak bersara dalam perkhidmatan awam tidak mempunyai simpanan persaraan. Namun, ahli masih boleh membuat pengeluaran-pengeluaran lain di bawah akta ini. Sebagai contoh, perumahan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

Keenam, peluasan kelayakan pengeluaran simpanan dan pengurusan caruman pekerja warganegara asing.

Bagi ahli-ahli warganegara asing, fasal 20, 21 dan 22 memperuntukkan pindaan terhadap Bahagian VIIA – Ahli Kumpulan Wang Yang Bukan Warganegara Malaysia di bawah Akta KWSP 1991 yang merangkumi perkara seperti berikut.

Pertama, menambah peruntukan baru yang membenarkan ahli membuat pengeluaran kesemua amaun setelah ahli itu mencapai umur 55 tahun. Ahli itu kemudiannya tidak boleh dianggap sebagai pekerja di bawah akta ini melainkan ahli telah memberi notis kepada lembaga dan majikannya sebagaimana yang ditetapkan oleh lembaga mengenai niatnya untuk mencarum dalam Kumpulan Wang.

Kedua, ahli juga dibenarkan untuk membuat pengeluaran pra persaraan yang merangkumi antara lainnya pengeluaran perumahan, pengeluaran 50 tahun, pengeluaran kesihatan dan pengeluaran pendidikan.

Ketiga, menambahkan peruntukan baru iaitu tiada dividen akan dikreditkan ke dalam akaun ahli jika tiada caruman telah dikreditkan ke dalam akaunnya selepas tempoh tiga tahun daripada tarikh caruman terakhir dikreditkan dan lembaga boleh untuk memindahkan kesemua jumlah wang yang ada pada akaun kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut selepas tempoh itu. Pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran KWSP memandangkan sebahagian besar ahli meninggalkan Malaysia tanpa mengeluarkan simpanan mereka dalam KWSP.

Ketujuh, akhir sekali, menambahbaikkan tadbir urus dan operasi KWSP.

Fasal 9, 12, 16, 19, 23, 24 dan 25 mengandungi pindaan-pindaan lain untuk menambahbaikkan tadbir urus dan operasi KWSP yang antara lainnya meliputi perkara-perkara seperti berikut.

- (i) pelucutan amaun yang terhasil daripada aktiviti haram;
- (ii) tindakan ke atas ahli yang didakwa di bawah seksyen 59 (*fraud* atau penipuan);
- (iii) perlindungan kepada lembaga, ahli lembaga dan panel pelaburan;
- (iv) kuasa menteri membuat peraturan;
- (v) kuasa lembaga membuat kaedah;
- (vi) pindaan gubalan; dan
- (vii) pindaan lain adalah bersifat editorial dan merupakan pindaan yang kecil ataupun berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, rang undang-undang ini adalah selaras dengan pengenalan dan perubahan dasar, perkembangan undang-undang baru, kepelbagaian struktur pelaburan dan perkembangan operasi KWSP. Sehubungan dengan itu, peruntukan-peruntukan berkenaan wajar dikaji semula dan dikemaskini bagi memastikan kelancaran skim dan operasi KWSP secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Di sini saya nampak ada beberapa orang. Pertama sekali saya jemput Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

#### 2.47 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi kepada saya peluang untuk turut berbahas rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya apabila dapat melihat rang undang-undang ini, saya dapati perkara yang sangat ditunggu-tunggu oleh sebilangan besar umat Islam ialah KWSP telah mengorak langkah

kepada satu anjakan yang baik iaitu pelaburan mematuhi syariah. Ini merupakan satu berita yang sedang dinantikan oleh sebahagian besar masyarakat kita di Malaysia khasnya yang beragama Islam di mana semua pekerja yang telah mencarum wangnya ke dalam KWSP ingin memastikan supaya caruman mereka dan juga caruman kerajaan untuk mereka betul-betul berlandaskan dan berjalan mengikut syariah Islam.

Saya menyambut baik usaha yang telah dibuat melalui pembentangan ini dan ini selaras dengan tuntutan agama Islam kepada penganutnya di mana setiap umat perlu berusaha sedaya upaya untuk memastikan segala gerak kerja yang mereka melakukan, hasil yang diperoleh supaya selaras dengan agama yang mereka menganuti. Ini satu peluang yang besar yang telah diberikan dan satu anjakan yang baik yang telah dikemukakan di Dewan ini dan saya melihat ini satu perkembangan yang sangat dinantikan.

Hal ini akan dapat memberi keyakinan kepada orang yang ingin mengamalkan agama mereka sebagaimana yang selalu kita baca dalam doa iftitah... *[Membaca sepotong doa] "...Sesungguhnya solatku, semua ibadatku, hidupku dan matiku aku persembahkan kepada Tuhan semesta alam."*

Jadi duit yang dapat, yang dicarumkan itu termasuk dalam usaha kerja kuat dan ibadah yang mereka melakukan di dunia ini dan mereka ingin supaya wang mereka itu bersih dan dapat diguna dengan sebaik-baiknya.

#### ■1450

Tuan Yang di-Pertua, dan saya melihat perkara ini lagi. Saya hendak pergi kepada pindaan seksyen 26. Sebelum itu, seksyen rujukan kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah 23D(2). Nasihat yang diberikan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah mengenai apa-apa perkara yang dirujuk di bawah seksyen 1(1) hendaklah mengikat Lembaga dan Panel Pelaburan. Kita melihat di sini ada panel, ada Jawatankuasa Penasihat Syariah yang telah ditubuhkan di bawah akta ini. Ahli lembaga dan panel pelaburan perlu terikat dengan nasihat yang diberikan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah.

Jadi di sini saya ingin bertanya kepada yang Menteri, kalau atau andainya ahli jawatankuasa lembaga dan panel pelaburan tidak mengikut nasihat yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah, apakah implikasi ataupun tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian ataupun pihak yang berwajib terhadap lembaga dan panel itu? Itu satu soalan yang saya hendak kemukakan di sini.

Kedua ialah berhubung dengan subseksyen 26(1) iaitu A3, iaitu dengan menggantikan sub perenggan 3, dengan sub perenggan yang berikut. Bank Islam yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Jadi di sini disebut dengan jelas bank Islam. Adakah di sini termasuk adakah nama bank Islam itu khusus ataupun mana-mana bank yang beroperasi dengan syariat Islam kerana kita lihat ada berbagai-bagai nama Bank Islam ini. Ada Bank Islam, ada Bank Muamalat, ada Bank Rakyat dan sebagainya. Kesemuanya itu, mereka menjalankan urusan niaga dengan berpandukan kepada syariat. Begitulah juga tentang bank-bank yang lain dan mempunyai bahagian-bahagian syariat yang tertentu dan mempunyai

panel-panel yang dilantik oleh bank-bank tersebut. Adakah di sini, maksudnya Bank Islam sahaja ataupun termasuk mana-mana bank yang telah beroperasi mengikut Islam?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berpindah kepada pindaan seksyen 45. Majikan yang gagal di dalam membuat caruman terhad kepada pekerja mereka. Ini merupakan satu kesalahan yang telah dilakukan oleh mereka dan kita melihat mereka terpaksa sebagai tambahan, mencarum kepada apa yang telah mereka gagal untuk mencarum itu.

Dengan itu, saya ingin dapat maklumat dan juga daripada kementerian, setakat ini berapa ramai majikan yang gagal mencarum untuk pekerja mereka? Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka? Adakah mereka telah setelah diberi amaran atau dihukum, mereka masih layak lagi untuk melakukan kerja-kerja ataupun meneruskan syarikat mereka.

Kemudian, saya ingin tahu, perbezaan istilah yang tersebut pindaan seksyen 49 iaitu perbezaan antara faedah dengan caj lewat bayar. Adakah ini merupakan satu istilah yang hendak diharmonikan dengan peruntukan yang telah dibawa dalam syariat ini? Dia daripada segi hakikatnya tidak berbeza dengan faedah ataupun mempunyai perbezaan-perbezaan yang ketara. Jadi saya ingin tahu kedudukan yang ada di sini.

Seterusnya, saya hendak pergi kepada pindaan seksyen 51A iaitu Wang Tidak Dituntut. Di sini kita melihat tadi dalam pembentangan dan sini pun kita lihat, walau apa pun seksyen 51, Lembaga boleh memindahkan kepada pendaftar wang tidak dituntut kesemua jumlah wang yang ada pada kredit seseorang ahli kumpulan wang yang tidak dituntut apabila ahli itu telah mencapai umur 100 tahun atau apa-apa had umur sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Jadi di sini, pihak Lembaga telah menetapkan umur 100 tahun. Umur 100 tahun itu jarang ada orang yang panjang umur begitu, kalau walaupun ada. Jadi saya hendak tahu daripada pihak kementerian, kalau sekiranya wang yang tidak dituntut itu sampai waktu-waktu tertentu, apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak KWSP sebelum ini dan juga yang akan datang? Adakah mereka sebelum diletakkan wang ini kepada pendaftar, mereka berusaha untuk mencari waris kepada orang yang berkenaan.

Baik, kalau sekiranya sudah dicari dan tidak ditemui, adakah wang itu letak di situ, tetap di situ atau bagaimana? Ini kerana pada apa yang saya faham, kalau sekiranya pencarum itu seorang Muslim, maka kalau sekiranya tidak ada waris untuk menerima wang tersebut, maka wang tersebut akan menjadi hak Baitulmal. Adakah peruntukan itu diberi dalam kedudukan ini atau bagaimana?

Kalau tidak, saya ingin memberi pandangan dan juga cadangan, mana-mana wang orang Islam yang tidak dituntut ataupun rasa keluarga mereka dicari dan tidak berjaya ditemui, maka wang itu bolehlah setelah berpuas hati, maka saya rasa wang itu perlu dirujuk kepada Majlis Agama Islam dan wang itu menjadi hak kepada Baitulmal.

Perkara ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua, kerana apabila kita berbincang tentang pelaburan yang berdasarkan kepada syariat dan kita memberi peluang kepada itu, jadi kita ingin supaya orang Islam yang tidak menuntut wangnya tadi dengan sebab-sebab yang berlaku, maka kita ingin

supaya mereka tetap mendapat ganjaran pahala di akhirat nanti dengan meletakkan wang tersebut di Baitulmal. Kita yakin bahawa Baitulmal itu akan diagihkan wang tersebut kepada mereka yang berhak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat kepastian di sini. Apabila sistem ini telah digubal dan akan diputuskan nanti, apakah pihak KWSP akan membuka peluang ini mengikut sistem syariat Islam ini kepada semua orang? Ataupun hanya untuk orang Islam sahaja. Begitu juga kepada orang yang Islam, mereka juga diberi pilih nampaknya sama ada mereka hendak ikut sistem ini ataupun hendak mengekalkan sistem konvensional.

Saya rasa ini satu penerangan, saya rasa peranan yang perlu diberikan kepada mereka di mana bagi orang-orang Islam, apabila ada satu pilihan yang telah diberikan, maka saya merasakan ia menjadi satu kewajipan untuk mereka ikut sistem Islam kerana itu merupakan tuntutan agama. Saya hendak tahu bagaimana nanti pihak KWSP akan memberi penerangan kepada mereka, walaupun tidak ada paksaan dalam pilihan ini. Begitulah juga saya hendak tanya lagi, kepada orang yang bukan Islam. Mungkin juga mereka boleh diberi, mungkin juga mereka boleh pilih sistem ini kalau mereka mahu.

#### ■1500

Jadi saya ingin pastikan daripada pihak kementerian yang membentangkan ini, adakah juga sistem ini kita buka secara keseluruhannya kepada siapa sahaja yang hendak mengikut dan mengambil inisiatif untuk menyertai skim ini. Seterusnya saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas perkembangan yang baik ini dan saya tengok ini satu anjakan yang dinantikan oleh sebahagian besar masyarakat. Ini kerana mereka ingin mengamalkan hidup mereka menurut agama Islam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

#### 3.00 ptg.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan KWSP kerana akhirnya kita telah memartabatkan sistem kewangan Islam ini. Hal ini telah lama dibincangkan dan ditunggu-tunggu oleh ramai pencarum pelbagai lapisan masyarakat terutamanya bagi kami yang beragama Islam ini dan khususnya bagi memastikan rezeki yang kita perolehi halal dan berkat. Sistem muamalat Islam di negara ini khususnya dalam perbankan Islam telah diperkenalkan sejak tahun 1984 lagi. Sehingga kini Malaysia merupakan negara yang pertama memperkenalkan dan memperkembangkan sistem muamalat Islam hingga ke peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh saya fasal 3, peruntukan seksyen 23(A) memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah bagi menasihati lembaga dan panel pelaburan dalam

memastikan pengurusan akaun ahli mengikut prinsip-prinsip syariah. Dalam hal ini sebagai wanita dan pejuang kepada wanita saya minta kepada pihak menteri memastikan bahawa anggota jawatankuasa di dalamnya hendaklah diberikan tempat kepada wanita, Tuan Yang di-Pertua. Ramai individu wanita yang arif tentang muamalat Islam dan perbankan Islam ini. Di samping kelayakan mereka ia juga selaras dengan dasar negara untuk melibatkan wanita dalam pengurusan syarikat dan dalam membuat keputusan. Jadi saya harap kepada pihak yang berkenaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat melihatkan perkara ini.

Saya harap kepada yang lain-lain supaya dapat memberikan ruang untuk wanita. Saya mohon kepada pihak yang berkenaan Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh jangan seorang dilantik kalau boleh lebih daripada seorang, dua ataupun tiga orang. Saya kadang-kadang berasa amat pelik dan hairan Tuan Yang di-Pertua, kalau bab hendak bagi jawatan ini wanita tidak berapa hendak dipandang, kalau hendak bagi kerja, wanitalah orang yang pertama. Akan tetapi kalau bab-bab yang ini saya mohon kepada khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat melihatkan perkara ini supaya dapat melantik seorang ataupun lebih daripada seorang untuk dapat menduduki di dalam jawatankuasa ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada KWSP kerana merupakan tabung amanah yang berjaya dan di antara yang terbaik dalam dunia ini dan pada ketika ini. Contohnya kutipan pada setiap bulan melebihi RM1 bilion dan pastinya dalam konteks pelaburan ia cukup banyak untuk diperniagakan. Soalan saya, apakah ciri-ciri syarikat yang *EPF* akan melabur bagi tujuan pelaburan? Bolehkah menteri menyenaraikan berapakah jumlah syarikat pelaburan di luar negara dan berapakah jumlah pelaburan berkenaan serta pelaburan ke luar negara yang patuh syariah ini? Satu lagi berkaitan kegiatan *CSR* yang dibuat oleh KWSP terutamanya kepada kepentingan pekerja-pekerja yang banyak mencarum dan keduanya kepada masyarakat.

Soalan saya, sebagai sebuah tabungan amanah kita dapat daripada data bahawa mereka yang bersara selepas 55 tahun mengeluarkan kesemua sekali tabungan mereka dan hanya cukup untuk lima tahun. Untuk mereka berbelanja selepas itu dia sudah pasti tidak ada simpanan. Akan tetapi kepada mereka yang berkemampuan dan tidak mahu melabur kepada tempat-tempat lain ataupun tidak pandai melabur adakah KWSP memikirkan satu kaedah kepada mereka yang mahu menabung daripada 55 tahun hingga ke-60 tahun. Ini maksudnya saya warga emaslah, Tuan Yang di-Pertua. Penting sangat untuk KWSP, kita minta KWSP mengkaji untuk mencari mekanisme agar simpanan warga emas ini mampu jaga mereka bila sehingga ke hari tua. Masa mereka tidak boleh bekerja dan tidak mampu mencari pendapatan sendiri dan ini penting kerana dilaporkan generasi sekarang Tuan Yang di-Pertua, banyak bergantung kepada orang tua mereka untuk hidup, untuk belajar, untuk beli rumah, untuk beli kenderaan dan lain-lain lagi.

Lama-kelamaan duit simpanan orang tua mereka dihabiskan untuk digunakan sebagaimana yang saya katakan sebentar tadi walaupun tidak kesemuanya. Lepas itu orang tua ini dihantar untuk jagaan rumah orang tua-tua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon KWSP cari satu mekanisme untuk membantu warga emas pada masa akan datang kerana pada tahun 2035, lebih 15% orang penduduk

warga emas. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ringkas saya pada hari ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah semoga muamalat Islam ini terus berkembang dan KWSP menjadi model kepada badan-badan amanah di negara ini dan keseluruhannya di dunia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup setakat itu sahaja ringkas daripada saya. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

### 3.07 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015 yang bertujuan untuk meminda akta ibu; Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Seperti yang kita sudah dengar keterangan daripada Yang Berhormat menteri semasa dibentangkan banyak pindaan-pindaan akan dibuat. Kalau tidak salah sebanyak 15 pindaan dan juga akan memperkenalkan sebanyak 10 seksyen baru. Sebahagian besar apa yang saya akan bangkit, saya akan membangkitkan empat perkara. Sebahagian besar apa yang saya bangkit itu akan ada berkaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Pertama ialah fasal 13 seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Fasal 13 ia bertujuan untuk meminda seksyen 51(A). Kalau kita tengok seksyen 51(A) itu berkaitan dengan pemindahan wang yang tidak dituntut kepada pendaftar wang tidak tuntutan. Peruntukan yang sedia ada sekarang Lembaga KWSP boleh memindahkan wang itu yang ada pada kredit seseorang itu yang tidak dituntut kepada pendaftar wang tidak tuntutan apabila ahli itu capai umur usia 80 tahun peruntukan yang sedia ada.

Akan tetapi pindaan yang dicadangkan ialah untuk meminda umur itu atau menaikkan had umur dari 80 tahun kepada 100 tahun. *It means* kalau sekarang lepas 80 tahun baru boleh *transfer* sekarang dipinda kepada 100 tahun. Pada saya yang jadi *concern* ialah apa tujuan pindaan, kenapakah perlu pindaan umur? Saya lebih hendak fokus daripada segi kesannya dengan jelas kalau kita nampak pindaan ini erti dia wang tidak tuntutan yang ada di bawah jagaan KWSP itu akan bertambah. Kalau dahulu masa sampai umur 80 tahun terpaksa *transfer* walaupun dia pakai perkataan '*may transfer*' tetapi sekarang sampai 100 tahun.

### ■1510

Kalau dahulu sampai umur 80 terpaksa *transfer* walaupun dia pakai perkataan "*may transfer*" tetapi sekarang, sampai 100. Kalau kita tengok daripada segi wang yang tidak dituntut, sebenarnya saya tidak tahu berapa banyak wang tidak dituntut juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari sedikit mengenai wang tertuntut. Akan tetapi, / pernah baca satu laporan pada tahun 2014, kalau tidak salah sebanyak RM422 juta. So, / harap semasa menjawab nanti Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu jumlah wang yang ada itu setakat banyak mana sekarang ini.



Balik kepada pindaan ini, kalau kita tengok daripada segi niat untuk menambahkan duit yang ada di bawah *control* KWSP, bukan sahaja fasal 13, kalau kita tengok fasal 11 pun kalau kita tengok fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 52B(b) iaitu yang berkaitan dengan 75 tahun. Peruntukan sekarang ialah apabila ahli itu capai umur 75 tahun, tidak boleh masukkan apa-apa duit dalam akaun dia baik caruman dan juga dividen. Akan tetapi pindaan yang dicadangkan sekarang ialah untuk membuang had umur, iaitu had umur 75 tahun.

Dengan ini pun kalau kita tengok dividen itu akan terus dibayar dahulu berhenti semasa umur 75, kita ambil satu senario di mana tidak ada caruman tetapi ada dividen. Dahulu dividen berhenti semasa umur 75, tetapi sekarang ini dividen itu akan terus dibayar sehingga umur 100 tahun atau sehingga dipindahkan nanti kepada pendaftar wang yang tidak dituntut. *Point* saya ialah kalau kita tengok daripada segi dana yang dikontrol oleh KWSP itu, kedua-dua pindaan, Pindaan 11, Pindaan 13, ini menambah wang yang ada di bawah kawalan KWSP. Sepatutnya kalau dahulu kita tengok duit-suit ini akan *ditransfer* kepada *consolidated account*, sekarang tambah 20 tahun. So, Saya hendak tahu, apakah niat sebenar pindaan-pindaan. Pasal adakah ia semata-mata untuk menambahkan duit KWSP? Kalau kita tengok banyak tuduhan terhadap KWSP, isu *bail out* dan sebagainya. Pada hari ini petang ini saya tidak hendak buat apa-apa tuduhan, saya cuma hendak minta penjelasan kenapa perlu simpan duit dalam KWSP dan bukan pindah kepada *consolidated account* kerajaan. Itu *first issue*.

Dalam perbahasan selepas ini, saya juga akan menyentuh beberapa perkara yang tidak ada dalam pindaan, tetapi saya rasa agak penting- perlu. Pada saya isu-isu ini sepatutnya perlu ada dalam pindaan tetapi macam terlepas pandang. Pertama ialah berkaitan dengan kadar dividen. Tadi kita pernah dengar dari Yang Berhormat bahawa EPF adalah terbaik dalam dunia. Pada saya mungkin terbaik daripada segi kutipan tetapi bukan terbaik daripada segi kadar dividen.

Secara khusus, saya merujuk kepada seksyen 27 adalah berkaitan dengan pengisytiharan dividen. Pada saya, kalau sekarang kita tengok ada sedikit cadangan untuk meminda seksyen 27 berkaitan dengan ahli yang memilih pelaburan Syariah dan sebagainya tetapi tidak cukup. Pindaan yang dicadangkan pada seksyen 27 ini saya rasa tidak cukup. Pasal kalau kita tengok secara khusus seksyen 27 ini yang ada ini, dia menyatakan secara khusus bahawa dividen yang diisytiharkan oleh KWSP ini tidak boleh lebih rendah daripada 2.5 %. Itu minimum dividen. Kalau kita tengok pindaan-pindaan yang dicadangkan, dia masih kekalkan kadar minimum ini kecuali kepada orang yang memilih daripada segi kadar minimum kecuali mereka yang memilih untuk pelaburan Syariah di mana dia akan berdasarkan kepada pulangan. Kalau pulangan itu kurang dari 2.5, maka dividen pun kurang dari 2.5. Kalau lebih, *then* dia dapat lebih dari 2.5.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya keupayaan untuk membayar satu dividen yang tinggi terpulung kepada prestasi perniagaan kalau kita tengok mana-mana ini. Kalau kita tengok daripada segi KWSP kalau kita keupayaan itu apabila kita cakap prestasi perniagaan, sebenarnya dia bergantung kepada prestasi pelaburan-pelaburan KWSP. Kalau kebelakangan ini kita tengok kadar dividen yang dibayar oleh KWSP semakin merosot. Saya masih ingat pada tahun 80an, kalau tidak silap tahun 80 sehingga tahun

84 pernah bayar dividen setinggi 8%. Ada juga sampai 8.5% daripada segi dividen. Akan tetapi sekarang kalau kita tengok selepas itu pada tahun 2002 dia turun sampai 4.2% separuh dari 8.5%.

Oleh sebab, kalau kita tengok kadar-kadar dividen yang diisytiharkan oleh KWSP tidak memuaskan. Kalau kebelakangan ini, kalau kita tengok hanya 5% atau 6% kali terakhir KWSP mengisytiharkan dividen 7% ialah pada tahun 96 hampir 20 tahun dahulu. Pada saya penurunan macam ini tidak masuk akal. Kalau kita ambil kira, dana yang dikuasai oleh KWSP. Saya tidak ada angka-angka yang betul tetapi pada *research* saya, dana yang ada pada KWSP sekarang adalah sebanyak RM667 bilion- mungkin lebih dari itu. So, pada saya, kalau kita bandingkan KWSP dengan banyak organisasi yang lain yang serupa tujuan dia dan daripada segi pulangan, dia orang punya pulangan lebih tinggi. Contohnya kalau kita ambil Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera daripada segi dividen yang *dideclare*. Kalau kita banding dua-dua agensi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagi kah Yang Berhormat?

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Sekejap sahaja, dua isu lagi. Kalau kita ambil dua-dua agensi ini dia punya dana bukan sama tinggi dengan KWSP, tetapi dia punya dividen tinggi macam LTAT sehingga 15%. So, pada saya dalam isu ini, saya hendak cadangkan supaya kita pindah seksyen 27 pasal sudah ketinggalan zaman dan tetapkan seksyen 27 bahawa kadar minimum itu tidak boleh kurang dari 10% yang paling tinggi. Itu *second* isu.

Saya ada dua lagi isu Tuan Yang di-Pertua, sekejap dan secara ringkas. Isu yang ketiga ialah berkaitan dengan penamaan waris. Kalau sekarang kita tengok penamaan waris, banyak kes kebelakangan ini kita tengok terutamanya apabila pencazum sudah meninggal apabila isteri dia hendak menurut duit itu, penamaan itu atas nama orang lain. Kebanyakan kes atas nama ibu atau bapa pada orang yang meninggal daripada segi *beneficiary* yang sah. Ini bukan masalah KWSP atau bukan disebabkan oleh KWSP, disebabkan oleh ahli itu tidak tukar *beneficiary* dia selepas dia kahwin.

Akan tetapi pada saya KWSP tidak boleh ambil sikap *this is not my problem*. Sebab banyak sangat kes macam ini. Buat masa ini, segala prosedur yang berkaitan dengan *beneficiary* dikontrol oleh peraturan KWSP. Di sini saya hendak cadangkan mungkin sudah sampai masa untuk kita tukar prosedur atau *regulation* tidak perlu datang ke Parlimen mengenai kuasa menteri untuk tukar peraturan-peraturan. Salah satu cadangan yang saya ingin buat ialah supaya KWSP adakan *road show* di kompleks beli-belah dan kilang dan sebagainya untuk mengadakan satu program untuk *updatekan beneficiary*. Itu isu yang ketiga.

Isu yang terakhir ini, isu yang keempat...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Last point* Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *Last point*. Yang pernah dibangkit sebelum ini isu *aging nation* dan ini berdasarkan kajian yang dibuat oleh KWSP sendiri. I pernah baca dalam satu *report* di mana KWSP cakap seorang yang bersara itu berdasar kepada RM800 sebulan *minimum retirement* untuk sebulan itu perlu RM200,000 dan hanya 23% daripada pencazum EPF ini ada wang sebanyak itu. So, cadangan saya, saya harap KWSP mencari jalan untuk ada lebih-lebih skim.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kalau sekarang kalau kita tengok salah satu yang I nampak sekarang ialah berkaitan dengan KWSP dan PERKESO. Mungkin sudah sampai masanya untuk kita gabungkan KWSP dengan PERKESO. Mungkin perlu kaji semula semua undang-undang yang berkaitan dengan buruh supaya kita dapat memudahkan dan dia tidak bersaing.

So, kalau benda ini berlaku, mungkin kita perlu kaji semula. Fasal sekarang kalau kita tengok KWSP di bawah Kementerian Kewangan tapi PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia. Mungkin dia perlu masa untuk kita kaji semula ini dan letakkan dua-dua badan ini yang berkaitan dengan kebajikan pekerja dalam satu kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Kalau boleh pendekkan *you* punya, jangan terlalu panjang. *Go specific* fasal pindaan, *on that* apa yang berkaitan dengan pindaan itu saja. Undang-undang tubuh Yang Berhormat mesti tahu. Silakan Yang Berhormat.

### 3.22 ptg.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya berbahas Rang Undang-undang KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum peranan yang dimainkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini adalah sebagai medium kepada pengurusan simpanan secara cekap dan semestinya boleh dipercayai.

Mengikut data yang dikeluarkan oleh KWSP sehingga Jun 2015, KWSP mengurus dana caruman dari 14.36 juta orang ahli di seluruh negara yang mana bilangan ahli aktif yang masih mencarum adalah seramai 6.72 juta orang yang melibatkan seramai lebih daripada 536,000 orang majikan yang aktif.

Perkembangan global ketika ini memberikan cabaran kepada pengurusan kewangan sama ada individu mahupun syarikat. Tidak dinafikan akibat keadaan ekonomi yang tidak menentu, kita sentiasa perlu berwaspada akibat keadaan ekonomi dan juga menguruskan perbelanjaan.

Di sinilah saya lihat KWSP memainkan peranan dalam menguruskan kewangan pencarumnya. Caruman yang dibuat oleh pekerja dan majikan setiap bulan berdasarkan gaji pokok dan seterusnya caruman ini akan dilaburkan untuk menghasilkan pulangan dan seterusnya pencarum layak menerima faedah tahunan.

Persoalan saya di sini, sejauh mana KWSP sentiasa prihatin bagi memastikan majikan khususnya tidak lepas tangan terhadap tanggungjawab mereka agar pekerja mendapat hak mereka. Adakah majikan-majikan yang masih degil ini dikenal pasti dan sejauh manakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka agar tanggungjawab mereka dilunaskan sewajarnya dan apakah nasib pekerja kontrak dalam sektor awam dan swasta. Malahan ramai yang masih menggunakan tenaga belia yang memerlukan wang saku tanpa mengambil kira tanggungjawab mereka sebagai majikan. Meskipun perjawatan berikut ialah secara sementara, oleh yang demikian, saya mohon penjelasan daripada kementerian mengenai isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada pihak KWSP tentang pindaan-pindaan yang dilaksanakan iaitu satu perkara berhubung dengan seksyen 43, Gaji Minimum. Ini memang baik iaitu potongan akan dibuat berdasarkan gaji minimum. Akan tetapi kita sedia maklum ramai masih lagi bergiat dalam industri kecil atau kedai-kedai kecil, peniaga-peniaga kecil di mana pekerja-pekerja ini tidak pun dibayar dengan gaji minimum walaupun mereka mendaftar perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mungkin bakal berlaku ialah memang mereka akan menggunakan RM900 sebagai *baseline* bagi gaji minimum mengenakan EPF untuk caruman pekerja dan majikan. Akan tetapi persoalannya, pekerja-pekerja ini secara sebenarnya tidak bayar gaji minimum. Jadi ini merupakan tanggungan tambahan kepada pekerja berkenaan.

Oleh yang berkenaan, saya mohon pihak KWSP dan juga Kementerian Sumber Manusia bersama-sama menyelesaikan isu ini terlebih dahulu sebelum pindaan ini dilakukan. Saya juga mohon menyentuh pindaan ke atas seksyen 51 mengatakan bahawa amaun yang ada pada kredit seseorang ahli boleh dilucut hak dan dipindah atas perintah mahkamah.

Kalau kita lihat, peruntukan sebelum ini dengan jelas menyatakan bahawa simpanan ahli tidak boleh diserahkan hak atau dipindahkan untuk menjelaskan apa jua hutang atau tuntutan. Secara peribadi saya tidak berapa persetujuan perkara ini kerana hak ke atas simpanan tersebut tidak seharusnya dipindahkan kepada pihak lain. Simpanan tersebut merupakan hak ke atas ahli KWSP serta waris yang telah dibuat penamaan. Sekiranya ahli telah dikenakan tindakan mahkamah, maka penama boleh mengeluarkan simpanan tersebut bagi urusan tertentu. Adalah tidak adil kepada ahli dan juga waris sekiranya simpanan tersebut diserahkan hak kepada mana-mana pihak yang lain. Saya mohon agar segala pindaan yang dibuat ini selaras dengan objektif utama KWSP iaitu melindungi simpanan persaraan ahli dan menjana pulangan yang melebihi kadar inflasi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan tentang pencarum KWSP bukan warga negara. Kita sedia maklum dan tahu dalam Akta KWSP ini, selain daripada pekerja-pekerja daripada kalangan warganegara Malaysia boleh menjadi pencarum kepada KWSP, pekerja-pekerja bukan warganegara pun boleh menjadi pencarum.

Oleh hal yang demikian, saya mohon penjelasan kementerian mengikut statistik di Malaysia ini, terdapat lebih kurang 2 juta orang pekerja berdaftar, pekerja bukan warganegara dikatakan unjurannya menjelang tahun 2020 ia akan meningkat sehingga 4 juta orang.

Pada tahun 2009, data menunjukkan bahawa pembayaran penggajian kepada warga asing yang menjadi pekerja di Malaysia ini RM18 bilion. Jadi saya hendak mohon kementerian memberikan data-data terperinci mengenai pencaruman oleh warganegara asing, pekerja-pekerja di Malaysia dan adakah mereka ini menjadi pencarum, mereka mendapat segala kelebihan dan kemudahan yang diberikan sama dengan warganegara Malaysia yang menjadi pencarum di dalam KWSP ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga difahamkan pada masa ini warganegara asing diberikan pilihan dan galakan untuk mencarum. Kita juga dimaklumkan bahawa bilangan pencarum daripada ekspatriat ataupun warganegara asing yang bekerja di sini adalah dalam jumlah yang kecil dan tidak sampai 10,000

orang. Jadi selebihnya mereka lebih gemar untuk menyimpan dan menabung atau mengurus kewangan mereka dalam sistem perbankan yang lain.

Oleh yang demikian, saya mohon mencadangkan kenapa tidak kalau kita boleh menetapkan kepada semua warganegara asing ini yang berdaftar, yang bekerja mengikut saluran yang sah, mereka juga hendaklah mencarum secara wajib. Ini akan memberikan faedah kepada mereka dan juga dapat mengurangkan pengaliran wang negara ke negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap kerajaan dapat menjelaskan persoalan dan mempertimbangkan cadangan yang diberikan agar dapat memastikan KWSP ini terus memberi kebaikan kepada rakyat Malaysia terutama pada waktu-waktu persaraan mereka.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong penuh Rang Undang-undang KWSP (Pindaan) 2015. Terima kasih.

■1530

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin.

**3.30 ptg.**

**Dato' Khairudin bin Samad:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya ingin menyatakan di sini, pada enam tahun atau tujuh tahun yang lepas, sewaktu saya menjangkau umur 55 tahun, saya telah pun mengeluarkan wang simpanan KWSP saya dan pada ketika itu saya berjoli sakan. Saya mengelilingi hampir separuh dunia dengan tidak memikirkan hari esok. Apa yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah KWSP ini wajib dibayar zakat? Ini disebabkan- saya tidak membayar zakat. Kalau sekarang hendak membayar zakat, kena pinjam bank. Jadi saya hendak tahu adakah diwajibkan kepada masa akan datang dan orang yang telah pun mengambil carumannya? Ini saya rasa cukup mustahak sebab kita tidak sebut sebab LHDN tidak kena. Jadi kita takut yang zakat ini akan dikenakan.

Tidak banyak Tuan Yang di-Pertua. Keduanya, yang terakhir, saya menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat tadi. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ia diwajibkan kepada orang Islam sahaja dan orang yang bukan Islam boleh memilih. Ini kerana kita telah memperkenalkan perbankan Islam dan kebanyakan bank-bank di Malaysia ini turut mengambil bahagian dalam perbankan Islam yang bukan dipunyai oleh orang Islam pun. Kebanyakan pula rakyat kita yang bukan Islam, amat berminat dengan perbankan Islam. Jadi, saya tidak nampak masalah kalau ia bukanlah diwajibkan tetapi diberi pilihan kepada mereka yang bukan beragama Islam untuk memilih KWSP Islamik ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah serba sedikit yang saya hendak sampaikan. Terima kasih banyak-banyak. Saya dengan ini turut menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (Pindaan) 2015. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah.

### 3.32 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus kepada perbincangan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015.

Pertamanya, berkait dengan Jawatankuasa Penasihat Syariah yang ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah yang ditubuhkan melalui seksyen 23A(1) bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja melalui rang undang-undang ini ialah satu usaha yang saya kira amat ditunggu-tunggu khususnya bagi pencarum yang beragama Islam dan amnya masyarakat Islam di Malaysia semua sekali. Malaysia sebagai pelopor perbankan Islam dan pengurusan kewangan Islam semestinya perlu menjadi contoh dalam mengamalkan prinsip *syariah compliance*, dengan izin, dalam pengurusan kewangannya. Saya kira, bukan setakat KWSP, malah sistem kewangan Kerajaan Malaysia juga seharusnya dipantau oleh sebuah Jawatankuasa Penasihat Syariah.

KWSP, sebagaimana kita maklum, memiliki dana yang sangat besar iaitu aset pelaburan sebanyak RM586 bilion pada tahun 2013 dan caruman tahunan sebanyak RM50 bilion. Dana pelaburan dan caruman ini terus meningkat darisetahun ke setahun dan saya yakin, pengisytiharan penubuhan jawatankuasa ini mampu memberi impak besar, bukan sahaja daripada aspek pemurnian dana KWSP ke arah patuh syariah malah memberi impak kepada syarikat-syarikat yang terlibat dengan pelaburan oleh KWSP ke arah turut mengamalkan patuh syariah. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah ini mampu memberi impak langsung mahupun tidak langsung.

Daripadasudut pemakaian prinsip syariah, saya merujuk kepada fungsi Jawatankuasa Penasihat Syariah dalam fasal 23B(a) dan (b) yang mana antara fungsi Jawatankuasa Penasihat Syariah adalah untuk menentukan pemakaian prinsip syariah bagi akaun ahli yang telah memilih di bawah seksyen 43A. Apakah yang dimaksudkan dengan pemakaian prinsip syariah? Skop syariah ini sebenarnya sangat luas dan adakah ia hanya melibatkan aspek pengurusan pelaburan yakni pelaburan yang halal sahaja atau ia turut mencakupi keseluruhan sistem pengurusan dan pentadbiran sesebuah syarikat yang terlibat dengan pelaburan dana? Sebagai contoh, adakah mana-mana syarikat yang terlibat dengan rasuah, menindas pekerja dan sebagainya turut dianggap tidak mematuhi syariah? Saya ambil contoh, dengan izin, *Government Pension Fund of Norway* yang telah mengambil pendekatan tidak melabur dalam mana-mana syarikat yang terdapat salah laku dari sudut *code of ethic*. Adakah pendekatan pemakaian prinsip syariahturut mengambil kira aspek-aspek ini?

Seterusnya, berkaitan dengan tanggungjawab pengeluaran zakat sebagaimana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dato'Khairudin tadi. Kita lihat dalam RUU ini menyatakan fungsi Jawatankuasa Penasihat Syariah melalui seksyen 23B(a) adalah menentukan pemakaian prinsip syariah

dalam akaun ahli kumpulan wang yang telah memilih di bawah seksyen 43A. Ciri penting akaun patuh syariah adalah dari sudut pengeluaran zakat bagi akaun-akaun yang telah cukup syaratnya sebagaimana apa yang telah dibuat oleh akaun-akaun di Tabung Haji.

Sekarang, pencarum KWSP yang cakna tanggungjawab pengeluaran zakat terpaksa membuat perkiraan sendiri setiap kali mengeluarkan wang daripada KWSP untuk bahagian yang perlu pembayaran zakat. Saya mohon Jawatankuasa Penasihat Syariah meneliti status simpanan dalam akaun KWSP daripada sudut hukum pengeluaran zakat serta mengambil langkah pengeluaran zakat mengikut kesesuaian. Pengeluaran zakat ini bakal memudahkan umat Islam dalam menunaikan tanggungjawab Rukun Islam mereka dan membantu dalam kalangan pencarum sendiri yang mungkin dalam kalangan mereka yang layak menerima zakat.

Seterusnya, berkait dengan penama akaun KWSP. Bagi orang Islam, pencarum boleh menamakan penama yang hanya berstatus pentadbir iaitu *administer* ataupun *wasi* sahaja kepada mana-mana jumlah wang yang di dalam akaun. Penama yang dilantik bertanggungjawab mengagihkan simpanan pencarum ataupun si mati untuk ahli keluarga yang layak mengikut hukum faraid. Akan tetapi untuk pencarum bukan Islam, penama merupakan penerima mutlak iaitu *beneficiary* kepada simpanan ahli yang meninggal dunia. Bagaimanakah jika jiran yang dijadikan penama? Adakah perkara ini boleh berlaku dan adakah syarat-syarat orang tertentu sahaja yang boleh dinamakan seperti menetapkan penama adalah dalam kalangan ahli keluarga terdekat dengan menyatakan pertalian keluarga?

Seterusnya yang terakhir, berkait dengan manfaat kematian. Manfaat kematian yang diisytiharkan adalah sebanyak RM2,500 yang akan diberikan kepada tanggungan ahli yang mana pada tahun 2013, sebanyak RM37 juta telah diagihkan. Antara syarat yang ditetapkan untuk permohonan manfaat kematian, ia hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas kematian dan pencarum si mati tidak melebihi umur 55 tahun semasa kematian. Persoalan di sini, saya kira manfaat kematian bukan semata-mata bertujuan untuk pengurusan urusan kematian malah ia boleh digunakan oleh waris-waris ahli yang mungkin hidup, mungkin dalam keadaan susah dan kesempitan yang perlu kepada manfaat kematian tersebut.

Justeru, saya mohon kerajaan melihat semula justifikasi kepada syarat permohonan yang menyatakan ia mesti dibuat dalam jangka masa enam bulan dari tempoh kematian. Sebab keadaan hari ini, saya kira yang tidak memohon itu sebenarnya kemungkinan masalah waktu ataupun kemungkinan ramai yang tidak tahu, bukannya tidak mahu tetapi tidak tahu. Saya mohon juga diberikan justifikasi usia si mati tidak lebih 55 tahun. Kenapaperlu syarat sedemikian? Saya kira sepatutnya syarat ini ditiadakan dan ia menjadi satu manfaat yang boleh diberikan kepada semua apabila berlaku kematian. Sekian, terima kasih.

#### ■1540

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Saya ingin juga menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat kerana kita hari ini, esok dan juga dua hari kemudian bahawa kita ada beberapa, semuanya enam rang undang-undang.

Saya mohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat kemukakan nama lebih awal mana satu Yang Berhormat hendak bahaskan. Senang saya hendak membuat perkiraan dari segi masa. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

### 3.40 ptg.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Izinkan saya menyentuh beberapa isu berbangkit untuk mendapat penjelasan pihak Yang Berhormat Menteri.

Isu pertama ialah pihak lembaga dicadangkan menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Syariah bagi menasihati lembaga dan panel pelaburan. Saya menyokong penubuhan Jawatankuasa Syariah ini dan berharap ahli-ahli panel yang dilantik nanti benar-benar terdiri daripada tokoh-tokoh profesional yang mempunyai kelayakan dan latar belakang sesuai dengan bidang berkenaan. Memandangkan KWSP ini sebuah badan yang besar, wang tunai dan aset yang banyak dan sudah tentulah memerlukan pengurusan yang cekap dan *transparent*. Selepas ditubuhkan, saya ingin mencadangkan agar Jawatankuasa Penasihat Syariah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dapat meneliti beberapa isu yang sedia ada agar ia patuh syariah khususnya melibatkan harta sepencarian dan pelaburan badan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin membangkitkan persepsi orang ramai berkaitan isu sama ada KWSP mematuhi syariah kerana badan itu turut melabur dalam firma pelaburan 1MDB yang turut melabur di Kepulauan Cayman. Jadi mereka bertanya kedudukan wang itu. Adakah pelaburan itu walaupun secara tidak langsung ia terlibat dengan pelaburan yang mematuhi syariah? Tuduhan berkaitan status pelaburan kerana belum ada panel syariah, adakah pelaburannya bercanggah dengan syariah. Mungkin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mampu menangkis persepsi yang menjadi *viral* hari ini dengan maklumat dan data yang lengkap.

Saya juga ingin memohon pencerahan berkaitan tafsiran KWSP sendiri sama ada wang caruman KWSP menjadi sebagai harta sepencarian. Ini kerana wujud kes apabila isteri yang diceraikan memfailkan permohonan di Mahkamah Sivil untuk menuntut wang caruman itu sebagai harta sepencarian memandangkan peruntukan undang-undang yang berbeza antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Jadi harta sepencarian melibatkan KWSP perlu di tafsir supaya isteri yang diceraikan juga mempunyai hak terhadap harta itu. Juga saya mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah berkaitan hak mewarisi jika berlaku kematian yang melibatkan pertukaran agama. Ini kerana ada kes di mana berlaku pertikaian mengenai siapa yang berhak mewarisi wang apabila pencarum yang sebelum itu bukan Islam dan akhirnya meninggal dunia selepas memeluk Islam. Maka akan berlakulah pertikaian di antara dua buah mahkamah iaitu Mahkamah Syariah dan juga sivil. Maka lebih rumit jika si mati tidak mengumumkan beliau telah bertukar agama sebelum meninggal dunia. Jadi ini bagi menyelesaikan kemelut keluarga dan sekali gus menepis persepsi bahawa agama Islam dan Mahkamah Syariah tidak berlaku adil dalam kes-kes sebegini.

Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya saya nak sama ada Yang Berhormat Senator Datuk Norliza, ada tak? Kamu duduk di sana?

**3.45 ptg.**

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maaf sebab saya ada mesyuarat di luar sekejap. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang KWSP. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian sebab saya rasa ini rang undang-undang yang sangat baik dan sangat penting yang perlu kita ambil perhatian.

Saya ingin menyentuh hanya beberapa perkara. Pertamanya ialah Fasal 3 seksyen baru 23A, 23B, 23C dan 23D di mana pencarum diberi pilihan mencarum di bawah KWSP Patuh Syariah. Ini adalah sangat penting sebab sebagaimana yang kita tahu lebih 60% - pencarum KWSP ini adalah daripada kalangan kaum Melayu. Jadi saya merasakan keperluan untuk bagi kita mencarum di bawah Patuh Syariah sesuatu yang amat penting. Cuma yang ingin saya bertanya kepada kementerian, masalah KWSP ini. Kalau kita lihat KWSP ini setiap tahun dividennya adalah lebih kurang sama, jarang naik tinggi atau rendah, ia lebih kurang agak mendatar.

Jadi saya merasakan apabila kita wujud Jawatankuasa Penasihat Syariah ini haruslah kita mencari orang yang betul-betul mempunyai latar belakang pelaburan dan juga syariah yang baik sebabnya kadang-kadang dalam kerajaan ini kita mempunyai jawatankuasa tetapi kita melantik orang yang mempunyai, dengan izin, *conflict of interest*. Jadi kita tidak mendapat hasil yang baik. Jadi ini yang saya mohon kepada kementerian. Apabila kita ingin membuat pelantikan, lantiklah orang daripada latar belakang *finance*, dengan izin, dan juga yang memahami mengenai syariah dengan baik.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai isu caruman yang dibuat kepada pekerja bergaji rendah yang mana yang kita tahu dalam laporan akhbar baru-baru ini, mengikut perangkaan KWSP, 78% orang ahli KWSP aktif pada usia 54 tidak mencapai simpanan asas pada RM196,000 sahaja dan 68% orang ahli pada usia 54 mempunyai simpanan kurang daripada RM50,000. Sebagaimana yang kita amat maklum, pada masa ini jangka hayat rakyat kita ialah bukan seperti dulu. Kalau dulu 55 tahun kita nampak agak berumur, ada kalanya kurang sihat tetapi sekarang kalau kita tengok 60 tahun kita masih ada yang sihat dan kuat- 70 tahun pun kalau kita tengok masih boleh bekerja dengan kuat.

Jadi saya rasa disebabkan jangka hayat usia manusia yang meningkat ini, maknanya EPF atau KWSP ini harus mengkaji balik supaya kita tidak mahu pada usia tua dia tidak mempunyai simpanan yang mencukupi. Maknanya mungkin dia akan jatuh miskin setelah dia berpencen disebabkan carumannya tidak mencukupi untuk menanggung kos bebanan hidup sewaktu usia pencen. Jadi saya rasa kerajaan harus memikir bagaimanakah mekanisme yang boleh diguna pakai supaya kita tidak mahu rakyat kita pada usia tua mereka bebanan kos, bebanan hidup mereka meningkat dan mereka akan jatuh sebagai di bawah tahap kemiskinan.

Jadi ini amat penting dan harus dititikberatkan. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membahagikan daripada caruman itu sebahagiannya untuk diinsuranskan untuk memastikan pada usia tua beliau, mereka ini dapat menjalani usia tua dengan mendapat cukup duit untuk menyara mereka, kos hospital dan lain-lain. Saya juga ingin menyentuh kalau kita tengok, saya ingin mengambil contoh seorang wanita dia bekerja kilang, dia pencen pada usianya 55 tahun. Dia masih kuat dan masih boleh bekerja tetapi caruman duit yang dia dapat itu hanya cukup untuk dia belanja sehingga usianya 65 tahun tetapi dia masih sihat.

■1550

Jadi, saya rasa jangka hayat ini yang harus kita kaji semula dan bagaimana kita dapat membantu rakyat kita supaya caruman ini mencukupi pada hari tua mereka. Jadi, ini perkara-perkara yang harus kerajaan titik beratkan. Saya mohon sekiranya kerajaan dapat memberitahu pada Ahli-ahli Dewan sama ada, ada tidak kajian ini dibuat atau tidak. Kalau kita lihat sebagai seorang pekerja kerajaan yang berpencen, di mana kemudahan hospital adalah percuma. Akan tetapi kepada pekerja-pekerja swasta, boleh dikatakan kebanyakan pekerja swasta hanya bergantung sepenuhnya kepada EPF. Jadi, adalah penting pelaburan EPF daripada duit rakyat ini harus dicarum di tempat yang membawa keuntungan semaksimum boleh. Pada masa yang sama, mereka ini perlu mencari mekanisme supaya caruman itu juga dapat mungkin diinsuranskan untuk keperluan hospital mereka di masa akan datang kerana mereka ini pekerja-pekerja swasta dan bukan pekerja-pekerja kerajaan.

So, saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali saya ingin bertanya, saya difahamkan KWSP juga membuat pelaburan di luar negara. Jadi, saya ingin bertanya, dengan kejatuhan nilai ringgit baru-baru ini, apakah kesan kepada pelaburan KWSP yang berada di luar negara? Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**3.51 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan RUU KWSP ini. Saya akan mulakan jawapan saya ini dengan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Johari. Jawatankuasa Penasihat, jika nasihat tidak dipatuhi oleh Lembaga Panel Pelaburan, maka apakah tindakan yang boleh diambil kepada lembaga dan panel? Bagi produk pelaburan, sekiranya nasihat JKPS tidak dipatuhi, aset pelaburan tersebut tidak akan dikategorikan sebagai aset pelaburan yang tidak patuh Syariah. Oleh sebab itu, mana-mana panel yang telah dilantik untuk memenuhi kriteria pelaburan syarak ini, maka mereka kenalah mengikuti keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan Syariah tersebut.

Kemudian, Datuk Dr. Johari Mat juga mengatakan bahawa sama ada definisi Bank Islam ini hanya pada Bank Islam. Tidak, ia tertakluk definisinya ialah kepada mana-mana bank yang menjalankan

perbankan Islam iaitu di bawah Akta Perbankan Akta Kewangan Islam yang diperkenalkan oleh Bank Negara pada 2013. Kemudian, berapa ramaikah majikan yang gagal mencarum dan apa tindakan yang telah diambil? Setakat Oktober 2015, seramai 7,106 orang majikan yang gagal mencarum iaitu lebih kurang 1.23%, tindakan yang diambil kepada majikan ini ialah seperti berikut:

- (i) jika majikan itu terus beroperasi, maka mereka dikenakan bayaran faedah ke atas caruman lewat bayar;
- (ii) tindakan perundangan juga dikenakan ke atas majikan seperti tindakan jenayah dan sivil;
- (iii) majikan yang gagal mencarumkan juga diambil tindakan di bawah seksyen 39 iaitu pengarah syarikat dilarang keluar negara melalui penahanan pasport mereka.

Soalan seterusnya, apakah perbezaan istilah antara faedah dan caj lewat bayar? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peruntukan caj lewat bayar ke atas majikan satu langkah pencegahan bagi mengelakkan daripada lewat membayar caruman kepada KWSP di samping melindungi hak ahli ke atas caruman tersebut. Ia juga bertujuan untuk menampung kos-kos pentadbiran yang terpaksa ditanggung oleh KWSP bagi melaksanakan penguatkuasaan ke atas majikan. Dalam amalan perbankan dan kewangan Islam, caj lewat bayar ini dibenarkan di bawah konsep *garamah* atau pun penalti bagi menampung kos-kos yang terpaksa ditanggung dalam proses penguatkuasaan dan *recovery*. Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Dr. Johari Mat juga mengatakan, apakah Skim KWSP-Islamik ini ditawarkan kepada ahli bukan beragama Islam? Ya, skim ini sebenarnya ditawarkan kepada semua sama ada yang beragama Islam atau pun bukan beragama Islam. Ia memberi *option* kepada mereka yang juga bukan beragama Islam.

Kemudian, seterusnya Datuk Noriah. Cadangan ahli Jawatankuasa Syariah KWSP di kalangan golongan wanita. Saya bersetujulah Yang Berhormat Senator. Tak kan semua lelaki kan? Kena masuk sebab pencarum pun ramai juga wanita. Jadi, setakat ini ahli JKPS terdapat tiga orang anggota daripada kalangan lelaki. Walau bagaimanapun, KWSP boleh mempertimbangkan untuk melantik anggota JKPS ini daripada kalangan wanita, tertakluk kepada kriteria-kriteria dan kelayakan yang diperlukan untuk menganggotai jawatankuasa tersebut. Tidak semestinya kita kena lantik wanita walaupun dia tidak ada memenuhi syarat. Syarat-syarat itu perlu ada iaitu kelayakan dan kepakaran dalam bidang Syariah. Saya percaya ramai wanita mempunyai kepakaran ini. Saya tidak nampak masalah untuk mendapatkan kepakaran tersebut dan juga kena mempunyai pengalaman luas dalam bidang kewangan Islam dan kelayakan dan kriteria lain yang diperlukan yang tertakluk kepada kelulusan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kemudian Datuk Hajah Noriah juga mengatakan apakah CSR yang dibuat oleh KWSP? KWSP membuat CSR seperti menyumbang kepada penubuhan penyelidikan di Universiti Malaya bagi menjalankan kajian-kajian yang boleh menambah baik penggubalan polisi-polisi kerajaan berkaitan persaraan. KWSP juga menubuhkan khidmat nasihat persaraan di pejabat cawangan-cawangan KWSP

iaitu untuk memberi nasihat berhubung perancangan persaraan secara percuma. Kemudian, bagaimanakah untuk menggunakan penggunaan simpanan KWSP untuk hari tua? Kesedaran merancang kewangan. Setakat 15 November, seramai 7,947 orang ahli sudah mendapat nasihat yang diberikan oleh KWSP.

Kemudian, seterusnya Yang Berhormat Senator. Tadi saya lupa hendak jawab Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Johari Mat iaitu mengenai seksyen 51(a), wang tidak dituntut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, tujuan kita meningkatkan wang tidak dituntut ini daripada RM80 ke RM100 ialah memandangkan bahawa jangka hayat kita hidup di negara kita ini telah meningkat. Ia telah mencapai sampai 72, 73 tahun. Jadi, kalau kita *limit* kan 80 tahun mungkin ia terlampau pendek. Jadi, kita buat ke-100 tahun. Saya juga hendak menjawab subjek yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chandra pasal *unclaimed money* ini. Sebenarnya, bila duit ini pada ketika dia mencapai umur 80 tahun, kita menghantar kepada *unclaimed money*. Akan tetapi oleh sebab ramai daripada kita punya penyumbang-penyumbang ini ada mereka ini masih simpan duit dalam KWSP, maka kita panjangkan tarikh umur untuk dihantar kepada *unclaimed money*. Selepas 100 tahun, duit ini diserahkan kepada kerajaan di bawah *unclaimed money*. Bila sampai kepada kerajaan itu pula, dia ada lagi 15 tahun untuk dia *claim*. Kemudian apabila sudah tidak boleh, baru masuk dalam *consolidated fund*.

#### ■1600

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat mengatakan bahawa kalau sudah masuk *unclaimed money* ini, kenapa tidak serah kepada Baitulmal contohnya. Ia apabila kita sudah serahkan kepada Baitulmal ini, jadi tidak ada tuntutan lagi. Akan tetapi kalau kata kita masuk dekat *unclaimed money*, masih ada lagi 15 tahun untuk dia buat *claim*. Kemudian selepas itu, ia masih juga boleh buat *claim* sekiranya ada dokumen-dokumen mengesahkan hak mereka.

[*Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.***]

Kemudian Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah juga ada sebut tadi KWSP mengkaji mekanisme untuk menampung kos persaraan kepada warga tua, warga emas. Isu ketidakcukupan simpanan persaraan ahli ini telah kita maklumi. Dalam usaha kita meningkatkan kesedaran ini, kita perlu banyak memberi panduan pendidikan kewangan. KWSP giat menjalankan program dan perkhidmatan kepada pencarum-pencarum agar mereka dapat mentadbir kewangan mereka dengan lebih baik dan tidak seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Khairudin tadi di mana selepas dia habis dapat duit EFP dia pergi melancong. Jadi, ini yang EPF hendak ajar sebab dahulu dia tidak ada, EPF ini, sekarang sudah ada. Jadi kalau Dato' Khairudin ada dahulu, dia boleh dapat nasihat ini.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah bertanyakan berapakah jumlah aset pelaburan luar negara KWSP. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat suku ketiga, tahun 2015, jumlah aset pelaburan KWSP adalah sebanyak RM667.56 bilion. Daripada jumlah tersebut, 27 peratus dilaburkan dalam pelaburan luar negara. Peratusan ini telah menyumbang kepada lebih 40 peratus daripada jumlah

pendapatan pelaburan yang terkumpul bagi tahun semasa iaitu kita melabur 27 peratus tetapi jumlah pendapatan kita hampir dapat 40 peratus daripada jumlah pendapatan yang diterima oleh KWSP.

Soalan seterusnya ialah berapakah jumlah aset pelaburan patuh syariah. Setakat hari ini, bagi tempoh yang sama, lebih 40 peratus atau lebih RM250 bilion adalah dalam pelaburan patuh syariah.

Kemudian Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah juga bertanya apakah ciri-ciri syarikat yang dilaburkan oleh KWSP. Ciri-ciri syarikat yang dilaburkan oleh KWSP ini- ia pelaburan yang adalah berdasarkan profil pulangan dan juga risiko sesuatu instrumen yang menepati kriteria pelaburan KWSP bagi mencapai objektif pelaburan yang ditetapkan. Antara kriteria yang diambil kira termasuklah kekuatan dan kestabilan syarikat, keuntungan yang berterusan serta pembayaran dividen pada kadar yang kompetitif dan konsisten dari tahun ke tahun. Tadbir urus korporat sesebuah syarikat turut dipertimbangkan oleh KWSP dalam membuat sesuatu pelaburan.

Kemudian Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah bertanya apakah tujuan KWSP meneruskan dividen dibawa sehingga ahli mencapai 100 tahun. Seperti mana saya sebutkan tadi, oleh sebab kita telah menganjakkan penghantaran duit *unclaimed money* daripada 80 tahun ke-100 tahun, maka sudah tentu duit yang ditinggalkan dalam KWSP ini juga *entitled* untuk mendapat dividen sehingga sampai 100 tahun. Ia supaya konsisten dengan konsep untuk menghantar duit kepada *unclaimed money* tersebut. Saya juga hendak *confirm* bahawa *unclaimed money* tadi ialah sebanyak RM422.2 million.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Satu, Yang Berhormat. Kita tahu yang fasal 11 itu sudah tukar ke- had umur 75 tahun itu sudah tidak ada lagi. So, adakah ertinya caruman itu boleh dibuat sampai- bukan dividen, caruman. Pasal, dahulu apabila ada had 75 tahun itu, caruman pun tidak boleh lebih dari 75 tahun.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Caruman ini sebenarnya ia bergantung kepada kalau kita masih umur 60 tahun, kalau kita sudah berhenti, kita sudah tidak ada bekerja di peringkat umur 60 tahun, kita tidak dibenarkan mencarum. Akan tetapi *balance* duit kita itu boleh *continue* dapat dividen. Pengeluaran itu bergantung kepada kita. Contoh kalau macam seseorang itu telah masuk umur 60 tahun, kemudian dia sudah tidak bekerja tetapi dia tidak mahu mengeluarkan duitnya kerana dia punyai duit *saving* masih ada lagi, dia hendak tinggalkan duit itu dalam KWSP, maka duit yang dalam KWSP itu masih boleh dapat dividen KWSP.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Yang Berhormat, mungkin fahaman saya tidak betul. Fahaman saya ialah setakat 60 tahun itu apabila caruman itu, ada caruman daripada majikan dengan pekerja. Akan tetapi selepas 60 tahun, dia cuma tidak ada caruman daripada majikan. Mungkin kefahaman saya itu salah pasal saya tidak ada Akta Ibu dengan saya ini. Caruman pencarum itu saya rasa dahulu boleh, dibenarkan sehingga 75 tahun...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Sekarang pun boleh sampai 75 tahun tetapi dengan syarat dia mencarum kerana dia bekerja. Akan tetapi kalau dia tidak bekerja, tidak ada orang hendak carum. Akan tetapi kalau kita masih bekerja selepas umur 60 tahun dan majikan mencarum, jadi KWSP kena terima

daripada segi pencaruman. Akan tetapi soalan tadi itu kalau katakan dia *retire* umur 60 tahun, kemudian tidak ada lagi pencaruman dimasukkan tetapi duitnya tidak keluar tetapi dividen dia boleh dapat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *Sorry*, pasal implikasi. Saya cuma hendak *highlight* pasal implikasinya. Kalau kita tengok daripada segi implikasi, ia juga ada implikasi atas *self employed individual* yang boleh carum. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** 75 tahun itu masih kekal. Okey, yang ini saya sudah jawab. Jumlah simpanan tadi adalah lebih kurang RM422 juta yang tidak dituntut setakat 30 September.

Keupayaan untuk bayar dividen dilihat semakin menurun berbanding dengan Tabung Haji (LTAT). Untuk makluman Yang Berhormat, saya rasa itu adalah bukan satu *comparison* yang betul untuk kita buat. Ini adalah kerana kalau kita tengok, kebanyakan kita punya pelaburan di KWSP ini, 50 peratus pelaburan ini pelaburan yang berbentuk *fix income*. Jadi kalau kita tengok *fix income* untuk tahun 1980 dan juga sekitar tahun 1980-an, faedah sahaja- kalau kita simpan duit dalam bank, dia bagi kita *interest* lebih kurang lapan peratus. Kalau kita simpan dalam *finance company*, *it can reach* sampai 11 peratus. Jadi, sudah tentu waktu ketika itu kalau 50 peratus simpanan kita kepada simpanan tetap, sudah tentu dividen boleh tinggi. Akan tetapi hari ini kita tengok kalau *fix deposit* tiga dan empat peratus, dan 50 peratus daripada jumlah *fund* yang *dimanage* oleh KWSP ini dilaburkan untuk *fix income*, jadi sudah tentu ia tidak *reflective*.

Cuma, saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat Senator, setakat hari ini, EPF ini merupakan sebuah institusi *pension fund* yang ketujuh terbesar dalam dunia. Kalau saya boleh sebut, nombor satu ialah *Government Pension Fund of Japan*, kemudian nombor dua, *Government Pension Fund of Norway*, kemudian *National Pension Fund of South Korea* di nombor tiga. Nombor empat, *National Social Security of China*. Nombor lima, *Canada Pension Fund*, Kanada. Nombor enam, *Central Provident Fund of Singapore*. Kita nombor tujuh, *Employee Provident Fund*, dalam dunia. Jadi, saya rasa kita mempunyai *a world standard as far as we manage this fund*.

Seterusnya, KWSP mencadangkan mekanisme kecukupan untuk menampung persaraan. Pada tahun 2013, KWSP telah meningkatkan kadar caruman majikan sebanyak satu peratus daripada 12 peratus sebulan kepada 13 peratus sebulan bagi pekerja yang berpendapatan RM5,000 dan ke bawah.

#### ■1140

Pada tahun 2010, KWSP memperkenalkan Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M) yang membolehkan golongan yang tiada pendapatan tetap seperti orang bekerja sendiri dan juga suri rumah mencarum secara sukarela dengan jumlah minimum RM50 sebulan terhad kepada RM60,000 setahun. Kerajaan turut menyumbang sebanyak 10% daripada simpanan tertakluk kepada RM120 setahun kepada ahli yang menyertai skim ini. Ini salah satu daripada menggalakkan mereka menyimpan.

Kemudian untuk menggabungkan cadangan- Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan mencadangkan untuk gabungan KWSP dan PERKESO. KWSP dan PERKESO dua sistem yang sangat berbeza dengan matlamat serta objektif yang berlainan. Skim KWSP, simpanan untuk individu untuk tujuan persaraan. Manakala skim PERKESO pula skim yang berasaskan *social insurance* untuk bencana

dan *unemployable* untuk sewaktu mereka bekerja. Untuk menerima manfaat iaitu pekerja-pekerja untuk kita insuranskan pekerja-pekerja tersebut dibandingkan dengan KWSP.

Kemudian Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga mengatakan bahawa soal tukar penamaan KWSP adakah untuk menggalakkan kita buat *roadshow* kerana banyak orang tidak buat penamaan ataupun menukar penamaan. Jadi KWSP telah pun mengambil tindakan berikut:

- (i) mengadakan sesi taklimat awam ke seluruh negara bagi menggalakkan ahli mengemas kini penamaan. Dia sebelum kahwin dia taruh letak nama mungkin emak dia ataupun rakan-rakan dia. Kemudian bila dia kahwin dia terlupa hendak tukar. Jadi itu memang kita galakkan;
- (ii) kempen melalui saluran media massa secara berkala; dan
- (iii) mengadakan khidmat *mobile team* yang akan pergi ke premis-premis majikan untuk ahli menukar penamaan.

Kemudian Yang Berhormat Senator Datuk Norliza sebut tadi soal apakah kesan kejatuhan Ringgit Malaysia bagi pelaburan KWSP di luar negara. Pada masa ini kesannya sangat positif kepada KWSP, sewaktu mereka melabur dahulu dia *convert US Dollar* RM3.20 atau RM3.30 tetapi hari ini RM4.00 lebih. Sudah tentu kalau dia menjual pelaburan mereka dan bawa balik bukan sahaja dapat untung daripada segi pelaburan tetapi *capital appreciation* daripada segi *currency* juga mereka dapat.

Kemudian Yang Berhormat Senator Datuk Norliza, tafsiran KWSP sama ada wang caruman harta sepencarian memandangkan undang-undang berbeza antara sivil dan syariah, mesti sama ada hak kepada KWSP. Ini saya hendak bacakan sedikit daripada segi penamaan ini harta sepencarian. Daripada segi harta sepencarian untuk Yang Berhormat Senator, kalau bagi masyarakat Islam, muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 22 Februari 2015 telah memutuskan bahawa wang caruman KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian dan menetapkan wang tersebut harta pusaka yang hendaklah dibahagikan mengikut hukum faraid. Itu keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang telah ditetapkan.

Kemudian seterusnya hak mewarisi Yang Berhormat Datin Rahimah hak mewarisi simpanan KWSP jika berlaku pertukaran agama, siapa yang berhak jika pencarum bukan Islam dan kemudiannya bertukar agama kepada Islam. Bagi ahli yang beragama Islam penama adalah hanya sebagai pentadbir kepada simpanan si mati. Apabila hendak diagihkan dia kena mengikut sistem faraid. Bagi ahli bukan Islam, penama pemilik mutlak simpanan si mati. Jadi status penama adalah bergantung kepada agama ahli KWSP yang meninggal dunia tersebut sewaktu mereka meninggal dunia. Jika ahli bertukar agama, peranan agama juga bertukar di mana kalau yang bukan Islam bertukar kepada Islam maka penama itu menjadi hanya sebagai pentadbir yang ditetapkan dalam sistem kita.

Kemudian cadangan pekerja asing yang sah. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, cadangan pekerja asing yang sah mencarum secara wajib kepada KWSP. Pekerja asing yang bekerja di negara ini bagi tempoh yang pendek sedangkan simpanan KWSP simpanan jangka panjang. Oleh sebab itu kita tidak menggalakkan. Selepas tiga tahun dia tidak mencarum kita hantar kepada *unclaimed*

*money. We do not want to keep their money* dalam KWSP kerana mungkin dia datang sini untuk jangka yang pendek dia bekerja. Akan tetapi majikannya *contribute* kepada dia punya KWSP kemudian dia balik kepada negara dan dia tidak datang lagi balik. Dalam masa tiga tahun tidak ada pencaruman kita hantar kepada *unclaimed money. Later*, kalau dia datang untuk buat *claim* dia boleh pergi ke *unclaimed money* untuk mendapatkan duit mereka.

Caruman majikan akan meningkatkan kos majikan dan ini akan menjejaskan produktif sebuah syarikat. Dia kadang-kadang ada *expatriate for example* dia tidak mahu untuk menyumbang kepada KWSP. Jadi kita bagi *option*, kita tidak bagi dia sebagai compulsory untuk dia menyumbang. Pekerja asing mempunyai perlindungan insurans yang disediakan oleh majikan di bawah skim-skim tertentu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Bermakna kalau dia tidak menyumbang tetapi *employer* belikan dia punya insurans makna dia sudah cukup untuk *cover* dia punya *security for retirement*.

Statistik warga negara asing yang mencarum dengan KWSP. Setakat Oktober 2015 terdapat 248,888 orang ahli daripada pekerja asing dengan jumlah simpanan RM2.06 bilion di mana hanya 4.2% ataupun 10,963 orang ahli aktif dengan jumlah simpanan sebanyak RM1.59 bilion, 77.36% daripada jumlah simpanan keseluruhan pekerja asing. Manakala 95.8% ataupun 237,925 lagi ahli tidak aktif. Tidak lagi mencarum kepada KWSP dengan jumlah simpanan sebanyak hanya RM460 juta, itu persamaan dengan 22.64%.

Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin, adakah diwajibkan untuk membayar zakat? Zakat saya hendak bacakan Majlis Fatwa Kebangsaan yang dikeluarkan. Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Kali Ke-5, 1992 dan kali ke-74, 2006 telah memutuskan ahli KWSP beragama Islam wajib mengeluarkan zakat simpanan KWSP setelah menerima. Ini tertakluk kepada haul dan nisab. Walau bagaimanapun, ahli digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima simpanan KWSP tanpa menunggu haul setahun.

Zakat simpanan KWSP adalah berbeza dengan simpanan Tabung Haji. Ini adalah kerana ahli KWSP beragama Islam tidak mempunyai pemilikan sempurna ke atas simpanannya yang merupakan salah satu syarat wajib mengeluarkan zakat yang perlu dipenuhi. KWSP pula hanyalah pemegang amanah dan pengurus dana bagi pihak ahli KWSP.

Syarat pemilikan sempurna hanya akan dipenuhi apabila simpanan KWSP tersebut dikeluarkan dan diterima oleh ahli. Berbanding dengan simpanan KWSP pendeposit Tabung Haji mempunyai pemilikan sempurna ke atas simpanannya kerana pendeposit berhak untuk mengeluarkan simpanannya bila-bila masa. Ini adalah selari dengan Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Kali Ke-17 yang memutuskan Lembaga Urusan Tabung Haji diwajibkan mengeluarkan zakat kepada pendeposit dan tidak kepada KWSP.

#### ■1620

Kemudian seterusnya, manfaat Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Manfaat kematian dibayar dalam tempoh enam bulan seperti kematian disemak semula. Hak 50 tahun



untuk pembayaran bantuan manfaat kematian ditiadakan. Penamaan- cadangan-cadangan ini kita akan ambil maklum, kita akan buat pertimbangan. Terutamanya apabila pekerja itu masih bekerja pada umur 60 tahun. Kalau kita dapat manfaat itu hanya umur 55 tahun, saya pun rasa tidak adil. Oleh sebab kalau dia masih bekerja umur 56 tahun, jadi *I think* KWSP akan melihat benda ini dan selalunya *on case-by-case* kita boleh bayar.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, apakah tindakan yang telah diambil oleh KWSP terhadap majikan yang gagal? Itu saya sudah jawab tadi. Prasarana caruman, sudah.

Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah binti Mohamed, apakah yang dimaksudkan pemakaian prinsip syariah? Adakah jawatankuasa syariah KWSP dalam aspek pelaburan syariah melihat aktiviti-aktiviti komisen melibatkan pelaburan ke atas syarikat-syarikat yang didaftarkan? Penilaian prinsip syariah ke atas KWSP Islamik adalah berdasarkan konsep tadbir urus syariah yang terbaik di mana meliputi pengurusan, operasi, pelaburan, KWSP Islamik berdasarkan prinsip syariah di bawah peruntukan baru seksyen 23, dan seksyen 24, JKPS merupakan pihak berkuasa dalam menentukan memberi nasihat mengenai perkara-perkara berkaitan syariah berhubung KWSP. Dalam masa yang sama, JKPS dalam menentukan sesuatu isu pelaburan patuh syariah perlu mengambil kira aspek-aspek komersial termasuk dalam menentukan tujuan dan penggunaan dana patuh syariah. Semua keputusan JKPS berkaitan syariah adalah mengikat kepada ahli jawatankuasa pelaburan.

Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad, saya rasa sudah jawab. Ini pun saya sudah jawab. Cuma saya hendak jawab ada satu tadi Yang Berhormat Senator tanya saya soal 1MDB pelaburan 1MDB, ya? Ada bercerita fasal 1MDB tadi kan? Jadi untuk pengetahuan, KWSP ia melabur dalam bon, dalam syarikat-syarikat *energy*. Setakat hari ini 1MDB melabur dalam bon Jimah Energy Ventures Sdn. Bhd., Panglima Power Sdn. Bhd., *operating companies*. Kita tidak melabur di luar negara daripada segi 1MDB. Aset yang ada dalam negara kita melabur dalam itu dan kita- 1MDB beli bon-bon ini sebelum- EPF beli bon ini sebelum 1MDB *acquire* ataupun *power plant* yang dilaburkan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 24** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PINDAAN) 2015**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.27 ptg**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang diberi kuasa di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 iaitu Akta PIDM untuk mentadbir sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans. Penubuhan PIDM bertujuan untuk meningkatkan keyakinan pendeposit dan pemunya sijil takaful dan polisi insurans serta memulihkan institusi anggota yang tidak berdaya maju. Peranan PIDM dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan bertindak sebagai Lembaga Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Authority*) untuk institusi anggota PIDM telah diiktiraf dalam Pelan Sektor Kewangan 2011- 2020. Bagi tujuan ini pihak PIDM sentiasa menjalankan kajian dan semakan bagi tujuan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menguruskan institusi anggota yang bermasalah serta dalam mengukuhkan perlindungan kepentingan pendeposit dan pemunya sijil takaful dan polisi insurans.

Pada tahun 2013, Bank Negara Malaysia telah menggubal Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) bagi menggantikan enam akta yang dahulu ditadbir. Enam akta tersebut ialah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Dalam penggubalan APK dan APKI, cadangan pindaan ini diperlukan bagi menyelaraskan Akta PIDM dengan APK dan APKI sebagaimana yang sesuai. Selaras dengan mandat PIDM untuk melaksanakan tindakan campur tangan dan resolusi terhadap institusi anggota yang bermasalah dan dengan segera serta meminimumkan kos kepada sistem kewangan, cadangan pindaan perlu dibuat untuk melengkapkan dan memperkukuhkan kuasa tindakan campur tangan dan resolusi PIDM.

#### **■1630**

Secara keseluruhannya, RUU PIDM (Pindaan) 2015 akan:

- (i) mengemas kini dan menyelaraskan Akta PIDM dengan APK dan APKI sebagaimana yang sesuai.
- (ii) mengukuhkan dan melengkapkan skop kuasa tindakan campur tangan dan resolusi PIDM; dan
- (iii) membuat pindaan kecil dan berbangkit kepada Akta PIDM.

Tuan Yang di-Pertua, APK dan APKI berkuat kuasa pada tahun 2013 dan telah memperkenalkan peruntukan baru. Sesetengah peruntukan baru ini, terutamanya peruntukan berkenaan dengan penggulungan adalah tidak konsisten dengan Akta PIDM. Oleh itu, peruntukan Akta PIDM perlu diselaraskan dengan peruntukan APK dan APKI sebagaimana yang sesuai. Bidang utama dalam Akta PIDM yang perlu diselaraskan dengan APK dan APKI adalah seperti berikut:

- (i) untuk membezakan “akaun pelaburan Islam” yang pemulangan wang prinsipalnya tidak dijamin oleh bank daripada “deposit Islam” yang pemulangan wang prinsipalnya dijamin oleh bank;
- (ii) untuk mewajibkan aset perbankan konvensional dipisahkan daripada aset perbankan Islam dalam penggulungan anggota penerima deposit yang menjalankan perbankan konvensional dan Islam;
- (iii) keutamaan bayaran (*priority of payment*) apabila anggota penerima deposit dan anggota penanggung insurans digulungan;
- (iv) penggunaan kumpulan wang sertaan (*participating fund*) apabila anggota penanggung insurans digulungan; dan
- (v) hak tuntutan pemunya sijil takaful atau polisi terhadap anggota penanggung insurans yang digulungan.

Pemindahan wajib syer. Tuan Yang di-Pertua, PIDM ialah pihak berkuasa resolusi yang berhak mengambil tindakan resolusi terhadap institusi anggota yang tidak berdaya maju dan Bahagian VII, Akta PIDM mengandungi peruntukan kuasa campur tangan dan resolusi PIDM. Rang Undang-undang PIDM (Pindaan) 2015 memperkukuhkan kuasa resolusi PIDM yang sedia ada melalui peruntukan baru kuasa pemindahan wajib syer.

Cadangan kuasa pemindahan wajib syer ini bertujuan membenarkan PIDM mengambil tindakan resolusi dengan segera terhadap institusi anggota yang diisytiharkan tidak berdaya maju. PIDM boleh dengan kelulusan Menteri Kewangan memindahkan syer institusi anggota yang tidak berdaya maju kepada pembeli pihak swasta yang mampu melaburkan wang untuk memulihkan institusi anggota tidak berdaya maju tersebut. Pampasan yang munasabah akan diberikan kepada pemegang syer dan pemegang syer berpeluang untuk memohon penyemakan semula kemunasabahan pampasan tersebut melalui Jawatankuasa Pentaksir.

Kuasa pemindahan wajib syer yang dicadangkan ini merupakan resolusi pihak swasta (*private sector resolution*) yang penting untuk memastikan institusi bermasalah dapat dipulihkan melalui dana swasta apabila terdapat pembeli swasta yang bersedia memulihkan institusi anggota bermasalah

tersebut. Kuasa pemindahan wajib syer ini akan dapat meminimumkan gangguan sistematik dalam pengendalian institusi anggota bermasalah di samping melindungi fungsi ekonomi yang penting. Cara resolusi ini membolehkan institusi anggota terus wujud dan beroperasi sebagai entiti yang sah serta mengelakkan gangguan dalam perkhidmatan perbankan ataupun insurans demi kepentingan pendeposit dan pemunya sijil takaful dan polisi insurans.

Salah satu kesimpulan utama yang berbangkit dari dialog polisi forum *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) ialah penginsurans deposit perlu mempunyai rangka kerja untuk mengambil tindakan campur tangan dan resolusi segera terhadap institusi yang bermasalah supaya kos kepada pendeposit dapat diminimumkan dan masalah institusi dapat dibendung agar ia tidak menjadi krisis kewangan sistematik. Kuasa pemindahan wajib syer ini telah diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai salah satu tindakan resolusi pilihan (*preferred resolution tool*) dan penting untuk kestabilan sistem kewangan.

Sejak berlakunya krisis kewangan global, badan-badan pengawal selia di negara seperti United Kingdom, Kanada dan Singapura telah mula memperkenalkan kuasa pemindahan wajib syer bagi menyelesaikan institusi yang bermasalah. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa pemindahan wajib syer. Akan tetapi kuasa Bank Negara ini hanya terpakai dalam krisis sistematik bagi mengelakkan dan mengurangkan risiko kepada pentadbiran kewangan.

Pindaan-pindaan kecil yang berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk meminda peruntukan lain dalam Akta PIDM bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran, kejelasan dan keselarasan pelaksanaan kuasa PIDM serta untuk membetulkan kesilapan tipografi. Pindaan yang dicadangkan adalah termasuk:

- (i) menjelaskan bahawa simpanan deposit di bank yang menjalankan perniagaan Perbankan Labuan dan Perbankan Islam Labuan tidak tertakluk kepada skop insurans deposit PIDM;
- (ii) selepas PIDM menghantar laporan tahunannya kepada Menteri Kewangan, PIDM dibenarkan untuk menyiarkan laporan tahunan sekiranya laporan tahunan tetapi tidak dapat dibentangkan di Parlimen enam bulan selepas penutupan tahun kewangannya; dan
- (iii) mentakrifkan bayaran yang dibuat oleh anggota penanggung insurans kepada PIDM sebagai "levi" bagi mengelakkan tanggapan salah yang menyamakan bayaran tersebut sebagai "premium insurans"

Peruntukan kecualian. Rang undang-undang ini juga memasukkan peruntukan kecualian untuk menangani isu-isu yang boleh berbangkit berikutan pindaan yang telah dicadangkan.

Kesimpulannya, Rang Undang-undang PIDM (Pindaan) 2015 ini adalah perlu dan penting bagi memastikan peruntukan APK, APKI dan Akta PIDM adalah konsisten dan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan. Rang Undang-undang PIDM (Pindaan) 2015 adalah perlu dan penting untuk

mempertingkatkan keberkesanan perlindungan pengguna kewangan dan membolehkan PIDM memainkan peranannya dan memenuhi mandat dengan lebih cekap dan berkesan.

Dengan itu adalah penting untuk memastikan PIDM mempunyai kuasa yang sewajarnya untuk menangani institusi anggota yang bermasalah. Semua ini akan memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem perbankan dan insurans, melindungi kepentingan orang awam dan seterusnya mengekalkan kestabilan sistem kewangan di samping merangsang pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapakah yang hendak mencelah? Yang Berhormat Menteri sudah selesai ke? Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Nampaknya saya tidak ada menerima nama-nama daripada Yang Berhormat yang hendak membahaskan rang undang-undang ini, namun saya buka ruang sekali lagi. silakan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

#### 4.37 ptg.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya berapa banyak deposit yang telah diterima oleh insurans deposit dalam negara kita, dan berapakah insurans yang dimiliki oleh rakyat Malaysia, insurans *company*? Satu lagi berapa yang dimiliki oleh rakyat luar negara dan berapa yang dimiliki oleh rakyat Malaysia dan juga luar negara. Saya juga hendak ingin mengetahui berapa banyak *claim*, pampasan yang telah dituntut oleh mereka yang telah mengambil insurans ini dan berapa banyak pula yang telah dibayar dan yang tidak dibayar itu kalau ada, mengapakah tidak dibayar?

Saya percaya industri insurans telah banyak memainkan peranan dalam negara kita. Kalau *compare* dengan sistem bank, berapa beza sumbangan masing-masing? Bank tentu lebih besar saya fikir dan hendak tengok berapa banyak perbezaan, berapa bilion Ringgit bank memiliki deposit, dan berapa pula bilion yang dimiliki oleh *insurance company*? Berapa yang menggunakan islamik dan berapa yang menggunakan konvensional. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, ada lagi? silakan Yang Berhormat.

#### 4.39 ptg.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin berbahas Rang Undang-undang PIDM ini berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman saya bersama

dengan *insurance companies*. Daripada pengalaman saya, kalau kita ambil insurans polisi contohnya, kadang-kadang syarikat-syarikat insurans ini tidak pernah memberikan penerangan kepada kita baik insurans kereta, insurans rumah dan sebagainya tidak pernah diberikan penerangan kepada kita tetapi hanya minta kita *sign*. Apa yang kita *sign* pun kadang-kadang kita tidak tahu.

Jadi ini menimbulkan persepsi yang tidak baik khususnya di kalangan orang-orang kampung. Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian apakah kementerian memberikan satu penjelasan ataupun memberikan satu lagi undang-undang khas kepada pihak-pihak insurans ini supaya penerangan diberikan kepada orang-orang kampung ataupun kepada rakyat berhubung dengan apa yang hendak ditandatangani oleh mereka.

■1640

Yang kita tandatangan itu pun kadang-kadang kita tidak tahu, kita tidak faham. Kadang-kadang bahasa Inggeris, bahasa yang cukup susah hendak difahami dan kita mengetahui bahawa apa yang kita tandatangan itu kadang-kadang bila kita hendak *claim*, *maashaaAllah* susahnya hendak dapat *claim* kita.

Kadang-kadang orang kampung- kami orang politik ini kadang-kadang di kampung itu bila *accident* sahaja marilah mereka menceritakan kepada kita bahawa *motorbike* mereka yang diinsuranskan tapi hendak dapat balik itu amat sukar. Kadang-kadang terpaksa menunggu bertahun-bertahun. Ini yang melibatkan saya rasa perlu diberi penekanan kepada kementerian, khusus dalam PIDM ini.

Soalan yang kedua, tadi kita bercakap soal *syariah compliance*. Apakah insurans juga mempunyai *syariah compliance* seperti mana yang kita bincang sebentar tadi di dalam Rang Undang-undang KWSP? Kita juga ada insurans takaful dan insurans-insurans yang lain. Kita hendak tanya pada hari ini apakah perbezaan antara insurans takaful dengan *the conventional insurance* daripada segi undang-undang yang hendak dibuat pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui siapakah *stakeholder* di dalam PIDM ini. Bank-bank mana yang terlibat di dalam PIDM ini dan apakah peranan yang dimainkan oleh mereka. Sekiranya berlaku, contoh kita bagi kita mengambil insurans daripada syarikat 'A', tiba-tiba *insurance company* ini bankrap dan kadang-kadang kita difahamkan bahawa insurans hanya akan *cover* RM250,000 sebagai contoh. Apa yang akan berlaku kepada lebihan insurans kita yang kita simpan bersama dengan syarikat-syarikat ini.

Ini kerana berlaku pada masa-masa yang lampau ada syarikat-syarikat yang terpaksa tutup kedai ataupun diambil tindakan oleh Bank Negara atas-atas sebab tertentu dan pendeposit-pendeposit ini mempunyai masalah untuk mengambil kewangan mereka semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya walaupun banyak soalan yang saya tanya, saya juga turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi? Baiklah silakan Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin.

**4.42 ptg.**

**Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam sehati sejiwa.

Saya tertarik juga untuk hendak mengemukakan beberapa persoalan berhubung dengan Rang Undang-undang PIDM ini. Saya tertarik seperti mana disebut oleh Yang Berhormat rakan-rakan saya tadi. Apakah yang menjadi keutamaan kepada kerajaan terhadap pendeposit-pendeposit atau penyimpan ini untuk dilindungi oleh skim atau akta ini?

Saya mahu tanya juga sekiranya kerajaan tidak menggalakkan, tidak ada akta ini, akta insurans ini, adakah daripada segi ekonomi negaranya dari sudut pandangan kerajaan, bagaimanakah dan berapakah nilainya kalau kita kira setahun ataupun pendapatan negara dalam industri insurans ini? Ini sebab seperti mana kita tahu insurans ini adalah industri yang dilahirkan oleh kapitalis-kapitalis Barat dan akhir-akhir ini sahaja sedikit perubahan dengan skim insurans takaful, insurans Islam dan sebagainya. Itu sahaja, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi? Kalau tidak ada, saya mohon minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya hendak buat penjelasan sedikit di sini bahawa PIDM ini sebuah badan berkanun yang dikuasai oleh kerajaan. PIDM konsep ia ialah ia tidak jual insurans kepada rakyat tetapi ia menginsuranskan 43 buah bank, 11 buah takaful, 32 buah *insurance company*. Itu tujuannya.

*Insurance-insurance company*, 32 *insurance company* ia akan jual polisi masing-masing, 11 takaful ia akan jual kepada insurans masing-masing dan 43 buah bank ini ia akan menjalan aktiviti dia. Kita tidak terlibat secara langsung cuma PIDM ini menjadi penginsurans kepada organisasi-organisasi ini.

Kenapa pentingnya PIDM ini. PIDM ini penting kerana kita hendak pastikan bahawa kalau sesuatu bank itu tidak berdaya saing atau berada dalam keadaan kerugian, jadi orang ramai akan berlari ke bank tersebut, *queue* hendak bawa keluar duit dia. Oleh sebab ada PIDM ini maka dia sudah tidak perlu takut kerana pada bila-bila masa dia punya pelaburan itu, dia punya deposit yang diletak dalam bank contoh setakat RM250,000 *guaranteed by* PIDM.

Jadi ada orang tanya saya kenapa RM250,000. Ini kerana RM250,000 itu sudah menjangkau 99% daripada pendeposit-pendeposit dalam 43 buah bank yang mempunyai deposit RM 250,000 ke bawah, dia *cover* 99%.

Kedua, insurans. Kalau kita beli polisi insurans, katakan *life insurance* 30 tahun atau 25 tahun, kita sudah beli *sum insured* katakan RM500,000, sudah bayar premium dalam masa 10 tahun, syarikat insurans tutup. Jadi PIDM *cover sum insured* RM500,000 tersebut. Itu dia punya sistem PIDM ini. Jadi *customer* PIDM ini cuma 43 buah bank, 11 takaful, 32 *insurance company*. Jadi untuk jawab soalan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam hendak tahu berapa banyak jumlah bank kita punya aset. Bank dekat Malaysia ini *total asset* bank kita ada RM2.2 trilion. Kemudian *insurance company* RM219 bilion, ini dia punya *total asset*. Kemudian takaful RM22 bilion, itu dia punya *total asset*.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah mengatakan sama ada siapa yang *govern insurance company* ini. *Insurance-insurance company* ini, bank dan juga takaful ia dijaga dan *disupervise*, dikawal selia oleh Bank Negara secara *direct* menggunakan Akta Perkhidmatan Kewangan (APK) dan juga Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013. Jadi, tiap-tiap entiti ini dikawal selia oleh Bank Negara *direct*. Cuma PIDM ini tugas ia ialah untuk memastikan kalau Bank Negara mengenal pasti bahawa syarikat ini sudah tidak lagi berdaya saing, PIDM akan datang ambil alih untuk pastikan cari pemegang-pemegang saham baru untuk mengambil alih sebelum mereka menjadi *liquidated*.

Macam sebelum ini, kalau kita lihat dulu *insurance company* banyak ia jual insurans *halfway through*, *company* tutup. Jadi akhirnya ramai orang sudah bayar premium berpuluh-puluh tahun, berbelas-belas tahun akhirnya syarikat tutup. Jadi di sini peranan PIDM. Apa beza antara insurans konvensional dan insurans takaful daripada segi undang-undang. Insurans konvensional dikawal selia oleh Bank Negara di bawah Akta Perkhidmatan yang saya sebut tadi. Takaful dikawal selia oleh Bank Negara di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa...

#### ■1650

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi penjelasan yang baik. Tadi Yang Berhormat kata PIDM ini jamin semua bank. Kalau bank itu katakan bankrap, apakah pendeposit semua akan dapat apa yang mereka telah depositkan? Katalah *insurance company* itu bankrap, jadi PIDM akan bayar semua jaminan yang dibuat oleh syarikat berkenaan. Soalan yang kedua, kalau kes-kes gempa bumi, bencana alam, banjir besar, insurans *cover* tidak? Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Senator Tan Sri, untuk mereka yang— saya bagi contoh kalau katakan dia simpan duit RM500,000 deposit dalam sesuatu bank. Katakan bank bankrap, PIDM bayar RM250,000 sahaja, yang lagi RM250,000 itu tidak bayar. Jadi dia melalui proses likuidasi atau *liquidation*, jadi dia akan duduk dalam pembahagian, *balance* RM250,000 itu. Akan tetapi *the first RM250,000 is guaranteed*. Jadi ini boleh *cover* hampir 99% orang pendeposit. Itu dia punya tujuan, supaya orang jangan pergi beratur pergi ambil duit fasal dia boleh mewujudkan satu suasana yang tidak menentu. Dia hendak *create confidence* dalam sesuatu institusi.

Kalau daripada segi fasal Yang Berhormat Tan Sri sebut tadi, sama ada kalau bencana alam boleh *cover* atau tidak, itu bergantung kepada *insurance company* yang mengeluarkan dia punya polisi. Kalau dalam polisi sebut ada, maknanya ada. Kalau tidak ada, tidak ada. Itu dia tidak termasuk dalam ruang lingkup PIDM. PIDM ini cuma untuk memastikan bahawa kalau organisasi bank, 43 buah bank tadi, takaful dan insurans, kalau mereka ini dapat berdaya saing, mereka akan datang ambil alih dan cari pemegang-pemegang saham baru ataupun mencari jalan penyelesaian untuk menyelamatkan pendeposit-pendeposit dan juga aset bank tersebut.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 96** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU 2015**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015 iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia memperuntukkan pendaftaran orang yang menjalankan amalan sebagai pengamal kesihatan bersekutu bagi mengawal selia amalan profesion kesihatan bersekutu dan perkara-perkara yang berhubung dengannya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015 dibentangkan dan dibacakan dalam Dewan Negara sekarang. Tujuan undang-undang ini diwujudkan adalah untuk menubuhkan suatu Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia bagi mengawal selia pendaftaran 23 jenis pengamal profesion kesihatan bersekutu serta kawalan dan pengawal seliaan amalan profesion kesihatan bersekutu di Malaysia. Sebanyak 23 jenis profesion ini bertugas di bidang klinikal, makmal dan kesihatan awam.

Pada masa ini, tiada undang-undang khusus yang wujud untuk mengawal selia pendaftaran dan amalan pengamal profesion kesihatan bersekutu tetapi pengamal profesion kesihatan bersekutu di sektor awam dikawal selia berpandukan Perintah Am, Jabatan Perkhidmatan Awam dan pekeliling-pekeliling perkhidmatan. Manakala pengamal profesion kesihatan bersekutu di sektor swasta hanya tertakluk kepada polisi dan peraturan-peraturan sesuatu organisasi swasta berkenaan.

Ekoran perkembangan pesat dan dinamik dalam sektor perubatan dan kesihatan, adalah perlu untuk mengawal selia perkhidmatan pengamal profesion kesihatan bersekutu di Malaysia supaya sektor ini dapat terus berkembang dan berdaya saing di peringkat global. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memasarkan tenaga mahir di peringkat antarabangsa.

Rang undang-undang yang dicadangkan adalah perlu bagi memastikan hanya mereka yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf dan diperakukan oleh Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia diterima mendaftar dan mengamal. Ia memberi kuasa kepada Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia untuk memastikan supaya piawaian perkhidmatan yang disampaikan oleh pengamal profesion kesihatan bersekutu mematuhi keperluan piawaian yang ditetapkan bagi setiap satu jenis profesion kesihatan bersekutu yang berkenaan. Jumlah pengamal profesion kesihatan bersekutu yang aktif mengamal dianggarkan seramai 50,000 orang. Maka jelas adanya keperluan melaksanakan pendaftaran dan pemantauan agar perkhidmatan penjagaan kesihatan yang disampaikan lebih mantap, selamat dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pengamal dan kepelbagaian profesion kesihatan bersekutu telah bertambah dengan begitu pesat berbanding dahulu di mana kemahiran dan kepakaran dahulunya hanya tertumpu kepada disiplin yang tertentu seperti fisioterapi, makmal perubatan, dan kesihatan persekitaran. Walau bagaimanapun, pada masa kini terdapat penambahan bilangan kepelbagaian profesion kesihatan bersekutu yang lain seperti audiologi, psikologi klinikal, genetik perubatan, *embryology*, sains forensik serta banyak lagi.

Amalan di dalam bidang-bidang profesion kesihatan bersekutu memerlukan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang khusus serta latihan bersesuaian. Kini mereka telah mula menjurus kepada pengkhususan dalam bidang profesion masing-masing. Ini adalah penting dalam menjalin kerjasama dengan pakar-pakar klinikal dalam memberikan rawatan kepada pesakit.

Selain kuasa untuk mendaftarkan seorang pengamal, Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia juga mempunyai kuasa untuk memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah selamat dan berkesan melalui sistem-sistem seperti *credentialing* dan *privileging* dan pembelajaran berterusan atau *continuous professional development* serta pemantauan kualiti perkhidmatan. Pengamal yang didapati kurang kompeten daripada segi pengetahuan atau kemahiran boleh diarahkan untuk menjalani latihan tambahan atau penempatan semula di bawah pengawasan pengamal yang berpengalaman dan kompeten.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini turut memperuntukkan kuasa bagi Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu untuk mengawal selia kelakuan profesion dan *ethical* pengamal profesion kesihatan

bersekutu serta prosedur berhubung dengan prosiding, tata tertib pengamal profesion kesihatan bersekutu tersebut.

■1700

Rang undang-undang ini juga memperjelaskan proses tindakan tata tertib ke atas pengamal secara telus dan berkesan. Ini memberi ruang kepada mana-mana pengadu yang tidak berpuas hati dengan apa-apa kata kelakuan atau amalan pengamal membuat aduan kepada Majlis supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Melalui rang undang-undang ini, apabila terdapat aduan terhadap pengamal profesion kesihatan bersekutu berdasarkan kepada penemuan oleh Ahli Jawatankuasa Siasatan dan pihak berkuasa disiplin majlis sekarang ini berpendapat bahawa adalah perlu untuk melindungi orang awam atau bagi maksud kepentingan awam boleh mengeluarkan perintah sementara terhadap pengamal profesion kesihatan bersekutu tersebut.

Contohnya seperti diletakkan di bawah pengawasan seorang pengamal profesion kesihatan bersekutu yang berpengalaman bagi tempoh tertentu atau jika pelanggaran tata tertib, kelakuan dan amalan pegawai adalah serius digantung amalan mereka serta-merta. Sehubungan dengan itu, sekiranya pengamal profesion kesihatan bersekutu didapati bersalah melanggar tataetika kelakuan profesion atau amalan, pengamal itu boleh dikenakan hukuman seperti nama pengamal itu dikeluarkan daripada data, nama pengamal itu digantung bagi tempoh tertentu atau pengamal itu diberi amaran.

Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu sangat diperlukan untuk menubuhkan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia bagi mengawal selia amalan profesion kesihatan bersekutu dan seterusnya memperkukuhkan perkhidmatan profesion kesihatan bersekutu di Malaysia akan dapat mempraktikkan secara *evidence-based* dan memberi perkhidmatan yang selamat serta berkualiti kepada rakyat dan seterusnya dapat berkembang dan berdaya saing di persada global. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada yang menyokong, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran orang yang beramal sebagai pengamal kesihatan bersekutu dan orang yang menjalankan aktiviti yang berhubung dengan kesihatan bersekutu. Untuk mengawal selia amalan profesion kesihatan bersekutu dan bagi perkara-perkara berkaitan dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada sesiapa yang hendak membahaskan rang undang-undang ini. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, ada lagi selain daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri. Saya akan panggil Yang Berhormat

Senator Tan Sri, tapi sebelum itu saya akan panggil Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad untuk membahas ya. Silakan.

### 5.03 ptg.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan saya dapat turut sama mengambil bahagian berbahas dalam Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu yang mempunyai 48 fasal dan 8 bahagian yang antara bertujuan untuk menubuhkan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia yang bertujuan mengawal selia amalan profesion kesihatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta itu adalah terpakai bagi mengawal selia profesion kesihatan bersekutu yang menyenaraikan 23 profesion dalam kesihatan bersekutu antaranya ahli audiologi, ahli fisioterapi, ahli pemakanan, ahli terapi, juru audiografi, diagnostik, juru teknik makmal perubatan, pegawai kesihatan persekitaran, pegawai sains forensik dan pegawai sosial perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, difahamkan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia akan diketuai oleh seorang pengerusi yang hendaklah disandang oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan pendaftar majlis selaku Timbalan Pengerusi. Saya menyokong cadangan ketua pengarah dilantik sebagai pengerusi majlis dan harapan saya pengerusi dapat menjalankan tugas dengan baik dan profesional. Juga majlis perlu dianggotai wakil yang dilantik oleh Menteri daripada setiap profesion dan dalam profesion kesihatan bersekutu dalam kalangan pengamal berdaftar daripada sektor awam atau swasta atau institusi pengajian tinggi yang layak dan mempunyai pengalaman yang bersesuaian.

Saya juga menyokong saranan ini tetapi wakil yang dilantik perlu benar-benar berkelayakan dan profesional serta mempunyai semangat kerjasama kerana mereka ini datang daripada latar belakang yang berbeza iaitu kerajaan, swasta, IPTA dan juga IPTS. Sebuah Jawatankuasa Penyiasat juga boleh ditubuhkan untuk menyiasat apa-apa aduan atau maklumat yang diterima terhadap pengamal berdaftar atau apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh majlis. Soalan saya, sejauh mana kuasa yang diberikan kepada jawatankuasa ini termasuk kuasa menahan dan mendakwa.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya hendak sebut yang kedua ini ialah isu di tempat saya di Machang. Saya juga ingin membangkitkan isu ini iaitu ketiadaan doktor pakar di Hospital Machang. Izinkan saya memetik sedikit maklumat daripada Kementerian Kesihatan berkaitan keperluan doktor dalam negara kita hari ini.

Nisbah bilangan doktor Malaysia sumber Kementerian Kesihatan Malaysia 2013, doktor perubatan satu dengan kadar 758 orang penduduk. Doktor pergigian satu dengan kadar 6,436 orang penduduk, farmasi satu dengan kadar 3,039 orang penduduk. Menjelang tahun 2020 Malaysia menasarkankan nisbah doktor perubatan bersamaan 1:600 mengikut piawaian WHO dan 1:400 mengikut piawaian negara maju. Bilangan doktor perubatan semasa ialah seramai 38,718 orang.

Untuk jangkaan 36 juta orang penduduk pada tahun 2020, Malaysia masih kekurangan seramai 21,282 untuk mencapai bilangan 60,000 orang doktor mengikut piawaian WHO atau kekurangan 51,282

orang doktor untuk mencapai bilangan 90,000 orang doktor mengikut piawaian negara maju. Manakala jumlah kekurangan atau jurang bilangan doktor pakar sangatlah besar. Saya tiada maklumat berkaitan dengan doktor pakar ini. Jadi soalan saya, saya mohon maklumat jumlah doktor pakar daripada rakyat tempatan dan warga asing yang berkhidmat di dalam negara kita serta nisbah antara doktor pakar dan populasi penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, di Hospital Machang Kelantan isu yang saya kira perlu diketengahkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah isu tiada doktor pakar yang ditempatkan di hospital tersebut. Bandar Machang ialah sebuah bandar yang mempunyai populasi 98,700 banciai tahun 2010. Daripada segi geografinya, Bandar Machang ini terletak antara laluan Kuala Krai, Kota Bharu, Pasir Puteh dan Tanah Merah.

Namun apa yang menjadi tanda tanya, saya difahamkan ketiga-tiga bandar ini Kuala Krai, Kota Bharu, Pasir Puteh, ketiga-tiga daerah ini mempunyai doktor pakar. Namun Bandar Machang ini agaknya terlepas pandang, tidak ada doktor pakar. Doktor pakar hanya ada sebulan sekali sahaja datang ke hospital untuk merawat pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan terdesak ini bila mana berlaku kes-kes yang kritikal di mana penduduk perlu menempuh perjalanan yang jauh untuk ke Kota Bharu, ke Kuala Krai untuk berjumpa dengan doktor pakar.

#### ■1710

Pesakit yang dalam kecemasan, ditambah lagi bila berlaku kecemasan ataupun sakit kritikal di waktu malam Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah menyebut, doktor pakar hanya datang sebulan sekali dan hanya dapat merawat pesakit dalam kadar 30 orang sahaja setiap kali datang. Jadi, itulah masalah yang saya kira perlulah perhatian daripada pihak kementerian supaya menaik taraf Hospital Machang ini untuk membolehkan doktor pakar ada di Hospital Machang. Saya rasa itu sahaja, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Silakan.

#### 5.11 ptg.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kerana kerajaan mencadangkan penubuhan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia yang merupakan suatu perkara yang amat penting bagi memperbaiki kesihatan rakyat Malaysia yang nampak semakin tercabar. Kita tahu salah satu penyakit rakyat Malaysia yang serius sekarang ini kegemukan. Di sini saya lihat ramai rakyat Malaysia perlu mendapat pendidikan seperti pemakanan dan dietetik. Mereka perlu memahami cara-cara menjaga kesihatan.

Jadi, saya harap dengan tertubuhnya Majlis Kesihatan Bersekutu ini, makluman kepada orang ramai akan dapat dibuat dengan lebih tersusun supaya gaya hidup ini dapat diamalkan secara sihat. Ini supaya isu-isu kegemukan yang akhirnya menyebabkan kencing manis, darah tinggi dan strok dapat

dikurangkan. Saya juga hendak sentuh hal fisioterapi. Ahli fisioterapi sekarang ini amat kurang di negara kita. Ada hospital cuma ada dua tiga orang, termasuk juga hospital pakar. Jadi, bila ramai rakyat yang kena strok, mereka sukar mendapat khidmat fisioterapi.

Oleh sebab itu, saya berharap dengan adanya Majlis ini banyak lagi ahli-ahli fisioterapi dapat dikeluarkan menerusi institusi-institusi pendidikan. Mereka patut diberikan lesen sama ada di hospital pakar, hospital swasta ataupun di pusat-pusat penjagaan kesihatan sukarela yang ditubuhkan. Ini kerana perkhidmatan mereka ini memang amat diperlukan. Sekarang orang ramai pergi jumpa tukang-tukang urutlah. Ramai juga tukang urut yang baik dan terkenal di seluruh negara. Kalau di Melaka itu ada beberapa orang dan kalau orang kena strok, semua pergi dekat dia sampai beliau pun tidak tahan.

Akan tetapi yang ini tidak termasuk dalam Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu. Ini macam *alternative medicine* ya ataupun perubatan tradisional. Saya tidak pasti apakah kerajaan telah menubuhkan satu Majlis Perubatan Tradisional seperti tukang urut, doktor homeopati dan akupunktur dan sebagainya. Ini masuk dalam *group* mana? Kalau sudah ada Majlis Perubatan Tradisional, *alhamdulillah* lah. Kalau tidak, eloklah juga ditubuhkan.

Sekarang kita melihat banyak juga spa dibuka di seluruh negara. Saya dalam Perbadanan Usahawan Nasional pun banyak juga usahawan spa. Sana spa, sini spa. Ini tidak termasuk dalam Majlis Perubatan Bersekutu. Jadi, saya cadangkan spa-spa, tukang-tukang urut tradisional ini juga patut kita lesenkan ataupun diiktiraf kebolehan mereka itu. Dia ini macam fisioterapi, jadi dia tidak masuk fisioterapi kerana fisioterapi ini ada *degree*, ada diploma.

Jadi, yang begini bagaimanakah pengiktirafan yang telah diberi oleh pihak Kementerian Kesihatan? Satu lagi kes-kes dakwaan. Adakah kementerian telah mengalami banyak kes, mereka mengaku yang mereka ini pakar perubatan tetapi sebenarnya tidak. Berapakah kes yang telah dikenal pasti dan didakwa? Berapakah kompaun ataupun saman-saman yang telah dikeluarkan kepada mereka yang telah membuat kesalahan?

Akhirnya, saya ingin bertanya, berapa ramaikah jumlah pakar-pakar kesihatan bersekutu? Apa yang dicatat dalam muka surat 38 dan 39 ini ada 23 kumpulan. Berapa ramaikah jumlah kesemua? Berapakah keperluan sebenar dan berapakah kekurangan? Apakah usaha-usaha kerajaan untuk menambah lagi bilangan ini hingga mencukupi mengikut keperluan rakyat Malaysia? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Ada lagi sesiapa yang hendak membahaskan rang undang-undang ini? Kalau tidak, kita minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan:** Saya, saya. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh, maaf Menteri, silakan Yang Berhormat.

**5.16 ptg.**

**Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015. Saya ingin menyentuh dua aspek, satu mengenai kesihatan mental. Kesihatan mental- masalah berkenaan dengan kesihatan mental semakin meningkat di seluruh dunia dan juga di negara kita. Apatah lagi dengan tragedi-tragedi yang berlaku yang melibatkan penerbangan baru-baru ini. Di Amerika Syarikat, dijangka ketidakhadiran dalam pekerjaan semakin meningkat dari 35% hingga 45%.

Ketidakhadiran pekerja di pejabat adalah disebabkan oleh masalah mental dan khususnya kemurungan. Ini suatu kes yang serius yang juga dialami di negara kita. Mengikut jangkaan, kemurungan dijangka menjadi penyakit yang utama menjelang tahun 2030 yang akan melepasi kes-kes kardiovaskular. Jadi, amatlah penting untuk kita beri perhatian supaya pakar-pakar psikologi dan pakar-pakar psikiatri diberi tumpuan dan ditingkatkan.

Saya menyeru kepada Kementerian Kesihatan supaya memberi perhatian dengan menambahkan bilangan pakar psikiatri dan psikologi di negara kita. Nisbah yang sedia ada di negara kita adalah seorang pakar psikiatri untuk populasi 115,000 orang. Apabila dibandingkan dengan nisbah yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pakar untuk 50,000 orang dalam satu populasi. Jadi, bilangan pakar psikiatri di negara kita amatlah rendah dan ini patut ditingkatkan.

Satu lagi aspek yang saya ingin sentuh ialah mengenai kesihatan sokongan. Perkhidmatan sokongan bagi kanak-kanak OKU. Kanak-kanak OKU yang mengalami autisme, disleksia, cerebral palsy, *asper syndrome* dan sebagainya, sekarang tidak mempunyai banyak sokongan dari agensi kerajaan. Sebaliknya, banyak NGO-NGO yang telah menubuhkan pusat-pusat pemulihan dan juga rawatan diberi oleh pakar-pakar di pihak swasta.

Untuk mendapat rawatan dan juga kemudahan dan juga pemulihan, ibu bapa terpaksa mengeluarkan wang yang banyak dan fi yang dikenakan ataupun caj yang dikenakan adalah amat tinggi. Jadi, saya syorkan kepada Kementerian Kesihatan supaya ada suatu *schedule* seperti mana yang diadakan bagi pakar-pakar dalam bidang profesion *medical* yang lain, untuk juga diadakan bagi pakar-pakar *speech therapist*, *audiologist* dan sebagainya yang berada di sektor swasta.

**■1720**

Saya juga menggesa supaya kerajaan menubuhkan lebih banyak pusat-pusat untuk menawarkan perkhidmatan pemulihan bagi kanak-kanak OKU dalam golongan masalah pembelajaran ini. Itu sahaja. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah. Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada lagi ya? Kalau tidak ada lagi, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**5.21 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil

bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini iaitu menubuhkan suatu Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu yang akan merangkumi 23 jenis profesion.

Sebenarnya semua sekali ada 37 jenis profesion bersekutu ini tetapi yang lain-lain sama ada sudah ada undang-undang masing-masing ataupun mereka akan membuat undang-undang sendiri untuk mengawal bidang masing-masing. Contoh yang sudah ada macam *Optical Act*, sudah ada untuk mengawal *optometrists*, *Counsellors Act* sudah ada mengawal *counsellors* dan *Food Analyst Act* pun sudah ada. *Pharmacist Act* akan dibawa ke sini untuk menubuhkan satu lagi *Pharmacist Act* dan *Dental Act* pun akan dibawa ke sini supaya akhirnya semua sekali profesion bersekutu ini, *allied health professions* akan dikawal di bawah undang-undang masing-masing. Apa yang kita bawa ini satu undang-undang yang besar yang akan mengawal 23 jenis *allied health professions*.

Saya sebut di sinilah, yang mengawal *audiologist*, mengawal *clinical psychologist*, mengawal *diagnostic radiographer*, *dietitian*, *entomologist*, *environmental health officer*, *forensic science officer*, *health education officer*, *healthcare food service officer*, *medical laboratory technologist*, *medical physicist*, *medical social officer*, *nutritionist*, *occupational therapist*, *physiotherapist*, *radiation therapist*, *speech language therapist*, *dental technologist*, *biomedical scientist*, *clinical biochemist*, *embryologist*, *medical geneticist and medical biologist*. Semuanya sekali ada 23.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat, saya tanya sedikit?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Adakah kementerian akan masukkan juga tukang urut, akupunktur, spa, homeopati, sinseh, bomoh dalam kumpulan ini?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Itu sebenarnya tidak. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi tidak termasuk dalam akta yang kita bincang ini kerana sudah ada akta mereka iaitu Akta TCM iaitu *Traditional and Complementary Medicine*. Sudah ada tetapi dalam proses hendak menubuhkan majlis sendiri di bawah TCM, termasuklah tukang urut, termasuk sinseh dan sebagainya, sudah masuk dalam itu. Sudah ada, diluluskan dua tahun lepas dan dalam peringkat menubuhkan Majlis sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Beliau menyokonglah. Terima kasih kerana sokongan ini.

Berkenaan dengan hospital yang disebut iaitu Machang, yang ini terkeluar sedikit daripada tajuk. Tidak apa, saya ingat saya jawab secara bertulis kerana hari ini kita bincang berkenaan dengan *allied health sciences* ini. Jadi saya akan jawab secara bertulis hal-hal Hospital Machang. Mungkin saya melawat sekalilah. Tengok musim apalah. Bukan musim tengkujuh saya pergilah, musim durian saya pergi... [Disampuk] Ini saya akan jawab *inshaaAllah*, secara bertulis kerana melibatkan yang lain.

Tentang *ratio doctor* ini, memang *target* kita *ratio doctor* dengan *population* ini ialah satu kepada 400. Sekarang kita ada satu kepada antara 600 hingga 700. Seorang doktor kepada 600 hingga 700 *population* kita dan kita berusaha ke arah itulah. Sekarang ini pun sudah ada ramai *houseman*. Tiap-tiap



tahun ada 5,000. Kalau dua tahun *houseman*, jadi 10,000 *houseman at any one time* ada di Malaysia ini dan memang tempat untuk latihan mereka pun agak terhad. Jadi, ada yang kena tunggu lama untuk dapatkan tempat untuk latihan. Ini semua akan saya jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah.

Tentang sejauh mana kuasa menahan dan mendakwa, ini pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Sebenarnya Majlis yang kita hendak tubuhkan iaitu Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu, hanya setakat mengambil tindakan tatatertib terhadap pengamal yang berdaftar. Selain daripada itu, kalau terlibat dengan kes-kes jenayah, itu di bawah kuasa polis. Kita hanya mengambil tindakan tatatertib.

Mengenai institusi pakar, saya ingat saya akan buat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bangkitkan berkenaan dengan apa yang telah dia sebutkan tadi. Beliau telah bangkitkan dalam ucapan tadi dan dibangkitkan semula. Saya sudah jawab bahawa tentang tukang urut dan sebagainya, itu di bawah TCM.

Mengenai spa, spa *licensing* di bawah PBT, bukan di bawah perubatan. Bukan di bawah Jabatan Kesihatan, di bawah PBT masing-masing yang menggunakan premis untuk melaksanakan spa di kawasan masing-masing.

Tentang program obesiti, yang ini ada masalah. Ini pun sebenarnya terkeluar sedikit tetapi tidak apalah, saya jawab. Obesiti memang satu perkara yang amat serius di Malaysia ini. Sekarang sudah ramai. Kalau kita ambil buat *survey body mass index* (BMI) yang lebih daripada 25. Saya ingat saya pun sudah 26, makan banyak. Makan satu hari sampai tujuh atau lapan kali. Jadi, kena makan sedikit-sedikitlah. Ini orang politik makan banyak kali. Kalau ambil BMI 25 ke atas, 25 sehingga 30 kita kata *overweight*. Lebih daripada 30 BMI, itu sudah gemuk. Jadi ambil angka itu, 25 ke atas, kita ada lebih daripada 8 juta orang masyarakat Malaysia ini yang gemuk dan Malaysia adalah yang paling gemuk di rantau ini.

Jadi, ini satu isu yang besar dan kita sedang melaksanakan kempen. Kempen NCD atau *non-communicable disease* termasuk yang gemuk ini. Bila yang gemuk terlampau gemuk, akhirnya dia akan dapat kencing manis. Jadi, kita berkempen ubah cara hidup kita, banyakkkan aktiviti, makan kena *balance*. Tidak boleh makan banyak macam kita makan sekarang, makan macam-macam sampai tidak kiralah semuanya dimakan. Tidak boleh, kena ada *balance* sedikit.

Untuk lelaki, kita *recommend* cuma 2,000 *kilo calories per day*, manakala perempuan 1,800 *kilo calories per day*. Tidak banyak. Jadi jangan makan lebih daripada itu. Makan, mesti makan *last* sekali makan malam empat jam sebelum tidur. Ini nasihat doktor, empat jam sebelum tidur. Kalau makan sejam sebelum tidur atau lepas makan tidur, dia akan simpan dalam badan kita. Jadi karbohidrat yang kita makan, mi goreng, mi rebus atau nasi kah, dia akan simpan dalam badan kita dan jadi *fat*, jadi lemak dalam badan kita. Jadi, bahaya. Sebab itu kita menggalakkan pelbagai aktiviti. *Exercise* banyak, berjalan kaki 10,000 langkah sehari. Kalau boleh, pergi *office* jangan naik lif, naik tangga, yang lutut eloklah. Kalau lutut tidak elok, jangan naik tangga. Berbagai-bagailah yang kita buat dan kita bekerjasama dengan

masyarakat Malaysia, masyarakat kita, turun ke padang. Ini pun saya sudah sebut perkara ini. Turun ke padang hendak buat latihan masyarakat kita. Di bawah KOSPEN, kita sudah latih 30,000 orang sukarelawan untuk latih mereka untuk *check blood pressure*, *check glucose*, *check* kolesterol dan sebagainya dan kalau kita dapat kesan awal, kita akan rujuk kepada klinik yang berdekatan supaya kita boleh buat tindakan awal. Ini semua...

■1730

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri. Nampaknya waktu kita sekarang tepat pukul 5.30 petang jadi...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung sedikit lagi? Saya hendak habis sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, berapa minit lagi?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya boleh *stop* sekarang pun. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada semua yang telah pun bercakap dan menyokong rang undang-undang ini dan *inshaaAllah*...

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Pertanyaan saya belum dijawab. Isu-isu yang saya bawa tadi mengenai *mental health* dan juga kanak-kanak OKU.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Oh, yang itu ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa kalau boleh Timbalan Menteri menjawab secara bertulislah ya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, nanti ini juga ialah saya boleh kata *yes or no* untuk saya jawab terlibat dengan rang undang-undang ini. Tidak apalah, jadi saya jawab secara bertulislah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 17 Disember 2015. Terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang.]***